

MENUJU KELAHIRAN MALAYSIA

IBRAHIM BIN ISMAIL

5, 6, 7, 8, 9

5, 6, 7,



Diterbitkan oleh
Edusystem Sdn. Bhd.,
121, Jalan 17/42, Taman Lawa,
51200 Kuala Lumpur.
Tel: 03-621720

Cetakan Pertama 1992
© Hak Cipta Haji Ibrahim bin Ismail
ISBN: 967-906-121-2

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan
mana-mana bahagian buku ini, sama ada tulisan atau
ilustrasinya, dalam apa jua bentuk dan teknik secara
elektronik, fotokopi, mekanik atau lain-lain sebelum
mendapat izin bertulis daripada penerbit. Perundingan
tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Dicetak oleh
SYARIKAT ALAT TULIS SOORAMA
No. 9 Jalan Bachang, 3rd mile off Jalan Ipoh,
51200 Kuala Lumpur.

7595
132
660726

21 APR 1994
Perpustakaan Negara
Malaysia

PRAKATA

Buku Menuju Kelahiran Malaysia ini mengisahkan detik-detik penubuhan Malaysia. Walaupun kandungannya berdasarkan kepada sejarah penubuhan Malaysia secara ringkas, namun pengolahannya mungkin tidak mencukupi terutamanya disebabkan perkara yang hendak dibincangkan ini adalah merupakan suatu perkara yang begitu luas dan mencakupi pelbagai bidang.

Pendedahan yang hendak dilakukan ini ialah untuk mengemuka dan menggambarkan riwayat Malaysia dari segi sejarah dan asal usulnya sejak sebelum Malaysia dilahirkan sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Justeru itu, sejauh manakah buku ini dapat mencapai tujuannya, terpulanglah kepada pendapat pembaca masing-masing.

Bagaimanapun, secara tidak langsung oleh kerana bidang sejarah yang kita kaji sentiasa hidup, maka di dalam buku ini terdapat beberapa contoh yang boleh dijadikan panduan bagi menghadapi dunia yang penuh dengan dugaan yang berliku-liku ini. Sejarah juga dapat memberi penjelasan tentang sesuatu yang telah berlaku pada zaman silam dan sekaligus dapat pula membentuk pandangan dan panduan hidup pada masa hadapan.

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada Jabatan Penerangan Malaysia dan Arkib Negara yang telah memberi pertolongan yang amat besar dalam memberi keizinan menggunakan gambar-gambar, maklumat-maklumat dan lain-lain lagi. Kerjasama yang di luar kemampuan penulis adalah sebagai daya pendorong dalam mencepatkan usaha penerbitan buku ini.

Haji Ibrahim bin Ismail (BKM, PPN, PPL)

Alor Setar.

Julai 1992

KANDUNGAN

PRAKATA

SENARAI GAMBAR-GAMBAR

RINGKASAN SEJARAH

Zaman Permulaan Sejarah	1
Kedatangan Pengaruh British	5
Tahun-tahun Antara Perang	12
Perubahan Selepas Perang	18
Ke Arah Berkerajaan Sendiri	26

WILAYAH-WILAYAH MALAYSIA DAN PENDUDUKNYA 39

Kedudukan dan Keadaan Muka Bumi	39
Pentadbiran Kerajaan Malaysia	48
Persekutuan Malaysia	49
Kerajaan Pusat	52
Majlis Raja-raja*	54
Parlimen Persekutuan	54
Kabinet dan Menteri-menteri	56
Kerajaan Negeri	57
Susunan Ekonomi	61
Kemajuan Pertanian dan Penyelidikan	68
Perusahaan, Perdagangan dan Perniagaan	70

PEMBANGUNAN NEGARA 79

Perhubungan Perusahaan dan Rancangan Kemajuan	79
Perhubungan dan Kemudahan Awam	85
Perkhidmatan-perkhidmatan Masyarakat	90
Dasar Luar dan Perhubungan Luar	100
Hak Kemanusiaan (<i>Human Rights</i>)	109

✓ PELAKSANAAN RANCANGAN TUNKU ABDUL RAHMAN	
PUTRA	115
Pembentukan Malaysia	115
Sambutan dari Wilayah-wilayah	119
Laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan	128
Kesimpulan Muktamad Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu	140
DETIK-DETIK PERISTIWA PENTING	148
Tahun 1961	148
Tahun 1962	150
Tahun 1963	154
SUMBER-SUMBER RUJUKAN	160

SENARAI GAMBAR-GAMBAR

1. Alfonso D'Albuquerque (tengah) mengetuai serangan ke atas Melaka pada tahun 1511, mengikut imaginasi pelukis Portugis, (Military Museum Lisbon)
2. Charles Brooke, Raja Sarawak II (1868-1917).
3. Vyner Brooke, Raja Sarawak III (1917-1946). Beliau menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British sebagai Tanah Jajahan pada 1 Julai 1946.
4. Sir Cecil Clementi, Pesuruhjaya Tinggi Inggeris di Negeri- negeri Melayu Bersekutu dalam tahun 1931.
5. Pemandangan Pekan Baling, iaitu tempat 'Perundingan Keamanan' yang menempa sejarah pada penghujung tahun 1955, diambil dari udara.
6. Raja-raja Melayu yang menghadiri Persidangan Terakhir Majlis Raja-raja Melayu sebelum Merdeka pada 14.3.1957 di Kuala Lumpur.
7. Lord Reid (Gambar pada tahun 1957).
8. Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu dan Perdana Menteri Malaysia Pertama, Tunku Abdul Rahman Putra AlHaj dari 31 Ogos 1957 hingga 22 September 1970.
9. Yang di-Pertuan Agong Pertama DYMM Tuanku Abdul Rahman ibni Almarhum Tuanku Muhammad (Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan) GCMG., DMN., SMN. Diputerakan pada 24 Ogos 1895. Menjadi Yang di- Pertuan Agong Persekutuan Tanah Melayu pada 2 September 1957. Mangkat pada 1 April 1960.
10. Yang di-Pertuan Agong Kedua DYMM Tuanku Hishamuddin Alam Shah AlHaj ibni Almarhum Sultan Alaidin Sulaiman Shah (Sultan ,Selangor) KCMG., DMN., DK (Brunei). Diputerakan pada 13 Mei 1898. Menjadi yang di-Pertuan Agong Persekutuan Tanah Melayu pada 14 April 1960. Mangkat pada 1 September 1960.

11. Yang di-Pertuan Agong Ketiga DYMM Tuanku Syed Putera AlHaj ibni Almarhum Syed Hassan Jamallullail (Raja Perlis) DK., DKM., DMN., DK (Brunei). Baginda diputerakan pada 25 November 1920 dan menjadi Yang di-Pertuan Agong pada 21 September 1960 dan berakhir pada 20 September 1965.
12. Sir Lawrence Guillemard, Gabenor Negeri-negeri Selat sedang dengan rasminya membuka Tambak Johor pada 25 Jun 1924. Di sebelah kiri beliau, iaitu yang berpakaian seragam serba putih ialah DYMM Sultan Johor, Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Abu Bakar.
13. Dato' Dr. Ismail bersama Sir Leslie Munro, Pengerusi Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu semasa menaikkan bendera Tanah Melayu selepas penerimaannya sebagai Ahli Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.
14. Perdana Menteri Tuanku Abdul Rahman Putra (duduk kiri) bergambar beramai-ramai semasa Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASA, di Bangkok, Thailand.
15. Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tunku Abdul Rahman Putra sedang berbual mesra dengan Perdana Menteri Singapura, Tuan Lee Kuan Yew semasa jamuan makan tengah hari yang diberikan oleh Persatuan Penulis Luar Negeri Asia Tenggara di Singapura.
16. Donald A. Stephens sedang menandatangani Perjanjian Malaysia sebagai wakil rakyat Sabah.
17. Suruhanjaya Cobbold. Dari kiri Tan Sri Mohd. Ghazali Shafei, Dato' Wong Pow Nee, The Rt. Hon. Lord Cobbold P.C., Sir David Watherson, KBE., CMG., dan Sir Anthony Abell, KCMG.
18. Wakil-wakil Sultan Brunei ke rundingan penubuhan Malaysia yang diketuai oleh Duli Pengiran Pemancha (tengah).
19. U Thant, anak Asia yang pertama menjadi Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu.
20. Gambar teks Pemasyhuran Malaysia yang dibaca oleh Perdana Menteri Malaysia, Tunku Abdul Rahman Putra pada 17 September 1963 (sehari setelah penubuhan Malaysia) di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur.

RINGKASAN SEJARAH

Zaman Permulaan Sejarah

Semenanjung Tanah Melayu merupakan suatu kawasan yang penting sejak dari zaman permulaan sejarah manusia lagi. Semenanjung ini menjadi sebuah tanah yang menyambungkan Benua Asia dengan negara-negara yang terletak di Barat Daya Pasifik. Pada zaman sebelum sejarah dahulu, semenanjung ini juga merupakan salah satu jalan yang telah digunakan oleh orang-orang Indonesia, Malanesia dan Australia yang dalam perjalanan mereka menuju ke tempat-tempat yang bakal menjadi tanahair mereka.

Penyelidikan purbakala yang dijalankan di Malaysia telah menunjukkan bukti tentang adanya perkampungan di semenanjung ini sejak dari zaman prasejarah lagi. Bahkan, di Gua Niah terdapat bukti tentang adanya manusia yang menetap di Malaysia sejak tahun 50 000 sebelum Masehi.

Pada awal zaman Masehi, perkampungan-perkampungan zaman besi telah pun didirikan. Ada bukti yang menunjukkan bahawa pada zaman itu perhubungan-perhubungan perdagangan dan perniagaan berjalan dengan sempurna di antara perkampungan-perkampungan di Kedah, Johor Selatan dan Santubung di Borneo Barat dan dengan China Selatan, India dan dunia barat. Sebenarnya ada diperkatakan bahawa perdagangan Golden Chersonese pada zaman klasik, mungkin termasuk juga hasil-hasil dari Borneo Barat.

Kerajaan-kerajaan Melayu¹ yang mula-mula wujud di bahagian utara Semenanjung Tanah Melayu seperti Kedah, yang terletak di tengah-tengah jalan perdagangan dan kebudayaan penting di antara India dengan Kemboja, telah menjadi sebahagian daripada Kerajaan Buddha Langkasuka.

Sebuah kerajaan Melayu Buddha yang lain telah wujud pula selepas itu di Sumatera Timur. Kerajaan ini ialah Kerajaan Seri Bijaya

¹ Malaysia Secara Ringkas, Jabatan Penerangan Malaysia, Kuala Lumpur. 16 September 1969 m.s. 11.

yang berpusat di Palembang. Pada kurun yang kesebelas, kerajaan tersebut telah menawan Langkasuka, Kelantan, Terengganu serta Pahang dan menjadi pemerintah agung Semenanjung Tanah Melayu. Orang-orang dari Palembang juga telah datang mendiami Pulau Singapura pada kurun ketiga belas dengan menubuhkan kerajaan Temasik. Tidak lama selepas itu, iaitu pada akhir kurun itu, Sri Bijaya telah jatuh dan empayar-empayar Majapahit Jawa dan Siam menggan-tikan penguasaannya.

Pada awal kurun keempat belas, muncullah sebuah Kerajaan Hindu Majapahit yang kuat. Pengaruhnya juga luas sehingga ke sebelah utara Borneo. Walaupun orang-orang Melayu Brunei pada masa sekarang semuanya Islam, namun istiadat turun-temurun negara itu seperti adat istiadat Diraja dan aturan gelaran pegawai-pegawai Istana masih mempunyai unsur-unsur Hindu yang mungkin telah digunakan apabila negara itu berada di bawah pengaruh Majapahit.

Islam telah dibawa oleh pedagang-pedagang Arab yang datang ke alam Melayu pada kurun yang ketiga belas. Kerajaan Melayu di Sumatera Timur ialah sebuah kerajaan yang mula-mula sekali menerima Islam sebagai agamanya. Kerajaan Melayu ini tidak pernah meluaskan pemerintahannya ke Semenanjung Tanah Melayu. Tetapi, ada tanda-tanda yang menunjukkan Majapahit telah menawan dan membinasakan bahagian-bahagian yang pernah didiami manusia di Tanah Melayu pada pertengahan kurun keempat belas. Begitu juga dengan petempatan-petempatan di bawah kerajaan Temasik dan Palembang. Berdasarkan perkembangan ini, Islam telah berjaya mengambil tempatnya di setengah-setengah bahagian Tanah Melayu.

Binasanya Temasik oleh Majapahit dan pendudukan Singapura oleh tentera Siam telah membawa kepada kebangkitan Melaka, tempat Raja Temasik, iaitu Parameswara yang telah dibuang negeri itu melarikan diri. Pada tahun 1405, Parameswara telah menerima pengiktirafan daripada Maharaja Ming, maharaja Negara China. Baginda telah berjanji untuk memberi perlindungan kepada Parameswara bagi menentang ancaman daripada orang-orang Siam. Pada masa itu, mereka mengalami tekanan dari utara setelah pengunduran Majapahit.

Pada tahun 1414, Parameswara telah memeluk Islam. Selepas itu, pengaruh guru-guru dan saudagar-saudagar Arab dan perhubungan dengan dunia Arab bertambah. Parameswara kemudian diganti oleh Seri Maharaja yang mengambil gelaran Seri Bijaya. Dalam pada itu, Melaka terus-menerus membuat perhubungan politik

dan perdagangan dengan Negara China. Sebagai hasil daripada perdagangan dua halanya dengan Asia Timur, dengan dunia-dunia India dan Islam, Melaka menjadi bertambah makmur.

Pada pertengahan kurun yang kelima belas, Melaka telah mencapai zaman kegemilangannya. Pada zaman inilah munculnya Hang Tuah, hulubalang Melaka yang teragung. Pada zaman ini juga, penaklukan demi penaklukan telah dibuat ke atas Tanah Melayu dan Sumatera. Kekayaan serta martabat negeri itu telah bertambah-tambah. Dari Melaka, pengaruh Islam terus-menerus berkembang di Alam Melayu dan di Semenanjung dan pengaruhnya perlahan-perlahan telah menggantikan fahaman Hindu. Seringkali Islam telah dibawa oleh saudagar-saudagar, anak raja dan pedagang-pedagang yang menjadi anasir penyebaran Islam yang penting di kalangan penduduk Melaka.

Pada awal kurun yang kelima belas, pengaruh Islam telah juga berkembang ke Borneo. Islam telah diterima oleh Negara Brunei yang pada ketika itu menguasai kawasan rantainya. Di Borneo, sebagaimana di Tanah Melayu, terdapat pengaruh-pengaruh kebudayaan yang sama yang datang dari India dan dunia Islam serta dari Negara China. Tetapi, pada awal kurun yang keenam belas, pengaruh-pengaruh ini telah ditambah oleh suatu pengaruh lain yang kuat sehingga memberi kesan terhadap penghidupan politik dan perdagangan di kawasan itu, iaitu kedatangan pengaruh dari barat.

Pada tahun, 1509, kapal-kapal Portugis telah dihantar oleh Albuquerque ke Melaka dan seterusnya menawan Melaka. Jatuhnya Melaka ke tangan Portugis pada tahun 1511² telah membinasakan Kerajaan Melayu yang menguasai Semenanjung Tanah Melayu dan pantai timur Sumatera. Ini merupakan suatu tempoh yang muram bagi orang-orang Melayu. Walau bagaimanapun, keturunan Raja Melaka telah menubuhkan sebuah negeri bersultan yang baru yang berpusat di Kepulauan Riau dan Johor. Namun begitu, Kerajaan Riau-Johor ini tidak dapat lagi menguasai Melaka kerana Melaka kini telah berada di bawah kuasa Portugis. Pihak Portugis telah menjadikan Melaka pusat perdagangannya bagi kawasan Selatan dan Timur Asia.

Pada tahun 1641,³ Belanda telah menawan Melaka. Tujuan Belanda menawan Melaka ialah supaya Melaka tidak lagi menandingi

² "Serangan pertama Portugis ke atas negeri Melaka pada 25 Julai 1511", Hari Ini dalam Sejarah, Jilid III, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur. m.s. 85.

³ "Melaka jatuh ke tangan Belanda pada 16 Januari 1641", Hari Ini dalam Sejarah, Jilid I, Arkib Negara, Kuala Lumpur 1980. m.s. 45.



Alfonso D'Albuquerque (tengah) mengenai serangan ke atas Melaka pada tahun 1511 mengikut imaginasi pelukis Portugis (Military Museum Lisbon). (Gambar Dhsan Arkib Negara Malaysia)

pusat perdagangan mereka di Betawi. Tetapi, sebaliknya mereka terpaksa menghadapi sikap permusuhan Kerajaan Riau-Johor yang selepas tahun 1721 terletak di bawah penguasaan orang-orang Bugis, iaitu saudagar-saudagar hulubalang dari Celebes.

Perkara yang tidak menyenangkan Belanda ialah Kerajaan Johor-Riau pada awal kurun yang kelapan belas telah dapat menguasai

seluruh bahagian barat Tanah Melayu (selain Melaka) kecuali di sebelah utara kerana Kedah, bersama-sama dengan negeri-negeri di pantai timur, iaitu Kelantan dan Terengganu telah sekali lagi berada di bawah pengaruh Negara Thai.

Bagaimanapun, pada kurun itu juga, Kerajaan Johor-Riau telah merosot. Pada tahun 1743, Selangor telah mencapai kemerdekaan di bawah pemerintahan keturunan Raja Bugis dan diikuti pula oleh Kerajaan Minangkabau di Negeri Sembilan, pada tahun 1773. Kemudian, Perak dengan raja pertamanya putera kepada Sultan Melaka yang terakhir telah wujud dengan tanpa dipengaruhi oleh Bugis. Tetapi, apabila kuasanya merosot ia telah mendapati dirinya diganggu oleh orang-orang Thai dari sebelah utara.

Kejayaan Islam di sebahagian besar daripada dunia Melayu (Majapahit telah jatuh pada awal kurun yang keenam belas kepada Kerajaan Islam Jawa yang baru) telah membawa pengaruh yang besar kepada penyatuan orang-orang Melayu sehingga sukar dibinasakan sama ada oleh Portugis atau Belanda walaupun mereka mempunyai kuasa kententeraan yang kuat. Meskipun demikian, pengaruh perdagangan Belanda dan kemudiannya British telah menyebabkan perpecahan wilayah-wilayah politik Melayu yang pada mulanya sebuah kuasa yang besar, tetapi kemudiannya menjadi negeri-negeri bersultan yang berasingan.

Oleh itu, apabila keluarga Diraja Riau berpecah kepada dua pengaruh, iaitu satu di bawah pengaruh British dan satu lagi di bawah pengaruh Belanda, pegawai-pegawai kerajaan yang memerintah Pahang dan Johor telah mengambil kedudukan sebagai raja-raja yang merdeka. Demikian juga halnya dengan Brunei. Apabila Belanda menubuhkan pusat-pusat perdagangannya di sebelah selatan dan timur Borneo sehingga pada awal kurun yang kesembilan belas, kuasanya merosot dan kawasan pengaruhnya hanya meliputi Sarawak dan Borneo Utara (sekarang ini Sabah).

Kedatangan Pengaruh British

Sebagaimana Portugis dan Belanda, kepentingan British di rantau ini pada mulanya hanya untuk perdagangan. Dalam bahagian kedua kurun yang kelapan belas, Syarikat East India Company sangat memerlukan pangkalan-pangkalan untuk memajukan perdagangannya dengan Negara China. Oleh sebab itu, syarikat tersebut telah mencuba membuka pusat di Sabah. Di sini, Sultan Sulu yang baru sahaja dilepaskan daripada tawanan Sepanyol setelah Manila ditawan oleh

British dalam tahun 1763, telah menyerahkan sekeping tanah yang menganjur dari Sungai Kimanis hingga ke Selat Makasar kepada kompeni itu. Tanah ini dahulu telah dianugerahi oleh Sultan Brunei kepada Sultan Sulu kerana jasa-jasanya.

Kompeni itu telah membuka pangkalan di Balambangan, iaitu sebuah pulau yang terletak di Teluk Merudu. Tetapi, tempat tersebut tidak sesuai dan kerap kali diserang lanun. Dalam tahun 1775, orang Sulu dan lanun sering datang menyerang dan merompak tempat ini. Oleh itu, tempat tersebut pun terpaksa ditinggalkan. Dalam tahun 1803, suatu percubaan telah dibuat untuk mendirikan semula pangkalan itu, tetapi tidak berjaya. Pangkalan itu pun terus ditutup bersama-sama dengan sebuah kilang syarikat di Brunei. Semenjak dari itu, iaitu kira-kira 40 tahun, tidak ada percubaan daripada pihak British untuk bertapak di Borneo.

Pihak British agak berjaya di Tanah Melayu. Dalam tahun 1786⁴, Francis Light, bagi pihak East India Company telah mengambil Pulau Pinang. Pulau ini dimiliki oleh Kedah yang pada masa itu ingin mendapatkan jaminan bantuan ketenteraan bagi menentang Siam yang telah menaklukinya. Demikian juga dengan bantuan daripada serangan pihak Bugis dan Burma. Namun demikian, kompeni itu telah tidak membantu Kedah apabila Kedah diserang oleh Siam. Setelah Kedah gagal dalam percubaannya menawan balik Pulau Pinang, maka dalam tahun 1791⁵ Kedah pun bersetuju menerima bayaran sebanyak \$10 000 setahun yang diberikan kepada Sultan Kedah sebagai bayaran kepada penyerahan Pulau Pinang dan Province Wellesley.

Melaka telah diserahkan kepada British pada tahun 1795, iaitu ketika Perang Napoleon di Eropah. Kemudian, buat kali kedua, telah dipulangkan kembali kepada Belanda. Tetapi, pada akhir tahun 1825 Melaka telah diserahkan semula kepada British setelah ditukarkan dengan Bancoolen di Barat Sumatera. Sementara itu, setelah Perang Napoleon tamat, Belanda menduduki semula Pulau Jawa. East India Company mengkaji semula masalah mendirikan pangkalan perdagangan yang baik. Kedudukan Pulau Pinang telah tidak begitu penting lagi sebagai pangkalan perdagangan dan angkatan laut. Masalah ini telah

⁴ "Inggeris mengambil Pulau Pinang pada 11 Ogos 1786", Hari Ini dalam Sejarah, Jilid III, Arkib Negara Malaysia 1983 m.s. 143.

⁵ "Perjanjian Francis Light - Sultan Kedah telah dibuat pada 20 April 1791", Hari Ini dalam Sejarah, Jilid II, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur 1981 m.s. 75.

dapat diatasi setelah Sir Stamford Raffles mengambil Singapura pada tahun 1819.

Pada tahun 1826, Pulau Pinang, Melaka dan Singapura telah disatukan menjadi Tanah Jajahan Negeri-negeri Selat yang ditadbirkan terus dari India. Pada tahun 1830, wilayah-wilayah ini diletakkan di bawah Gabenor General India pula. Pada tahun 1867, pentadbirannya menjadi tanggungjawab Pejabat Tanah Jajahan.

Sehingga tiga suku abad kesembilan belas, tidak ada dasar East India Company mahupun Kerajaan British hendak mengganggu hal-hal dalam Negeri-negeri Melayu di Semenanjung atau di Borneo. Tetapi, dalam masa itu, perubahan-perubahan penting telah berlaku di Tanah Melayu. Kedatangan British telah mengembangkan lagi perdagangan. Perlombongan bijih oleh orang-orang Cina dengan menggunakan cara-cara baharu telah bertambah maju. Hal ini telah memberikan hasil dan kuasa yang lebih kepada orang-orang besar daerah yang dilantik oleh Sultan. Dalam pada itu, penduduk negeri pun bertambah ramai dan tersebar ke seluruh negeri.

Sungguhpun begitu, pemerintahan di Negeri-negeri Melayu tidaklah memuaskan menurut pandangan British. Pertempuran dan perang saudara sering berlaku. Perompak dan lanun menjadi-jadi dan rakyat menderita kerana peperangan yang tidak putus-putus berlaku di antara raja-raja mereka. Peraturan perhambaan juga berleluasa dan telah merebak ke sana sini. Keadaan ini sesungguhnya tidak menyenangkan pihak pedagang di Pulau Pinang dan Singapura.

Pertukaran pentadbiran Jajahan Selat ke Pejabat Tanah Jajahan membolehkan Gabenor dan saudagar-saudagar terkemuka di tanah jajahan itu menggambarkan keadaan yang berlaku di Negeri-negeri Melayu dengan lebih jelas kepada Kerajaan British. Sebagai akibatnya, pada tahun 1873 perintah-perintah baru pun dikeluarkan kepada Gabenor Negeri Selat. Perintah ini memberi kebenaran kepada Gabenor untuk menukar dasar dengan menyatakan bahawa "Kerajaan Baginda Queen, pada hakikatnya tak payah ditegaskan lagi, tidak ada keinginan hendak mengganggu hal ehwal dalam Negeri-negeri Melayu. Akan tetapi, kerana memandangkan kepada persahabatan dan perkaitan yang telah lama terjalin di antara mereka dan Kerajaan British dan juga kepada Negeri-negeri Selat British itu sendiri, maka Kerajaan Baginda Queen mendapati mereka terpaksa menggunakan pengaruhnya bersama-sama dengan Raja-raja Melayu untuk menyelamatkan, jika dapat, negeri-negeri yang subur dan kaya itu daripada keruntuhan yang tidak dapat tidak akan menimpanya jika keadaan kacau-bilau sekarang terus berlaku."

Perintah diberikan kepada Gabenor untuk menentukan keadaan sebenar dalam tiap-tiap negeri terutamanya untuk memikirkan adakah perlu dilantik seorang Pegawai British supaya tinggal di salah sebuah daripada negeri-negeri itu. Perintah itu ditambah dengan mengatakan bahawa tentulah pelantikan seperti itu boleh dilakukan, cuma dengan persetujuan yang penuh daripada Kerajaan Bumiputera sahaja.

Dalam tahun-tahun kemudiannya, British mulai campur tangan di negeri Perak. Selain kesulitan-kesulitan yang diterangkan di atas, pergeseran juga telah berlaku di antara orang-orang Melayu dengan Cina dan juga perkelahian di kalangan anggota-anggota kongsi gelap Cina di kawasan bijih di Larut. Perundingan di antara Gabenor dan Sultan serta ketua-ketua kaum telah berhasil. Satu perjanjian telah dibuat. Dalam perjanjian itu, nasihat daripada seorang Residen British hendaklah diminta dan semua masalah hendaklah dirujuk kepada residen, melainkan yang berkaitan dengan agama dan adat istiadat Melayu.

Pada tahun 1874, Sultan Selangor turut membuat perjanjian yang serupa juga dan telah menerima seorang Residen British. Ini dituruti oleh Negeri Sembilan dan Pahang. Pada tahun 1896,⁶ keempat-empat negeri telah menjadi suatu persekutuan di bawah pentadbiran seorang Residen-General British dan sebuah Kerajaan Pusat pun ditubuhkan.

Pada tahun 1885, Johor telah menerima suatu perjanjian perlindungan. Dalam tahun 1914, di bawah satu perjanjian yang baru, seorang Penasihat Am telah dilantik. Dengan Perjanjian Bangkok,⁷ Thailand menyerahkan keempat-empat negeri Utara Tanah Melayu, iaitu Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu kepada British. Sehingga masa itu, negeri-negeri ini telah menderita kerana tekanan-tekanan yang dikenakan oleh Negara Thai.

Sungguhpun perjanjian-perjanjian yang dibuat dengan Kedah, Kelantan, Perlis, Terengganu dan juga Johor serupa dengan perjanjian dengan Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang dahulu, namun negeri-negeri ini tidak termasuk dalam Persekutuan. Walau bagaimanapun, tiap-tiap negeri ini menerima seorang Penasihat British. Hendaklah diingat bahawa Negeri-negeri

⁶"Penubuhan Negeri-negeri Melayu Bersekutu pada 1 Julai 1896", Hari Ini dalam Sejarah, Jilid III, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur 1983 m.s. 1

⁷"Perjanjian Britain - Siam pada 10 Mac 1909", Hari Ini dalam Sejarah, Jilid I, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur 1980 m.s. 207.

Persekutuan dan juga Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu bukanlah tanah jajahan British. Tetapi, pentadbirannya ada kaitan juga dengan Negeri-negeri Selat kerana Pesuruhjaya Tinggi Negeri-negeri Melayu adalah Gabenor Negeri Selat juga.

Perkembangan-perkembangan di wilayah-wilayah Borneo dalam bahagian kedua kurun yang kesembilan belas tidak banyak bezanya dengan perkembangan di Tanah Melayu. Dalam pertengahan kurun itu, Negeri Brunei yang begitu gagah dahulu cuma ada kuasa bayangan ke atas Sarawak dan sebahagian daripada Sabah. Ancaman yang besar yang dihadapi ialah daripada lanun Sulu dan lanun yang bermaharajalela di kawasan perairan itu. Britain telah bertindak menjaga keselamatan perairan di kawasan-kawasan perdagangannya.

Dalam tahun 1840, James Brooke, seorang pengembara Inggeris telah campur tangan menghapuskan pemberontakan orang Melayu dan Dayak di Sarawak terhadap pemerintahan wakil Sultan Brunei di Sarawak. Sebagai ganjarannya kerana menamatkan pemberontakan itu, Sultan Brunei melantik Brooke menjadi Raja⁸. Brooke pun meminta pertolongan Angkatan Laut British untuk menghapuskan lanun di sana. Akhirnya, dalam tahun 1845, dengan campur tangan Angkatan Laut British di Sabah, lanun-lanun di Teluk Marudu pun dapat dihapuskan. Dalam tahun 1846, Sultan Brunei telah menyerahkan Labuan kepada Britain untuk dijadikan pangkalan bagi melawan lanun dan seterusnya Labuan menjadi tanah jajahan di bawah Kerajaan Selat. Pada tahun berikutnya, Brunei membuat perjanjian dengan Britain untuk memajukan perdagangan dan melawan lanun.

Raja Brooke terus berusaha mengamankan Sarawak dan mengurangkan kegiatan serta amalan potong kepala di sana serta mendirikan satu bentuk pemerintahan⁹. Kemerdekaan negerinya telah diakui oleh Amerika Syarikat pada tahun 1850. Pada tahun 1864, Great Britain melantik konsulnya di sana. Anaknya, Sir Charles Brooke, yang menggantikannya telah memerintah negeri itu selama 50 tahun. Negeri itu telah diluaskan lagi. Kemakmuran telah bertambah dan tertubuhlah sebuah kerajaan yang berperaturan.

Kemajuan Sabah pula kebanyakannya adalah dalam lapangan perdagangan, iaitu daripada hasil kayu-kayan dan galian. Percubaan-

⁸ "James Brooke dilantik sebagai Rajah Sarawak pada 24 September 1841", Hari Ini dalam Sejarah, Jilid III, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur 1983 m.s. 301.

⁹ "James Brooke meminta bantuan British untuk menentang pemberontakan di Sabah pada 15 Mac 1860", Hari Ini dalam Sejarah, Jilid I, Arkib Negara, Kuala Lumpur 1980 m.s. 221.

percubaan untuk menduduki Sabah dahulu telah gagal. Tetapi, pada tahun 1877, Sultan Brunei dan diikuti pula oleh Sultan Sulu pada tahun 1878 telah menyerahkan kawasan-kawasan mereka yang terletak di utara timur Borneo kepada Baron Overbeck dan Alfred Dent. Langkah-langkah pun diambil dengan serta-merta untuk mendirikan kerajaan di Sabah seberapa cepat yang mungkin.

Dalam tahun 1881, Kerajaan Inggeris telah memberi suatu piagam kepada British North Provisional Association Limited. Piagam itu antara lain mensyaratkan syarikat itu hendaklah tetap menjadi Syarikat British dan hendaklah berusaha menghapuskan pengabdian, menjalankan kedilan, menghormati undang-undang dan adat istiadat bumiputera serta jangan mengganggu agama penduduk-penduduknya.

Dalam tahun 1882, British Borneo (Chartered) Company pun ditubuhkan. Berikutnya, dalam tahun 1888, British dengan rasminya telah berkuasa di Borneo apabila Sabah, Brunei dan Sarawak diletakkan di bawah perlindungan British.

Perdagangan di wilayah-wilayah ini telah bertambah maju apabila Terusan Suez dibuka pada tahun 1869 dan setelah getah dibawa dari Amerika Selatan dan juga setelah perusahaan-perusahaan lombong bijih telah berkembang maju dengan pesatnya di Malaya. Oleh sebab kemajuan ini, banyakkah buruh didatangkan dari Negara China dan India.

Di Malaya, dalam awal kurun yang kedua puluh, jalan-jalan raya dan keretapi telah dibuka dengan pesatnya bagi menghubungkan ladang-ladang getah dan lombong bijih yang sedang pesat berkembang maju dengan kawasan-kawasan lain. Kemajuan juga dibuat di Sarawak, tetapi tidaklah semaju di semenanjung. Di Sabah, kemajuan ekonomi wujud hanya di pantai barat. Di sini Syarikat British North Borneo memberikan tanah kepada pengusaha-pengusaha dengan syarat-syarat yang cukup menarik. Jalan keretapi yang dibuka menunjukkan peri mustahaknya sistem pengangkutan terutamanya di tempat-tempat yang pesat kemajuan ekonominya.

Semasa peringkat awal pentadbiran British dahulu, penduduk-penduduk setempat masuk bersekutu dalam urusan kerajaan, tetapi tidak dengan jalan dewan undangan yang dipilih. Sungguhpun begitu, usaha-usaha telah dibuat supaya ketua-ketua tempatan terlibat bersama-sama dalam sistem pemerintahan negeri.

Di Negeri-negeri Persekutuan dan juga Negeri yang Tidak Bersekutu, Residen British dan Penasihat British menjadi penasihat



Charles Brooke, Raja Sarawak II (1868-1917). (Gambar Ihsan Arkib Negara Malaysia)

kepada Raja-raja Melayu dalam semua perkara, kecuali yang berkaitan dengan agama dan adat istiadat orang Melayu.

Dalam tahun 1909, satu Majlis Persekutuan telah ditubuhkan oleh Sir John Anderson di Negeri-negeri Bersekutu. Ahli-ahlinya terdiri daripada Raja-raja Melayu, Residen-General, Keempat-empat Residen British dan empat orang ahli tidak rasmi yang dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi yang menjadi Pengerusi Majlis itu. Di negeri-negeri Selat, iaitu di Pulau Pinang, Singapura dan Melaka telah ditubuhkan Jawatankuasa-jawatankuasa Perbandaran sejak dari awal

pertengahan abad yang kedua puluh, iaitu semasa pemerintahan kompeni lagi.

Pertubuhan-pertubuhan ini membolehkan ketua-ketua kaum mengeluarkan pendapat mereka kepada kerajaan. Singapura telah menjadi perbandaran pada tahun 1856. Di bawah Kerajaan Tanah Jajahan, suatu Majlis Undangan Negeri-negeri Selat telah ditubuhkan. Majlis ini mengandungi 11 orang ahli rasmi dan enam orang ahli tak rasmi. Pengambilan orang baru bagi perkhidmatan Negeri Selat mula dijalankan secara ujian.

Peraturan undang-undang yang dijalankan oleh Britain di Negeri-negeri Selat dan kemudiannya di Negeri-negeri Bersekutu dan yang Tidak Bersekutu adalah berpandukan kepada Undang-undang Indian Evidence Act, Penal dan Criminal Procedure Codes (British India) dengan sedikit pindaan. Undang-undang Civil Prosedures Codes diasaskan kepada Judicature Act.

Di Sarawak dan Borneo juga, Undang-undang Jenayah diasaskan kepada Indian Penal Code. Undang-undang biasa di England dan asas-asas keadilan digunakan dalam keadaan atau situasi yang sesuai dengan keadaan setempat melainkan ada syarat yang dibuat oleh sebarang undang-undang bertulis yang dikuatkuasakan.

Tahun-tahun Antara Perang

Dalam tahun 1918 dan 1939, Tanah Melayu dan juga wilayah-wilayah Borneo telah menderita seperti negara-negara lain juga. Hal ini adalah kesan daripada kemerosotan perdagangan dan kemelesetan ekonomi dunia yang berlaku dalam tahun-tahun 1930-1939. Sungguhpun begitu, banyak kemajuan yang dilakukan dalam usaha meluaskan kemudahan-kemudahan awam dan juga perkhidmatan-perkhidmatan masyarakat.

Di Negeri-negeri Melayu Bersekutu,¹⁰ perbelanjaan yang besar dalam tahun-tahun 1920-1929 banyak diperuntukkan untuk tujuan membuat lebih banyak jalan keretapi dan jalan raya baru serta membina rumah. Perkhidmatan kesihatan dan pelajaran telah diperluaskan juga. Begitu juga dengan perkhidmatan-perkhidmatan sosial yang lain.

Kemerosotan ekonomi dunia telah memaksa kerajaan berjimat dan mengenakan cukai-cukai tambahan. Pembinaan bagi kerja-kerja

¹⁰ "Pengumuman dasar disentralisasi Negeri-negeri Melayu Bersekutu pada 18 Ogos 1931", Hari Ini dalam Sejarah, Jilid III, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur 1983 m.s. 167.

raya untuk faedah awam telah tergendala dan perbelanjaan pejabat-pejabat dikurangkan. Tetapi, setelah hasil negeri pulih semula dalam tahun 1934, perkhidmatan-perkhidmatan itu diperluaskan semula.

Kemajuan di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu juga berjalan terus dalam tahun-tahun perang itu. Johor, negeri yang besar dan kaya sekali banyak membuat kemajuan dalam kerja-kerja raya dan perkhidmatan-perkhidmatan sosial.

Negeri-negeri lain seperti Kedah, Perlis dan Kelantan tidak begitu pesat kemajuannya kerana hasil negeri-negeri tersebut kurang. Kemajuan di negeri Terengganu masih pada peringkat permulaan dan jumlah hasil yang boleh digunakan untuk perkhidmatan-perkhidmatannya sangat kecil. Kesan-kesan yang positif yang diperoleh daripada keadaan yang selamat dan adil itu ialah bertambahnya hasil-hasil negeri, iaitu meningkat 14 kali ganda di antara tahun 1911 dan 1937.

Kerajaan Negeri Selat telah melancarkan rancangan kemajuannya dalam tahun 1919. Kerja-kerja di Pelabuhan Singapura telah diperbaiki. Perbelanjaan perkhidmatan, kesihatan dan pelajaran telah ditambah dengan banyaknya. Perbelanjaan kerja-kerja raya telah meningkat dari MS458 000 dalam tahun 1918 kepada lebih MS6 000 000 dalam tahun 1927.

Selepas kemelesetan, kemajuan telah pulih semula dan dalam tahun 1930, perbelanjaan perubatan di ketiga-tiga perbandaran, iaitu Singapura, Pulau Pinang dan Melaka telah meningkat lebih daripada MS5 000 000. Peluasan angkatan laut (Naval Base) telah juga menolong mengukuhkan ekonomi Pulau Singapura.

Di Sarawak, Sir Vyner Brooke, Rajah Sarawak ketiga yang telah menggantikan ayahandanya dalam tahun 1917 telah meneruskan dasarnya. Keganasan potong kepala telah banyak berkurangan, hasil negeri bertambah dan perkhidmatan perubatan serta pelajaran semakin maju.

Apabila perang meletus, kedudukan ekonomi negeri itu adalah sihat dan jumlah wang simpanannya (reserve fund) pun bertambah besar. Di Sabah, Syarikat North Borneo telah juga mencapai kemajuan sungguhpun tidak begitu pesat. Ekonomi negeri itu telah jatuh disebabkan kemelesetan ekonomi dunia pada tahun 1931. Tetapi, kemudiannya pulih semula kerana bertambahnya pengeluaran (eksport) getah, kayu-kayan (balak) dan kopra. Sandakan, pusat pentadbiran pada masa itu, Jesselton, Beaufort, Tawau dan Kudat telah maju dan telah menjadi bandar-bandar kecil yang makmur sungguhpun sistem perhubungan hanya terhad di kawasan pantai barat sahaja.



Vyner Brooke, Raja Sarawak III (1917-1946). Beliau menyerahkan Sarawak kepada Kerajaan British sebagai Tanah Jajahan pada 1 Julai 1946. (Gambar Ihsan Arkib Negara Malaysia)

Dari segi perlembagaan, terdapat juga sedikit kemajuan pada masa itu. Dalam tahun 1927, Majlis Negeri Persekutuan telah berubah apabila raja-raja menarik diri. Ahli-ahli rasmi ditambah menjadi 13 orang dan ahli tak rasmi, 11 orang. Perjalanan majlis telah mula menuju ke arah kerajaan moden dengan adanya pihak pembangkang.

Dalam tahun 1924, Majlis Undangan Negeri-negeri Selat mengandungi sama banyak ahli rasmi dan ahli tak rasmi yang dilantik oleh Gabenor. Majlis ini menjalankan tugasnya dengan nasihat Majlis Kerja yang ahlinya kebanyakannya terdiri daripada ahli-ahli rasmi. Penyatuan dasar-dasar di seluruh semenanjung telah juga dijalankan oleh Gabenor sebagai Pesuruhjaya Tinggi Negeri-negeri Melayu.

Di wilayah Borneo, iaitu pada tahun-tahun perang, perlembagaannya tidak banyak berubah. Sungguhpun begitu, menjelang pendudukan Jepun pada tahun 1941, Rajah Sarawak, semasa merayakan ulang tahun yang keseratus pemerintahan keluarganya, telah membuat suatu perlembagaan baharu dengan memansuhkan kuasa-kuasa penuhnya dan telah membentuk asas bagi rakyatnya menuju ke arah pemerintahan sendiri secara demokrasi.

Dalam tahun-tahun perang dahulu, di mana-mana wilayah pun, hanya sedikit sahaja golongan yang memikirkan cara bagaimana hendak mendapatkan kemerdekaan. Orang-orang Melayu telah berpuas hati kerana cara pentadbiran wilayah-wilayah yang dilaksanakan telah mengekalkan kedaulatan raja-raja mereka. Tetapi, menjelang Perang Dunia Kedua, telah wujud sedikit tanda-tanda kegiatan siasah di kalangan orang-orang Melayu.

→ Pada masa ini, muncul satu pertubuhan yang disebut Kesatuan Melayu Muda yang mendapat ilham daripada pergerakan kebangsaan di Indonesia. Sesetengah daripada pemimpinnya pula ada yang terdiri daripada Ahli-ahli Partai Kebangsaan Indonesia. Badan-badan politik ini dan juga Persatuan-persatuan Perdagangan telah terpaksa bergerak di bawah tanah kerana masih diharamkan lagi pada masa itu. Banyak daripada ketua mereka telah ditangkap dan ditahan oleh Kerajaan British apabila peperangan meletus di Tanah Melayu. Banyak daripada pemimpin politik di Tanah Melayu pada masa itu mempunyai kaitan dengan Pergerakan Kebangsaan Melayu yang ditubuhkan pada penghujung tahun 1930.

Bangsa-bangsa lain, terutamanya India sungguhpun bilangan mereka besar, lebih berat untuk pulang ke tanahair mereka sahaja dan tidak begitu mengambil berat tentang politik di negara ini. Hal ini kerana tujuan kebanyakan orang India yang didatangkan sebagai buruh untuk bekerja di ladang-ladang adalah untuk mengumpulkan wang dan kemudian pulang untuk berehat di tanahair mereka (India). Mereka tidak mempunyai keinginan untuk mengambil bahagian penting dalam politik di Tanah Melayu.

Orang Cina pula berlainan. Mereka telah mula tertarik kepada politik, tetapi politik di Tanah Besar China, bukan politik



Sir Cecil Clementi, Pesuruhjaya Tinggi Inggeris di Negeri-negeri Melayu Bersekutu dalam tahun 1931. (Gambar Ihsan Arkib Negara Malaysia)

Tanah Melayu atau Borneo. Kedua-dua Parti Kuomintang dan Parti Komunis China telah menubuhkan cawangan-cawangannya di Tanah Melayu semenjak tahun 1942 lagi. Tetapi, usaha mereka lebih tertumpu kepada mendapatkan sokongan orang Cina seberang laut yang kaya. Kekayaan Cina seberang laut ini bukan untuk membantu kegiatan politik di negara-negara tempat mereka berdagang, tetapi ialah untuk Tanah Besar China. Setelah Jepun menyerang Negara

China, orang-orang Cina di Tanah Melayu dan Borneo telah melipatgandakan bantuan mereka kepada pertubuhan-pertubuhan yang memerlukan wang atau lain-lain bantuan untuk Kerajaan China dalam meneruskan perjuangannya.

(Dalam tempoh di antara meletusnya perang di Eropah dan pendudukan Jepun, pengeluaran getah, timah dan minyak kelapa di Tanah Melayu dan Borneo telah banyak membantu tenaga perang British, iaitu dengan memelihara pertukaran wang luar negerinya, terutama sekali ringgit Amerika Syarikat. Jepun telah memasuki peperangan pada tahun 1941, iaitu pada masa British sedang sengit berjuang di sebelah barat. Setelah peperangan berjalan selama dua bulan, Tanah Melayu dan wilayah-wilayah Borneo telah ditewaskan. Singapura, pusat kekuasaan Britain di rantau ini telah menyerah kalah pada 15 Februari 1942.

Pendudukan Jepun tidak mempraktikkan konsep "Asia Timur Raya Kawasan Kemakmuran Bersama" seperti yang dijanjikan. Kegiatan ekonomi telah diabaikan dan akibatnya negara ini mengalami kemelesetan. Oleh sebab pasaran bagi barang-barang tidak ada, ladang-ladang getah dan lombong-lombong bijih telah tidak diusahakan. Semua kegiatan bertumpu kepada peperangan. Justeru itu, penduduk-penduduk telah mengalami kesusahan yang amat sangat selama 3 tahun 8 bulan, iaitu tempoh pendudukan Jepun di Malaya.

Oleh sebab penindasan-penindasan yang dilakukan oleh regim Jepun semasa pemerintahan mereka, semangat penentangan telah mulai timbul di kalangan rakyat. Kesedaran politik juga menular di jiwa mereka. Kesannya terbukti selepas Jepun menyerah kalah. Rakyat Tanah Melayu mengidamkan kemerdekaan nasional.

Satu daripada kesan pendudukan Jepun ialah lenyapnya kepercayaan karut tentang keagungan Orang Putih untuk selamlamanya. Hal ini juga telah membuka cengkaman yang diamalkan oleh pemerintahan penjajah British ke atas negeri ini. Pendudukan Jepun¹¹ juga memaksa penduduk Tanah Melayu lebih bergantung kepada diri mereka sendiri.

Sungguhpun Pentadbiran Tentera Jepun telah melantik orang-orang Jepun sebagai ketua di pelbagai jabatan kerajaan, namun adalah jelas bahawa mereka itu hanyalah merupakan pengawas sahaja. Sesungguhnya, orang-orang tempatan yang dipaksa oleh mereka

¹¹ "Persetujuan Jepun untuk kemerdekaan pada 26 Julai 1945", Hari Ini dalam Sejarah, Jilid III, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur 1983 m.s. 89.

untuk memegang kembali jawatan mereka adalah orang-orang yang sebenarnya menjalankan pentadbiran itu. Para pentadbir, doktor, peguam, jurutera dan juruteknik tempatan telah membuktikan mereka memang layak mengisi tempat-tempat yang dikosongkan oleh ahli-ahli profesional British yang telah melarikan diri semasa pendudukan Jepun. Oleh itu, apabila pihak British kembali semula untuk mengenakan kembali pemerintahan penjajahan mereka selepas perang, mereka mendapat tentangan yang hebat.

—> Sebelum itu, pada 20 Ogos 1943, suatu perjanjian telah ditandatangani di Bangkok, Thailand di antara Duta Jepun ke Thailand, Teiji Tsubukami dan Perdana Menteri Thailand, Field Marshall Phibul Songram. Perjanjian itu adalah tentang penyerahan Negeri-negeri Utara Tanah Melayu (Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis) serta dua Wilayah Shan, daripada pihak pentadbiran Tentera Jepun kepada Pihak Pentadbiran Tentera Thailand.

Penyerahan enam buah wilayah ini dilakukan kerana Jepun berasa terhutang budi kepada Thailand di atas bantuan dan kerjasama yang telah diberikan oleh Thailand dalam usahanya untuk menakluki Tanah Melayu. Negeri-negeri Melayu Utara dan dua buah Wilayah Shan itu yang dahulunya kepunyaan Thailand, akan diserahkan kembali kepada Thailand sekiranya Jepun diberi bantuan dan kerjasama dalam usaha-usaha penaklukan Tanah Melayu.

Negeri-negeri Utara Tanah Melayu telah dikuasai dengan rasminya oleh Pentadbiran Tentera Thailand selama dua tahun mulai daripada 18 Oktober 1943. Dengan kekalahan Jepun di tangan pihak Berikat dan penyerahan kuasa tentera Jepun kepada tentera Inggeris pada akhir tahun 1945, maka berakhirlah pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Secara tidak langsung, Negeri-negeri Utara Tanah Melayu kembali semula ke tangan penjajah Inggeris.

Perubahan Selepas Perang

Kerajaan British telah balik semula ke Tanah Melayu¹² dengan suatu cadangan baru, iaitu Sistem Persekutuan dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu (semuanya negeri naungan, bukan tanah jajahan) mesti digantikan dengan Malayan Union yang akan menghapuskan kuasa Raja-raja Melayu dan Negeri-negeri Melayu kecuali kuasa-kuasa kecil. Pulau Pinang dan Melaka akan menjadi sebahagian

¹² "Surat penubuhan Malayan Union disiarkan pada 22 Januari 1946", Hari Ini dalam Sejarah, Jilid 1, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur m.s. 63.

daripada union itu. Tetapi, Singapura disebabkan oleh perdagangan keluar masuknya yang besar dan juga kerana kepentingan-kepentingan ekonomi dan kemasyarakatannya yang istimewa akan dijadikan tanah jajahan yang berasingan.

Perintah-perintah dalam majlis yang mewujudkan Malayan Union dan Tanah Jajahan Singapura itu telah berjalan penguatkuasaannya pada 1 April 1946.¹³ Perintah itu telah memberikan perlembagaan kepada wilayah-wilayah itu dan memerintahkan pembentukan Majlis-majlis Undangan bagi Negeri-negeri Selat. Tetapi, majlis-majlis seumpama itu tidak boleh diwujudkan sehingga pada suatu tarikh kemudian apabila pendapat penduduk-penduduk tempatan diperoleh dengan sepenuhnya. Sementara itu, dalam Malayan Union dan Singapura, Majlis Penasihat yang dilantik telah ditubuhkan untuk menasihati Gabenor dalam perkara perundangan dan perkara-perkara lain.

Singapura telah menjadi tanah jajahan yang berasingan, tetapi cadangan bagi pembentukan Malayan Union itu telah tidak dilaksanakan dengan sepenuhnya. Union itu sendiri telah wujud dalam waktu yang singkat, dari tahun 1946-1948, iaitu selepas berakhirnya Pentadbiran Tentera British. Walau bagaimanapun, union itu tidak dapat diteruskan kerana orang-orang Melayu menentang¹⁴ dengan mengadakan tunjuk-tunjuk perasaan di seluruh negara.

Orang-orang Melayu sangat tidak berpuas hati terhadap cadangan bagi menubuhkan Malayan Union itu, terutama sekali tentang pemindahan kekuasaan daripada Raja-raja Melayu kepada Mahkota Inggeris dan juga tentang perkara-perkara yang berhubung dengan syarat-syarat kewarganegaraan. Orang-orang Melayu khawatir dengan syarat-syarat tersebut dengan pesatnya. Penentangan orang-orang Melayu ini telah dipimpin oleh Dato' Onn bin Jaafar,¹⁵ pemimpin Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO). Berikutan

¹³ "Penubuhan Malayan Union pada 1 April 1946", Hari Ini dalam Sejarah, Jilid II, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur 1981 m.s. 1.

¹⁴ Tan Seri Syed Jaafar Albar "Selayang pandang perjuangan UMNO 20 Tahun", Ibu Pejabat UMNO, Kuala Lumpur m.s. 40.

¹⁵ "Saudara-saudara yang sebapa dengannya ialah Mustafa, Rogayah, Aminah, Fatimah, Khadijah, Abdullah dan Dora. Saudara-saudara yang seibu dengannya ialah Ungku Abdul Aziz (Menteri Besar Johor hingga Perang Dunia Kedua), Ungku Abdul Hamid (Ayah kepada Ungku Aziz) dan Syed Naguib Al-Atas. Saudara-saudara seibu dan sebapa dengannya ialah Muhammad, Ahmad, Yahya, Aishah, Kamariah dan Azizah". Anwar Abdullah, DATO' ONN, Pustaka Nusantara, Petaling Jaya, 1971 m.s. 5.

itu, cawangannya telah tumbuh dengan begitu pesat di seluruh Tanah Melayu.

Bagi menggantikan *Malayan Union* itu, satu rancangan Persekutuan telah dirangka oleh satu jawatankuasa kerja perwakilan orang Melayu. Sesudah dirundingkan dengan kaum-kaum bukan Melayu dan Kerajaan *United Kingdom*, maka terciptalah Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu pada 21 Januari 1948. Menurut perjanjian itu, Negeri-negeri Melayu dan Negeri-negeri Selat akan terus memegang taraf bersendirian, tetapi akan disatukan di bawah suatu kerajaan pusat yang teguh. Raja-raja Melayu akan terus berdaulat di Negeri-negeri Melayu. Pulau Pinang dan Melaka akan tetap menjadi Wilayah British.

Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu telah mensyaratkan adanya seorang Pesuruhjaya Tinggi dan sebuah Majlis Undangan Persekutuan yang mengandungi seramai 75 orang anggota. 50 daripadanya adalah anggota tak rasmi. Sebahagian besar kuasa telah diserahkan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan Negeri-negeri Selat, terutama sekali dalam perkara-perkara yang berhubung dengan hal ehwal tanah. Satu bentuk kewarganegaraan yang sama telah diadakan untuk sekalian mereka yang mengakui Tanah Melayu sebagai tempat tinggal mereka yang tetap.

Daripada jumlah penduduk yang seramai 5 juta orang dalam tahun 1948,¹⁴ kira-kira 3.1 juta adalah dengan sendirinya layak mendapat taraf kewarganegaraan Persekutuan, 78% daripadanya orang-orang Melayu, 12% orang-orang Cina dan 7% orang-orang India. Menjelang bulan Disember tahun 1951, seramai 327 773 orang lagi, kebanyakannya orang-orang Cina telah menjadi warganegara persekutuan menerusi permohonan rasmi.

Setelah menjadi tanah jajahan yang berasingan, Singapura telah diberi sebuah perlembagaan baharu yang mensyaratkannya ditadbirkan oleh seorang Gabenor, dengan sebuah Majlis Kerja yang dilantik dan sebuah Majlis Undangan yang sebahagian daripada anggotanya terdiri daripada ahli yang dipilih.

Majlis Undangan yang dipilih dalam tahun 1948 mengandungi seorang Gabenor sebagai Yang Dipertua, enam orang anggota yang dipilih dari kawasan-kawasan mengundi, tiga orang anggota yang dipilih oleh tiga buah dewan perniagaan, empat orang anggota tidak

¹⁴“Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan pada 1 Februari 1948”, Hari Ini dalam sejarah, Jilid I, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur 1980 m.s. 99.

rasmi yang dilantik, lima orang pegawai dan empat orang anggota kerana jawatan (ex-officio). Sesudah pilihanraya tahun 1951, bilangan anggota yang dipilih telah dinaikkan menjadi 12 orang, sembilan orang daripadanya mewakili kerusi-kerusi daerah.

Pada tahun 1952, suatu Jawatankuasa Majlis Undangan yang tidak rasmi yang ditubuhkan oleh Gabenor telah mengesyorkan bilangan wakil-wakil yang dilantik oleh daerah ditambah menjadi 18 orang dan juga supaya disemak semula Perlembagaan Singapura. Penyemakan seumpama itu telah dijalankan oleh sebuah suruhanjaya yang dipengerusikan oleh Sir George Rendel. Semua syor Suruhanjaya Rendel itu diterima oleh Kerajaan British. Sebuah perlembagaan baharu telah dikuatkuasakan dan pilihanraya¹⁷ telah diadakan pada Julai 1955.¹⁸

Di Sarawak, sesudah pendudukan Jepun, Raja Sarawak telah menyambung semula pentadbirannya. Dalam pada itu, adalah jelas kepadanya bahawa sumber-sumber yang lebih besar daripada apa yang ada padanya adalah perlu untuk mengembalikan kemakmuran negeri itu. Oleh yang demikian, beliau berfikir bahawa adalah amat baik jika Sarawak duduk di bawah Mahkota Inggeris. Satu undang-undang bagi melaksanakan maksud ini telah diluluskan oleh Council Negeri dalam tahun 1946.¹⁹ Pada bulan Jun tahun itu, majlis telah mengeluarkan perintah yang menguatkuasakan penubuhan Tanah Jajahan Sarawak.

Supreme Council dan Council Negeri yang ditubuhkan menurut perlembagaan tahun 1941 itu telah ditetapkan kekuasaannya menurut peraturan-peraturan baharu ini. Kuasa perundangan dan kewangan dipegang oleh Council Negeri. Majlis ini mengandungi 25 orang anggota. 14 daripadanya anggota rasmi yang dilantik daripada Perkhidmatan Awam Sarawak dan 11 lagi anggota tidak rasmi yang mewakili pelbagai kaum serta kepentingan-kepentingan mereka dalam negeri itu.

Selain itu, memang sudah ada beberapa anggota tetap Council Negeri yang sudah berkhidmat semenjak undang-undang perlembagaan ini belum dikuatkuasakan lagi. Majlis itu mempunyai kuasa untuk menggubal undang-undang bagi keamanan, peraturan dan

¹⁷ "Memorandum tentang Pilihanraya Persekutuan yang Pertama pada 26 Mei 1954", Hari Ini dalam Sejarah, Jilid II, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur 1981 m.s. 213.

¹⁸ "Pilihanraya Persekutuan yang Pertama pada 27 Julai 1955", Hari Ini dalam Sejarah, Jilid III, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur 1983 m.s. 93.

¹⁹ "Sarawak diisytiharkan menjadi Tanah Jajahan British pada 20 Mei 1946", Hari Ini dalam Sejarah, Jilid II, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur 1981 m.s. 189.

kerajaan yang baik bagi negeri itu. Wang kerajaan tidak boleh dibelanjakan dengan tidak ada persetujuannya.

Perlembagaan itu juga mengadakan syarat bagi penubuhan sebuah Supreme Council yang mengandungi anggota tidak kurang daripada lima orang yang kebanyakannya mestilah daripada anggota-anggota Perkhidmatan Awam Sarawak dan ahli-ahli Council Negeri. Mulai dari masa itu, kuasa-kuasa rajah dalam majlis diserahkan kepada Gabenor.

Dengan berakhirnya Pentadbiran Tentera British pada tahun 1946, Borneo Utara termasuk Labuan telah menjadi tanah jajahan.²⁰ Kerajaan tersebut dikendalikan oleh Gabenor dengan bantuan sebuah Majlis Penasihat. Oleh sebab kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh Chartered Company telah dimusnahkan hampir keseluruhannya oleh Jepun dulu, maka ini bererti bahawa dalam tahun-tahun awal selepas kekalahan Jepun, seluruh perhatian terpaksa ditumpukan ke arah kerja-kerja pemulihan dan pembinaan semula negeri.

Untuk menjayakan usaha ini, bantuan dan pinjaman wang telah diberi oleh Kerajaan British. Pada tahun 1950, sebuah perlembagaan baharu telah diadakan dan perlembagaan ini mensyaratkan pembentukan majlis-majlis Kerja dan Undangan. Dalam Majlis-majlis ini, keanggotaan ahli-ahli tidak rasmi tidaklah merupakan bahagian yang terbesar. Orang-orang yang dipilih oleh Gabenor adalah terdiri daripada mereka yang dianggap benar-benar dapat mewakili pelbagai keturunan kaum.

¹ Kerajaan-kerajaan Tanah Melayu, Singapura, Sarawak dan Borneo Utara (Sabah) telah sedia dengan tugas-tugas bagi pembinaan semula serta pembangunan ekonomi mereka. Di samping itu, persediaan telah dibuat juga ke arah berkerajaan sendiri. Tetapi, pihak Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu terpaksa menghadapi tugas-tugas ini dalam suasana perjuangan menentang kebangkitan bersenjata penganas komunis.

Kumpulan-kumpulan penganas komunis yang anti-Jepun itu hampir keseluruhannya terdiri daripada orang-orang Cina. Mereka telah muncul dari hutan pada bulan September 1945 sebaik sahaja Jepun menyerah kalah. Pihak komunis menjangka mereka akan dapat menguasai Tanah Melayu. Tetapi, hasrat durjana mereka itu telah dihancurkan apabila Pentadbiran Tentera British tiba. Oleh sebab

²⁰ "Borneo Utara (Sabah) dan Labuan dijadikan Tanah Jajahan British pada 15 Julai 1946", Hari Ini dalam Sejarah, Jilid III, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur 1983 m.s. 49.

cubaan mereka untuk merampas kuasa atau menggabungkan diri dalam kerajaan negeri ini gagal, mereka telah melakukan pelbagai angkara untuk melumpuhkan ekonomi negara, termasuk melancarkan keganasan dan pembunuhan. Sasaran utama mereka ialah peladang-peladang getah dan pelombong-pelombong British serta orang Cina yang menentang kegiatan mereka. Untuk mententeramkan keadaan, darurat telah diisytiharkan pada bulan Jun 1948.²¹

Tahun-tahun berikutnya²² dipenuhi dengan perjuangan yang dahsyat dan hebat. Darurat telah berlanjutan hingga ke tahun 1960. Tetapi, dengan beransur-ansur, pasukan komunis itu dapat dihancurkan. Kehancuran pasukan komunis ini adalah hasil daripada usahasama pasukan tentera Tanah Melayu, British dan lain-lain pasukan Komanwel. Peranan penduduk setempat juga memberi sumbangan dalam menghapuskan kegiatan pengganas komunis itu. Dengan kata lain, kejayaan yang diperoleh itu bukanlah sekadar disebabkan oleh gerakan-gerakan ketenteraan semata-mata, tetapi juga oleh langkah-langkah berhubung dengan pengawalan seluruh orang awam daripada bencana dan ugutan pengganas-pengganas itu.

Perkara yang penting sekali dalam cara-cara ini ialah rancangan penempatan semula hampir setengah juta penduduk Cina luar bandar yang berselerak. Kebanyakan daripada mereka dipercayai memberi bantuan kepada pergerakan komunis sama ada menjadi anggotanya secara langsung atau dengan memberi bantuan wang ringgit dan makanan. Dengan penempatan mereka di kediaman-kediaman yang baharu yang juga disebut "camp", kerajaan dengan mudah telah dapat menyalurkan bantuan serta memberikan faedah-faedah pentadbiran dan perkhidmatan kemasyarakatan yang lebih baik kepada mereka. Menerusi rancangan penempatan semula ini juga, kerajaan dapat menjalankan kempen-kempen untuk memenangi hati dan fikiran mereka supaya menyokong ikhtiar-ikhtiar kerajaan.

Peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam masa darurat menggambarkan betapa kejamnya komunis. Dalam bulan Oktober 1951, pengganas-pengganas komunis telah melakukan jenayah yang menggemparkan dunia yang bertamadun. Mereka telah menyerang hendap dan menembak mati Pesuruhjaya Tinggi Sir Henry Gurney yang telah memegang jawatan sebagai Pesuruhjaya Tinggi itu

²¹ "Darurat diisytiharkan pada 18 Jun 1948", Hari Ini dalam Sejarah, Jilid II, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur 1981 m.s. 313.

²² "Briggs menjadi Pengarah Gerakan menentang pengganas komunis", Hari Ini dalam Sejarah, Jilid I, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur 1980 m.s. 235.

semenjak bulan September 1948, ketika beliau dalam perjalanannya menuju tempat peranginan di Bukit Fraser.

Di daerah Pelentong, Johor, pegganas-peggnanas yang bersenjata telah membunuh sepasang suami isteri dan kemudian membakar pondok serta membuang anak perempuan mereka yang berumur lapan tahun ke dalam api yang sedang marak.

Di Kepong, Selangor, suatu kumpulan pegganas telah menyerbu masuk ke dalam panggung wayang yang penuh sesak dengan penonton dan melepaskan tembakan. Lima orang terbunuh dalam serangan itu termasuk seorang perempuan dan kanak-kanak.


Di Tapah, Perak, mereka telah membunuh lima orang asli di perkampungan orang-orang asli itu. Kemudiannya, mereka melarikan lima orang perempuan orang asli ke dalam hutan. Sementara di Kampar, Perak juga, seorang gadis Cina telah diseksa sehingga mati. Gadis itu pada mulanya ditikam dan kemudian dipukul dengan penukul besi sehingga mati.

Di Panti, Johor, dua orang budak Cina telah dipaksa berdiri melutut. Tangan budak-budak itu diikat ke belakang. Kemudian, mereka dipukul dengan penyodok sehingga mati. Manakala di Pahang pula, sepasang orang asli suami isteri dan anaknya telah ditetak dengan parang sehingga mati.

Banyak lagi kekejaman yang telah dilakukan oleh pegganas komunis terhadap orang-orang awam. Ada penoreh-penoreh getah berbangsa India telah dipukul dengan cangkul sehingga mati. Kemudian mangsa-mangsa itu dicincang dengan dahsyatnya. Demikianlah di antara beberapa contoh keganasan yang dilakukan oleh pegganas-peggnanas komunis terhadap penduduk-penduduk setempat.

Penempatan-penempatan semula ini dipandang mustahak bagi muslihat ekonomi pertanian. Penempatan ini dilakukan dalam bulan Mac 1950 sehingga ke penghujung tahun 1952. Sementara itu, Jeneral Sir Gerald Templer telah dilantik sebagai Pesuruhjaya Tinggi mulai Januari tahun 1952. Rancangan penempatan semula itu boleh dikatakan berjaya.

Setelah penduduk-penduduk yang terlibat dengan penempatan semula itu yakin dengan usaha-usaha kerajaan, mereka telah beransur-ansur menyokong kerajaan. Ini terbukti dengan terbentuknya pasukan-pasukan Pengawal Kampung yang terdiri daripada penduduk Kampung Baharu itu sendiri. Langkah-langkah mencatu makanan dalam usaha untuk menahan makanan daripada sampai ke



Pemandangan Pekan Baling, iaitu tempat 'Perundingan Keamanan' yang menempa sejarah pada penghujung tahun 1955 diambil dari udara. (Gambar ihsan Jabatan Penerangan Malaysia)

tangan penganas-penganas telah lama dijalankan. Meskipun pen-
catuan makanan ini telah mengakibatkan rakyat susah, namun
penduduk-penduduk telah menerimanya sebagai cara yang baik bagi
menamatkan keganasan²³ komunis.

Kemenangan muktamad dalam menghapuskan pertubuhan
penganas komunis ini telah dicapai dalam tempoh tiga tahun
selepas tercapainya Kemerdekaan Tanah Melayu. Tunku Abdul Rahman
Putra dilantik sebagai Perdana Menteri. Dengan sifat beliau sebagai
Ketua Menteri Kerajaan Tanah Melayu yang pertama, beliau telah
mengadakan rundingan-rundingan dengan Chin Peng, Setiausaha Agung
Parti Komunis Malaya di Baling pada penghujung tahun 1955.
Rundingan-rundingan ini menemui jalan buntu kerana Chin Peng
menolak syarat-syarat untuk menghentikan perjuangan bersenjata.

Kemajuan yang besar ke arah berkerajaan sendiri telah dirintis
dengan bermulanya Sistem Ahli dalam tahun 1951.²⁴ Hal ini sebe-

²³ "Pengumuman pengampunan beramai-ramai pada 8 September 1955", Hari Ini dalam Sejarah, Jilid III, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur 1983 m.s. 247.

²⁴ "Sistem pemerintahan cara berkabinet dimulakan di Malaya pada 9 April 1951", Hari Ini dalam Sejarah, Jilid II, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur 1981 m.s. 31.

narnya adalah merupakan langkah pertama ke arah tanggungjawab secara bermenteri. Berbagai-bagai pendapat dan cadangan telah dikemukakan oleh anggota-anggota Dewan Undangan yang kebanyakannya terdiri daripada pemimpin-pemimpin politik dan kaum.

Dalam tahun 1952, susunan Majlis Kerja telah ditukar untuk memasukkan semua anggota Dewan Undangan menjadi ahli. Dengan ini, pemimpin-pemimpin kaum dan ahli politik telah menggabungkan diri dalam kerajaan dalam masa berkuatkuasanya darurat. Tidaklah syak lagi bahawa usaha dan cita-cita nasional yang telah dihasilkan oleh gabungan ini telah membuktikan rakyat yang berbilang kaum di negara ini telah bersatu.

Ke Arah Berkerajaan Sendiri

Dalam tahun 1955, sebuah perlembagaan baharu telah dikuatkuasakan. Hal ini telah mengalihkan kebanyakan tanggungjawab Kerajaan Persekutuan kepada wakil-wakil rakyat yang dipilih. Perlembagaan ini adalah berdasarkan kepada syor-syor daripada jawatankuasa yang hampir keseluruhannya dianggotai oleh orang-orang Tanah Melayu yang dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi dalam tahun 1953.

Majlis Undangan Persekutuan yang baharu telah ditetapkan mempunyai 52 orang ahli yang dipilih, tiga orang Ahli Kerana Jawatan (Setiausaha Kerajaan, Peguam Negara dan Setiausaha Kewangan), 11 orang wakil Negeri-negeri Melayu dan Negeri-negeri Selat, 22 orang wakil pihak yang mempunyai kepentingan (umpamanya, perlombongan, pertanian dan perburuhan), tiga orang wakil kaum-kaum kecil (Orang Asli, Ceylon dan Serani) dan tujuh orang ahli tambahan yang dilantik.

Daripada tujuh kerusi tambahan yang dibentuk oleh Pesuruhjaya Tinggi itu, dua adalah diperuntukkan bagi ahli rasmi dan lima ahli tak rasmi. Pelantikan itu dibuat sesudah dirundingkan dengan pemimpin parti yang mempunyai ahli yang terbanyak di kalangan ahli-ahli yang dipilih.

Dalam pilihanraya yang telah diadakan pada bulan Julai 1955, Parti Perikatan yang telah ditubuhkan dengan gabungan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), Persatuan Cina Malaya (MCA) dan Kongres India Malaya (MIC), telah mendapat kemenangan besar di bawah ketuanya Tunku Abdul Rahman Putra. Parti ini telah memenangi 51 daripada 52 kerusi yang dipertandingkan.

Pada 18 Januari²⁵ hingga 8 Februari 1956, suatu persidangan telah diadakan di London untuk membincangkan perkara-perkara yang bersabit dengan rancangan menuju ke arah berkerajaan sendiri. Persidangan itu telah dihadiri oleh suatu rombongan dari Persekutuan Tanah Melayu yang mengandungi empat orang wakil Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja Melayu, Ketua Menteri bersama-sama dengan tiga orang Menteri Perikatan, Tuan Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan dan beberapa orang Penasihat Kanan dari Majlis Undangan Persekutuan.

Semasa merasmikan persidangan itu, Setiausaha Negara bagi Tanah Jajahan berkata bahawa Perjanjian Persekutuan telah ditandatangani hampir lapan tahun sebelumnya. Persidangan itu telah bersetuju dengan langkah-langkah yang diambil untuk memberi taraf berkerajaan sendiri dan kemerdekaan penuh kepada Persekutuan Tanah Melayu di dalam lingkungan Komanwel. Beliau menambah, perkara ini bukan sahaja merupakan satu soal politik, tetapi adalah merupakan satu soal pentadbiran yang besar dan rumit juga. Beliau telah memberitahu rombongan Persekutuan itu bahawa dalam perkara-perkara perlembagaan dan lain-lain hal yang mereka hadapi kelak, Kerajaan Baginda Queen bersedia bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan bagi mendirikan satu negara yang berdaulat.

Sewaktu membalas ucapan Tuan Setiausaha Negara itu, Ketua Menteri Persekutuan telah membentangkan segala cadangan yang dirumuskan oleh Kerajaan Persekutuan untuk dipertimbangkan oleh Kerajaan British, khasnya tentang perkara-perkara yang berhubung dengan kewangan, pertahanan dan keselamatan dalam negeri, perkhidmatan awam dan suruhanjaya perlembagaan. Persidangan itu bersetuju melantik jawatankuasa-jawatankuasa untuk memeriksa dengan teliti segala masalah yang berkenaan dengannya.

Keputusan terpenting yang dicapai dalam persidangan tersebut ialah penetapan hari kemerdekaan penuh bagi Persekutuan Tanah Melayu, iaitu pada bulan Ogos 1957. Pada bulan Mac 1956, sebuah Suruhanjaya Bebas yang diketuai oleh Lord Reid telah dilantik dan penyatannya yang akhirnya telah menjadi asas perlembagaan baharu Tanah Melayu yang diterbitkan pada bulan Februari 1957.²⁶

²⁵ "Persidangan Malaya Merdeka di London pada 18 Januari 1956". Hari Ini dalam Sejarah, Jilid I, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur 1980 m.s. 49.

²⁶ "Penyasa Suruhanjaya Reid diterbitkan pada 21 Februari 1957". Hari Ini dalam Sejarah, Jilid I, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur 1980 m.s. 149.



Lord Reid (Gambar pada tahun 1957). Gambar ihsan Arkib Negara Malaysia.

Cadangan-cadangan untuk perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu telah dimuktamadkan setelah diadakan rundingan di kalangan ahli-ahli Majlis Undangan yang anggota-anggotanya terdiri daripada wakil-wakil daripada Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu²⁷, Persatuan Cina Malaya, Kongres India Malaya dan Kerajaan British. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu telah ditandatangani bagi pihak baginda Queen dan Raja-raja Melayu pada bulan Ogos 1957²⁸. Pada penghujung bulan tersebut, kemerdekaan akhirnya tercapai.

Rombongan tersebut pulang pada 19 Februari melalui Singapura. Mereka berlepas ke Melaka pada hari esoknya. Sambutan meriah dan satu rapat raksasa telah diadakan di Padang Bandar Hilir. Di sinilah Tunku Abdul Rahman membaca "Perisytiharan Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu" yang akan disambut pada 31 Ogos 1957, kepada orang ramai.

Bertepatan pada tengah malam 31 Ogos itu, bendera Union Jack pun diturunkan dalam suatu upacara gilang-gemilang di Padang Kelab

²⁷ "UMNO menerima kertas putih Rangka Perlembagaan Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada 30 Jun 1957", Hari Ini dalam Sejarah, Jilid II, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur 1981 m.s. 367.

²⁸ "Perjanjian Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada 5 Ogos 1957", Hari Ini dalam Sejarah, Jilid III, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur 1983 m.s.125.

Selangor, Kuala Lumpur. Bendera Persekutuan Tanah Melayu dengan megahnya mengambil alih tempat bendera Union Jack dan berkibar-kibaran seolah-olah mengalu-alukan kelahiran sebuah negara yang berdaulat dan merdeka.

Sebagai Perdana Menteri yang pertama, inilah kemuncak daya usaha Tunku Abdul Rahman Putra. Beliau telah menerima naskhah "Perisytiharan Merdeka" daripada wakil peribadi Baginda Queen, Duke of Gloucester pada awal pagi 31 Ogos 1957.

Istiadat yang bersejarah itu telah berlangsung di Stadium Merdeka yang baru siap dibina. Pembinaan stadium tersebut telah memakan belanja sebanyak dua setengah juta ringgit. Tunku sangat berharap agar stadium itu dijadikan sebagai kenang-kenangan negara mencapai kemerdekaan.


Stadium Merdeka itu terletak di tengah-tengah ibu negara dan boleh memuatkan seramai 40 000 orang. Dengan mempunyai sebuah gelanggang lumba lari 400 meter, padang untuk permainan bola sepak, hoki dan ragbi serta kemudahan lampu untuk acara-acara sukan kebangsaan, stadium itu menjadi gelanggang yang popular untuk acara-acara sukan kebangsaan dan antarabangsa.

Peristiwa bersejarah ini juga disusuli dengan perutusan tahniah daripada pemimpin-pemimpin dunia. Salah satu daripada perutusan itu datangnya daripada Perdana Menteri India, mendiang Jawaharlal Nehru. Perutusan beliau berbunyi, "Ini adalah hari kebesaran bukan sahaja bagi rakyat Tanah Melayu, tetapi juga bagi rakyat Asia. Kami mengalu-alukan kemerdekaan negara Tuan dan berharap ikatan kerjasama erat yang sedia ada boleh dipertingkatkan ke satu tahap yang lebih bermakna dan berkesan.

Saya benar-benar berharap peristiwa-peristiwa bersejarah ini akan membantu usaha-usaha dunia untuk mencari keamanan yang berkekalan. Ia juga menjadi sumber perangsang kepada negara-negara yang terjajah untuk mencari jalan supaya keluar mencari kebebasan yang tulen."

Beliau juga menambah, "Dunia hari ini diselubungi dengan perasaan takut dengan bom hidrogen menjadi simbol malapetaka yang mungkin tiba. Saya berharap negara-negara Asia akan berganding bahu bersama-sama mencari kedamaian kerana tidak akan wujud pembangunan dan kemajuan tanpa keamanan. Merdeka!"

Semenjak itu, Tunku telah menjalankan usahanya tanpa mengenal penat dan jemu. Harapannya adalah semata-mata untuk menentukan terdirinya sebuah kerajaan yang teguh dan bertanggungjawab dalam negeri dan menjalinkan hubungan yang baik



Raja-raja Melayu yang menghadiri Persidangan Terakhir Majlis Raja-raja Melayu sebelum merdeka pada 14 Mac 1957 di Kuala Lumpur. Gambar ihsan Arkib Negara Malaysia.

di luar negeri. Dengan ini, Persekutuan Tanah Melayu telah menjadi anggota kesepuluh Pertubuhan Komanwel serta menandatangani "Perjanjian Pertahanan dengan United Kingdom".

Semua penduduk yang telah menjadi warganegara persekutuan sebelum Hari Merdeka (31 Ogos 1957)²⁹ akan terus menjadi warganegara dan penduduk yang lahir dalam negeri ini sesudah tarikh tersebut adalah menjadi warganegara dengan perjalanan undang-undang. Orang-orang yang berumur lebih daripada 18 tahun yang lahir di seberang negeri di persekutuan sebelum merdeka, tetapi telah tinggal di negara ini selama lima hingga tujuh tahun boleh juga menjadi warganegara jika mereka berniat untuk menjadi penduduk tetap. Namun demikian, mereka dikenakan beberapa syarat, antaranya termasuklah mengetahui sedikit sebanyak bahasa Melayu dan bersumpah untuk taat setia kepada kerajaan.

Mereka yang telah tinggal di persekutuan selama lapan tahun hingga 12 tahun sebelum merdeka, boleh juga menjadi warganegara dengan syarat mereka mempunyai kelayakan yang sama. Syarat-syarat juga telah diadakan bagi membolehkan kewarganegaraan diperoleh

²⁹ "Pengisytiharan Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957", Hari Ini dalam Sejarah, Jilid III, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur 1983 m.s. 255.

dengan jalan membuat permohonan serta juga bagi membolehkan perempuan-perempuan yang berkahwin dengan warganegara mendapat taraf kewarganegaraan.

Hak mengundi adalah sama bagi semua warganegara di atas daftar pemilih yang sama. Pada masa persekutuan menjadi negara merdeka, hanya sebahagian sahaja ahli-ahli Dewan Undangan terdiri daripada anggota-anggota yang dipilih. Satu daripada syarat peralihan perlembagaan ialah, dua tahun selepas kemerdekaan tercapai, anggota-anggota Dewan Rakyat yang pertama mestilah terdiri daripada anggota-anggota yang dipilih sepenuhnya. Kesan daripada syarat-syarat baru berhubung dengan kewarganegaraan dan hak mengundi ialah jumlah pengundi telah meningkat daripada 1 240 000 nama dalam daftar pemilih bagi pilihanraya 1955 kepada 2 240 000 nama dalam daftar pemilih bagi pilihanraya tahun 1959.

Sehubungan dengan itu, Perlembagaan tahun 1955 telah membawa Singapura jauh ke hadapan ke arah berkerajaan sendiri serta telah memberi rakyat kuasa yang lebih besar berhubung dengan hal ehwal mereka sendiri. Dewan Perhimpunan Undangan yang baharu mengandungi seorang speaker dan 32 orang ahli. 25 daripadanya adalah dipilih berdasarkan suara ramai dari kawasan pemilihan yang diwakili oleh ahli-ahli perseorangan. Tiga orang ahli kerana jawatan dan empat orang ahli tak rasmi yang dilantik oleh Gabenor.

Majlis kerja yang lama digantikan oleh suatu Majlis Menteri³⁰ mengandungi tiga orang menteri berdasarkan jawatan (Setiausaha Kerajaan, Peguam Negara dan Setiausaha Kewangan) dan enam orang menteri yang dipilih dari Dewan Undangan dan dilantik oleh Gabenor dengan syor daripada Ketua Parti yang mempunyai bilangan ahli yang terbesar dalam dewan itu. Menteri yang utama di kalangan menteri-menteri yang dipilih itu dipanggil Ketua Menteri.

Dalam pilihanraya-pilihanraya tersebut, semua warganegara United Kingdom dan Tanah Jajahan Singapura yang dewasa berhak mengundi, tetapi dengan syarat mereka telah menetap di sana selama setahun. Daripada penduduk yang berjumlah seramai lebih kurang 1 250 000 orang, bilangan pemilih yang berkelayakan ialah lebih sedikit daripada 300 000 orang.

Ketua Parti Labour Front/Perikatan yang berjaya di dalam pilihanraya, Tuan David Marshall, telah pergi ke London pada awal

³⁰ "Mesyuarat Pertama Jemaah Menteri pada 10 September 1957", Hari Ini dalam Sejarah, Jilid III, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur 1983 m.s. 255.

tahun 1956 untuk merundingkan sebuah perlembagaan baharu. Rundingan di London itu telah gagal mencapai persetujuan. Tetapi, dalam bulan Disember tahun itu juga, Tuan Lim Yew Hock yang pada ketika itu mengambil tempat Tuan David Marshall sebagai Ketua Menteri telah bersetuju untuk mengadakan rundingan-rundingan selanjutnya dalam tahun 1957.

Rundingan pada tahun 1957 itu telah berjaya dan persetujuan telah dicapai berhubung dengan perlembagaan yang akan memberi taraf berkerajaan sendiri dalam negeri yang penuh kepada Singapura. Namun begitu, tanggungjawab pertahanan dan hal ehwal luar negeri tetap dipegang oleh Kerajaan United Kingdom. Dalam tahun 1958, Undang-undang Negeri Singapura telah diluluskan oleh Parlimen British yang memberi syarat pembentukan sebuah negeri baharu serta membolehkan pengumuman rasmi perlembagaan baharu itu dibuat oleh Pemerintah dalam Majlis.

Menurut undang-undang itu, Badan Perundangan akan mengandungi sebuah dewan, iaitu Dewan Perhimpunan Undangan yang mempunyai 51 orang ahli yang dipilih dari kawasan-kawasan pemilihan yang diwakili oleh ahli-ahli perseorangan. Selain itu, ada sebuah kabinet yang mengandungi sembilan orang ahli termasuk Perdana Menteri yang dilantik oleh pemimpin parti yang mempunyai ahli terbanyak.

Sungguhpun hal ehwal luar negeri dan pertahanan dipegang oleh Kerajaan United Kingdom, tetapi Kerajaan Singapura telah diberi Kuasa Perwakilan untuk menguruskan perkara-perkara tentang perhubungan dengan negeri-negeri lain, dengan syarat dipelihara semua tanggungjawab antarabangsa British. Wakil Baginda Queen di Singapura akan disebut Yang Dipertuan Negara (Ketua Negara), sementara Wakil Kerajaan British disebut Pesuruhjaya United Kingdom.

Keselamatan dalam negeri telah menjadi tanggungjawab Kerajaan Singapura, tetapi dalam menentukan perkaitan di antara keselamatan dalam negeri dengan pertahanan, perlembagaan tersebut telah mengadakan syarat bagi pembentukan Majlis Keselamatan Dalam Negeri. Majlis ini mengandungi Pesuruhjaya British sebagai Pengerusi, dua orang ahli British yang lain, Perdana menteri dan dua orang anggota Kabinet Singapura yang lain dan seorang ahli yang dipilih oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu. Majlis itu telah diberi kuasa untuk membuat keputusan yang mengikat Kerajaan Singapura.

Suatu akta kewarganegaraan Singapura yang berasingan telah dimaktubkan dalam undang-undang Kewarganegaraan Singapura tahun 1957 dan pindaan-pindaan berikut. Kelahiran ialah suatu syarat, tetapi kewarganegaraan boleh diberi kepada warganegara-warganegara British, Irish atau Komanwel yang telah tinggal di Singapura selama lapan tahun hingga 12 tahun sebelum tarikh permohonan itu dibuat. Warganegara negeri-negeri lain juga diberi kewarganegaraan, tertakluk kepada jangka masa pendudukan, umur dan kefasihan berbahasa Melayu. Kewarganegaraan Singapura telah menjadi sama tarafnya dengan taraf ahli Komenwel yang merdeka apabila perlembagaan tahun 1959 itu berkuatkuasa. Daripada 22 000 orang dalam pilihanraya tahun 1948, bilangan ini telah meningkat kepada lebih daripada 600 000 orang dalam pilihanraya tahun 1959.

* Pilihanraya yang pertama di bawah perlembagaan baharu itu telah diadakan pada hujung bulan Mei 1959. Pilihanraya ini berkesudahan dengan kemenangan besar Parti Tindakan Rakyat yang dipimpin oleh Tuan Lee Kuan Yew. Parti yang condong ke kiri dalam dasar-dasar amnya itu telah menyatakan dengan tegas semenjak dari mula-mula lagi, iaitu matlamat terakhirnya ialah untuk mendapatkan kemerdekaan melalui percantuman dengan Persekutuan Tanah Melayu. Masalah yang tinggal ialah untuk mencari bentuk persatuan yang dapat diterima oleh Tanah Melayu.

Perkembangan-perkembangan di Tanah Melayu dan Singapura pada penghujung tahun-tahun lima puluhan³¹ telah mendapat perhatian penuh penduduk-penduduk Wilayah-wilayah Borneo, khususnya tentang langkah-langkah untuk mendapatkan taraf berkerajaan sendiri. Kemerdekaan yang diperoleh dengan cepat itu telah mempengaruhi pemimpin negeri-negeri itu. Kerajaan British juga telah mengaturkan beberapa langkah menuju matlamat ini dan dengan pulihnya semula ekonomi wilayah-wilayah itu serta kesedaran politik, maka telah tibalah masanya bagi diadakan perubahan-perubahan selanjutnya.

Di Sarawak, pada bulan Ogos 1956, suatu Perintah dalam Majlis telah dibuat dan Surat Kuasa (*Letters Patent*) dan Perintah Diraja (*Royal Instructions*) telah dimasyhurkan. Antaranya mengandungi sebuah perlembagaan baharu bagi negeri itu. Menurut susunan baharu ini, sebuah Majlis Undangan yang baharu akan

³¹ "Sidang Kemuncak Persekutuan Tanah Melayu - Singapura pada 13 Jun 1959", Hari Ini dalam Sejarah, Jilid II, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur 1981 m.s. 289.

dibentuk. Majlis ini mengandungi 45 orang ahli, 24 daripadanya terdiri daripada ahli tak rasmi yang dipilih, 14 orang ahli kerana jawatan, empat orang ahli yang akan dilantik bagi mewakili kepentingan-kepentingan yang difikirkan oleh Gabenor tidak diwakili dengan secukupnya, dan tiga orang ahli tetap.

Supreme Council atau Majlis Kerja yang baharu mengandungi tiga orang ahli kerana jawatan (Setiausaha Kerajaan, Peguam Negara dan Setiausaha Kewangan), dan dua orang ahli yang dilantik atau ahli tetap. Selain itu, 21 daripada 24 orang ahli tak rasmi akan dilantik oleh majlis-majlis yang mewakili bahagian pentadbiran Sarawak atau Majlis Penasihat Bahagian. Tiga orang yang selebihnya akan dilantik oleh Majlis Bandaran Kuching, Majlis daerah Bandar Sibu dan Majlis daerah Miri.

Selepas tahun 1948, Lembaga Berkuasa Tempatan yang ahli-ahlinya terdiri daripada pemimpin-pemimpin kaum telah ditubuhkan, tetapi lembaga ini terbukti tidak dapat berjalan dengan sempurna. Selepas tahun 1957, seluruh penduduk negeri itu berada di bawah kuatkuasa Lembaga Berkuasa Tempatan Wilayah Antarabangsa. Lembaga ini mempunyai dua tugas, iaitu: Menjalankan tugas-tugas Kerajaan Tempatan di dalam batas Undang-undang Lembaga Berkuasa Tempatan dan sebagai Badan Pemilih Kecil bagi memilih ahli-ahli ke Majlis-majlis Penasihat Daerah.

Pilihanraya umum yang pertama¹² bagi memilih wakil-wakil ke Majlis-majlis Daerah telah diadakan dari bulan November hingga Disember 1959. Kawasan-kawasan majlis itu telah dibahagikan kepada beberapa bahagian untuk mengelakkan berlakunya perkumpulan bangsa dengan seberapa yang boleh. Hak memilih terletak hanya pada orang lelaki. Orang ramai telah menunjukkan kecenderungan yang kuat dalam pilihanraya itu. Kira-kira 71% daripada pemilih yang layak telah membuang undi.

Secara bergilir-gilir, Majlis-majlis Daerah telah memilih wakil-wakilnya bagi menduduki Majlis-majlis Bahagian. Majlis-majlis ini bersama-sama dengan Majlis-majlis Bandar telah memilih Ahli-ahli Tidak rasmi untuk menduduki Council negeri. Pilihanraya-pilihanraya tersebut telah diikuti oleh perkembangan pesat parti-parti politik. Gerakan parti-parti politik ini telah semakin kuat mendorong penduduk-penduduk yang berbilang kaum di wilayah itu untuk

¹² "Pilihanraya Umum yang Pertama selepas merdeka pada 19 Ogos 1959", Hari Ini dalam Sejarah, Jilid III, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur 1983 m.s. 171.

memikirkan keadaan masa depan mereka.³³ Sambil itu, usaha-usaha untuk membina kemajuan ke arah berkerajaan sendiri³⁴ berjalan terus dengan tiada henti-hentinya.

Dalam tahun 1961, cadangan-cadangan telah dikemukakan kepada Council agar usaha-usaha dibuat untuk mengadakan pilihanraya dalam tahun 1963. Cadangan-cadangan lain yang dikemukakan pada tahun itu termasuklah perkara meluaskan hak memilih kepada semua penduduk yang berumur lebih daripada 21 tahun. Masalah sistem pilihanraya tiga tingkat kecuali tentang perwakilan terus ke Majlis Bandaran Kuching, Daerah Bandar Sibu dan Majlis Daerah Miri juga dikemukakan. Ahli-ahli juga mahukan agar Yang Dipertua Council Negeri (yang juga menjadi Setiausaha Kerajaan) digantikan oleh seorang Speaker dan penurunan bilangan ahli yang dilantik kepada 15 orang. Daripada jumlah ini, bilangan ahli tak rasmi hendaklah tidak kurang daripada empat orang. Adalah juga dirasai bahawa pada masa yang sesuai, sesetengah ahli Supreme Council yang tidak rasmi hendaklah dibawa bersama merumuskan dasar kerajaan.

Walau bagaimanapun, pada 10 Mac 1963, Council Negeri Sarawak (Majlis Undangan Negeri) telah dengan sebulat suara menerima suatu usul untuk meminda perlembagaan berhubung dengan pembentukan Supreme Council (Majlis Kerja). Council ini dicadangkan mengandungi seorang Ketua Menteri, tiga orang Ahli Kerana Jawatan dan lima orang Ahli Council Negeri yang akan dilantik oleh Gabenor atas nasihat Ketua Menteri. Council negeri pula mengandungi seorang Speaker, tiga orang Ahli Kerana Jawatan, 36 orang ahli yang dipilih, seorang ahli tetap dan tidak lebih daripada tiga orang ahli yang dilantik.

Pilihanraya berdasarkan syarat-syarat baru ini telah dijalankan pada pertengahan bulan Ogos 1963. Parti Perikatan yang menyokong Malaysia telah mendapat kemenangan besar dengan beroleh kelebihan kerusi yang terbanyak dalam Council Negeri. Hasil daripada ini, Tuan Stephen Kalong Ningkan, Setiausaha Agung Perikatan telah dilantik menjadi Ketua Menteri Sarawak yang pertama.

Di Borneo Utara (Sabah), mulai dari tahun 1951 kemajuan besar telah dibuat dalam pembentukan Lembaga-lembaga Berkuasa Tempatan di kawasan-kawasan luar bandar. Selepas tahun 1954,

³³ "Pembentukan Kabinet yang Pertama selepas merdeka pada 23 Ogos 1959". Hari Ini dalam Sejarah, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur 1983 m.s. 187.

³⁴ "Sidang Pertama Parlimen Persekutuan Tanah Melayu pada 12 September 1959", Hari Ini dalam Sejarah, Jilid III, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur 1983 m.s. 261.



Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu dan Perdana Menteri Pertama Tun Abdul Rahman Putra Al-Haj dari 31 Ogos 1957 hingga 22 September 1970. (Gambar ihsan Jabatan Penerangan Malaysia)

Undang-undang Lembaga Berkuasa Bandaran dan Bandar telah mengadakan syarat-syarat bagi pembentukan Lembaga Bandaran dan Lembaga Berkuasa Bandaran. Menjelang tahun 1960, sebahagian besar daripada wilayah tersebut telah terletak di bawah kuasa Lembaga Berkuasa Tempatan.

Keanggotaan badan-badan ini hampir keseluruhannya terdiri daripada ahli-ahli tak rasmi. Sungguhpun ahli-ahli itu tidak dipilih,

tetapi mereka adalah dilantik daripada kalangan pemimpin yang terkemuka daripada pelbagai kaum. Dengan penyertaan wakil-wakil rakyat itu dalam kerajaan, maka kemajuan yang besar telah diperolehi dalam masa sepuluh tahun ini.

Dalam tahun 1960, Perintah-perintah Diraja dan Perintah dalam majlis telah dipinda. Pindaan ini adalah untuk mengurangkan jumlah ahli-ahli tidak rasmi dalam Majlis Kerja. Ahli-ahli Majlis Undangan yang dilantik berikutan dengan itu telah dilantik oleh Gabenor daripada senarai-senarai nama yang disampaikan kepada beliau oleh Lembaga Bandaran, Majlis Daerah, Persidangan Ketua-ketua Anak Negeri dan Dewan-dewan Perniagaan.

Dengan yang demikian, anggota-anggota majlis itu telah terdiri daripada wakil rakyat Borneo Utara dengan secara cukup menyeluruh. Tidak lama kemudian, dimasukkan pula pemimpin parti-parti politik yang terbesar yang pada masa itu telah semakin berkembang. Menjelang tahun 1962, susunan Majlis Undangan ialah 18 orang ahli tak rasmi, empat orang ahli kerana jawatan dan tiga orang ahli rasmi.

Dalam membuat persediaan untuk kemasukan Sarawak ke dalam Malaysia, hal yang serupa telah juga berlaku dalam negeri itu. Kemajuan perlembagaan yang lebih pesat telah berlaku dalam bulan April 1963, apabila pilihanraya-pilihanraya telah dijalankan bagi memilih Ahli-ahli Lembaga Berkuasa Tempatan. Lembaga-lembaga Berkuasa Tempatan yang baharu dipilih ini seterusnya bertugas sebagai badan pemilih bagi melantik ahli-ahli ke Dewan Undangan Negeri.

Oleh itu, pada bulan Ogos, sebelum menjadi sebuah negeri anggota Malaysia, Sarawak telah mempunyai sebuah Kabinet Negeri yang mengandungi seorang Ketua Menteri dan ahli-ahli yang dilantik atas nasihat Ketua Menteri. Negeri itu juga mempunyai sebuah Dewan Undangan Negeri yang sebahagian besar ahlinya terdiri daripada anggota-anggota yang dipilih.

Di Sabah, Parti Perikatan yang menyokong Malaysia telah juga memenangi bilangan kerusi yang terbesar dalam pilihanraya-pilihanrayanya. Tuan Donald Stephens, Pengerusi Jawatankuasa kerjanya telah dilantik menjadi Ketua Menteri negeri itu yang pertama.

Darurat telah berlanjutan hingga ke tahun 1960. Tetapi, dengan beransur-ansur pasukan komunis itu telah dapat dihancurkan. Ini adalah disebabkan sepanjang tahun-tahun tersebut, pasukan tentera Tanah Melayu, British dan lain-lain pasukan Komanwel



Yang di-Pertuan Agong yang Pertama, Duli Yang Maha Mulia Tuanku Abdul Rahman ibni Almarhum Tuanku Muhammad (Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan) GCMG., DMN., SMN. Diputerakan pada 24 Ogos 1895. Menjadi Yang di-Pertuan Agong Persekutuan Tanah Melayu pada 2 September 1957. Mangkat pada 1 April 1960. (Gambar ihsan Jabatan Penerangan Malaysia)

telah tidak berhenti-henti menjalankan perjuangan yang amat sukar di hutan-hutan.

Seperti juga di semenanjung, kejayaan membanteras kegiatan komunis bukanlah semata-mata disebabkan gerakan ketenteraan, tetapi juga kerana langkah-langkah yang berhubung dengan pengawalan seluruh penduduk atau orang-orang awam dari bencana ugutan penganas-penganas komunis. Darurat ditamatkan pada 31 Julai 1960.

WILAYAH-WILAYAH MALAYSIA DAN PENDUDUKNYA

Kedudukan dan Keadaan Muka Bumi

Keseluruhan luas muka bumi Malaysia ialah 330 433 kilometer persegi. Secara umumnya, muka bumi Malaysia meliputi dua bahagian yang berasingan, iaitu Semenanjung Tanah Melayu yang menganjur ke arah tenggara dari Segenting Kra ke Pulau Singapura dan kawasan pantai Barat Laut Pulau Borneo yang terdiri daripada Sabah dan Sarawak. Luas kawasan Semenanjung Tanah Melayu ialah 132 033 kilometer persegi, manakala luas bahagian Sarawak dan Sabah ialah 202 400 kilometer persegi. Kedua-dua kawasan ini terpisah kira-kira 530 kilometer oleh Laut China Selatan. Beberapa buah pulau kecil yang berhampiran Tanah Melayu, Singapura, di pantai Sarawak dan Sabah termasuk juga dalam Malaysia.

Sempadannya di Tanah Besar Asia ialah Thailand dan di Pulau Borneo ialah Republik Indonesia. Di seberang Selat Melaka ialah Pulau Sumatera yang diperintah oleh Indonesia, manakala di Timur laut Sabah (dahulu Borneo Utara) di seberang Laut Sulu terdapat Pulau Palawan dan Mindanao yang menjadi sebahagian daripada Republik Filipina. Sementara itu, Sarawak dan Sabah pula sebahagiannya dipisahkan oleh Brunei.

Kedudukan Semenanjung Tanah Melayu, terutamanya Pulau Singapura di Tenggara Asia adalah sangat penting. Pulau ini terletak di jalan pertemuan dari tanah besar dan juga pulau-pulau dan di persimpangan jalan laut Asia yang dipengaruhi oleh angin monsun. Angin monsun dari Lautan Hindi bertemu dengan angin monsun dari Laut China Selatan di sini. Maka, inilah merupakan salah satu sebab yang menjadikan pulau ini penting sebagai pusat perniagaan pada masa dahulu.

Semenanjung Tanah Melayu terletak di tengah-tengah perjalanan di antara dua negara besar di Asia, iaitu India dan China dan perjalanan laut melaluinya adalah perjalanan yang tersingkat di antara kedua-dua buah negara itu. Jalan-jalan laut dan udara yang utama ke Australia dan menyeberang Lautan Pasifik ke Amerika juga melalui

Tanah Melayu. Hal ini menyebabkan Tanah Melayu suatu kawasan yang terpenting menurut siasah perang.

Kedudukan wilayah-wilayah Malaysia di Borneo tidaklah begitu penting. Wilayah-wilayah ini terletak di sebelah timur jalan kapal dari Negara China dan Jepun ke India dan ke negara-negara Barat. Oleh hal yang demikian, wilayah-wilayah ini tidak mendapat banyak faedah dari segi ekonomi berbanding dengan Semenanjung Tanah Melayu. Sungguhpun begitu, kemajuan-kemajuannya banyak mencontohi Tanah Melayu disebabkan oleh hubungan yang terjalin buat sekian lama semenjak berada di bawah pemerintahan British telah dinikmati.

Malaysia terletak di tengah-tengah Asia Tenggara dan berhampiran dengan garisan Khatulistiwa, iaitu di antara garisan lintang 1° dan 7° Utara dan garisan bujur 100° dan 119° Timur. Kedua-dua kawasan Semenanjung Tanah Melayu dan wilayah-wilayah Borneo, adalah terbuka kepada pengaruh-pengaruh laut dan angin-angin monsun yang datang dari Lautan Hindi dan Laut China Selatan. Kawasan ini mempunyai dua musim, iaitu Monsun Barat Daya dan Monsun Timur Laut.

Pantai Barat Tanah Melayu mengalami musim tengkujuh pada bulan-bulan di antara dua musim monsun itu. Di Sarawak, mulai bulan Oktober hingga penghujung bulan Februari, Monsun Timur Lautlah yang banyak membawa hujan terutamanya ke kawasan-kawasan pantai. Dari bulan April hingga bulan Julai, angin datang dari tenggara, tetapi tidak kencang. Namun demikian, angin ini membawa hujan dengan ribut berserta petir pada sebelah petang. Di Sabah, musim Monsun Timur Laut ialah dari bulan Oktober atau November hingga ke bulan Ogos. Di antara musim-musim ini, angin bertiup kencang di sana sini. Di Pantai Barat, musim yang banyak hujan ialah pada musim Monsun Barat Daya dan pada bulan-bulan di antara peralihan musim. Di pantai timur pula, musim hujannya ialah pada musim Monsun Timur Laut.

Hitung panjang, Semenanjung Tanah Melayu mendapat lebih kurang 2161 mm hujan dalam setahun. Namun demikian, terdapat perbezaan dari tempat ke tempat dan dari tahun ke tahun. Tempat yang kurang sekali mendapat hujan di Tanah Melayu ialah di Jelebu, Negeri Sembilan. Kawasan ini hanya mendapat kurang daripada 1000 mm hujan setahun. Tempat yang banyak sekali mendapat hujan ialah Bukit Larut (dekat Taiping, Perak), iaitu kira-kira 5080 mm hujan setahun. Singapura mendapat kira-kira 2000 mm hujan setahun.



Yang di-Pertuan Agong Kedua, Duli Yang Maha Mulia Tuanku Hishamuddin Alam Shah AlHaj ibni Almarhum Sultan Alaidin Sulaiman Shah (Sultan Selangor) KCMG, DMN., DK (Brunei). Diputerakan pada 13 Mei 1898. Menjadi Yang di-Pertuan Agong Persekutuan Tanah Melayu pada 14 April 1960. Mangkat pada 1 September 1960. (Gambar ihsan Jabatan Penerangan Malaysia)

Di Sarawak, sebahagian besar negeri itu mendapat di antara 2200 mm - 4000 mm hujan setahun. Di Sabah pula, sukatan hujan berubah-ubah dari 1400 mm hingga 4000 mm setahun. Bahagian yang banyak sekali menerima hujan ialah kawasan barat daya (Beaufort dan Labuan), manakala bahagian yang mendapat paling sedikit hujan ialah kawasan di pedalaman, walaupun hujan turun sepanjang tahun.

Secara hitung panjang, suhu di seluruh Malaysia ialah di antara 25°C hingga 33°C dan suhunya rendah di kawasan-kawasan tanah tinggi. Di Cameron Highlands, Pahang, suhu yang panas sekali ialah 18.5°C dan yang sejuk sekali ialah 17°C. Tetapi, di mana-mana pun hawanya adalah lembap.

Di Semenanjung Tanah Melayu, tanah di sepanjang pantai timur dan baratnya adalah rata. Di tengah-tengahnya terdapat banjaran-banjaran gunung yang merentang dari utara ke selatan. Di sesetengah tempat, ada di antara banjaran-banjaran gunung ini mencapai ketinggian 2000 meter. Gunung yang tinggi sekali ialah Gunung Tahan. Tingginya ialah 2190 meter. Banyak sungai dan anak sungai yang mengalir dari banjaran-banjaran gunung ini. Sungai-sungai yang besar ialah Sungai Perak yang mengalir ke Selat Melaka dan Sungai Pahang yang mengalir ke Laut China Selatan. Pada bahagian hulu sungai, airnya mengalir dengan deras dan melalui batu-batu serta jeram-jeram yang curam. Sesampainya ke kawasan yang rata, alirannya menjadi perlahan dan airnya keruh kerana melalui tanah-tanah lumpur sebelum sampai ke laut. Di pantai barat, kadang-kadang kualitasnya tersekat oleh beting pasir dari laut.

Di wilayah-wilayah Borneo, pantai-pantainya terdiri daripada pasir halus dan berpaya-paya. Kawasan-kawasan pedalamannya berbukit-bukit dan bergunung-ganang. Sungai-sungainya bermula dari banjaran-banjaran gunung di pedalaman dan mengalir melalui gaung-gaung dan jeram-jeram. Di Sarawak, gunung yang tinggi sekali ialah Gunung Murud yang setinggi 2425 meter dan sungai yang terpanjang ialah Sungai Rejang. Panjangnya ialah 563 kilometer dan boleh dimudiki oleh kapal-kapal kecil sejauh 160 kilometer.

Di Sabah, banjaran gunung di negeri itu memuncak tinggi dekat pantai barat. Purata tingginya ialah 762 meter ke 914 meter. Puncak yang tinggi sekali ialah Gunung Kinabalu, iaitu setinggi 4175 meter. Inilah gunung yang tertinggi di Malaysia dan juga di Asia Tenggara. Banyak daripada sungainya mengalir ke arah barat laut dan ke timur masuk ke Laut China Selatan dan Laut Sulu. Sungai yang besar sekali ialah Sungai Kinabatangan dan boleh dimudiki kapal sehingga beberapa jauh ke hulu sungai. Sungai ini mengairi tanah datar yang luas sekali dalam wilayah itu.

Sebahagian besar daripada Malaysia masih diliputi oleh hutan-hutan tebal. Lebih-lebih lagi di wilayah-wilayah Borneo. Hutan-hutan ini pula mengandungi pelbagai pokok kayu yang besar. Ada yang mencapai ketinggian 40 ke 50 meter. Tetapi, di gunung-gunung, hutannya

tidak begitu tebal dan tumbuhan-tumbuhannya pelbagai jenis. Hutan-hutan di tanah pamah mengandungi kira-kira 15 000 jenis pokok. 6000 jenis daripadanya ialah pokok kayu yang berharga. Di antara yang terpenting ialah jenis Dipterocarpaceae. Jenis-jenis kayu balak yang terkenal ialah Cengal, Balau, Merbau, Keruing, Kapar, Kempas, Meranti dan Jelutong. Selain kaya dengan kayu balak, hutan Malaysia juga dipenuhi dengan pelbagai jenis bunga. Bunga yang terkenal ialah Hibiscus Rosa Senensis atau lebih dikenali sebagai Bunga Raya¹. Bunga ini mudah didapati dan juga merupakan Bunga Kebangsaan Malaysia. Lianes (pokok menjalar yang besar), epiphytes seperti orkid, paku-pakis dan aroids serta lain-lain dedalu (parasite) juga terdapat dengan banyaknya.

Di kawasan-kawasan paya pula, terdapat tumbuh-tumbuhan paya, manakala pokok-pokok bakau pula terdapat di tempat-tempat yang berhampiran dengan laut atau paya masin. Banyak tanah di kawasan pantai telah ditebusguna.

Kawasan pantai barat Semenanjung Tanah Melayu dan Singapura adalah lebih maju jika dibandingkan dengan kawasan-kawasan lain. Di sini banyak terdapat bandar besar dan kota. Sebahagian besar daripada kawasan ini digunakan untuk lombong-lombong bijih, ladang-ladang getah, kelapa sawit, nanas dan sawah padi.

Panjangnya pantai Malaysia ialah hampir 5000 kilometer dari Lautan Hindi hingga ke Laut China Selatan. Penduduk-penduduk negeri ini telah berkurun-kurun lama hidup sebagai nelayan, menjalankan usaha pengangkutan dan perniagaan. Sehingga masa kini, sungai dan laut masih menjadi jalan-jalan pengangkutan yang mustahak kepada penduduknya. Di Tanah Melayu, pantai baratlah paling mudah didatangi. Hal ini demikian kerana Selat Melaka terlindung dan tidak bergelombang besar. Pantai timur sukar untuk dijejaki terutamanya pada musim Monsun Timur Laut atau musim tengkujuh (Oktober-Februari) kerana lautnya bergelora dengan gelombang dan ribut kuat. Di Borneo, laut merupakan cara perhubungan yang penting. Kawasan di sini mempunyai pelabuhan-pelabuhan yang terlindung sepanjang tahun. Panjang pantai Sarawak dan Sabah ialah lebih kurang 2000 kilometer.

Di hutan-hutan Malaysia, terdapat berbagai-bagai jenis hidupan liar. Harimau merupakan binatang kebanggaan di sini dan

¹ "Bunga Raya diisytiharkan sebagai Bunga Kebangsaan pada 28 Julai 1960", Hari Ini dalam Sejarah, Jilid III, Arkib negara Malaysia, Kuala Lumpur 1983 m.s. 97.

juga merupakan Binatang Kebangsaan. Harimau kumbang dan harimau bintang juga kadang-kadang dijumpai. Gajah ialah binatang tempatan yang paling besar. Sesetengah binatang di negara ini dilindungi di bawah Akta Hidupan Liar seperti cimpanzi dan dua jenis badak. Antara binatang-binatang yang dilindungi ini, binatang yang amat terkenal di kalangan masyarakat setempat ialah Orang Utan dan pelandok ataupun Sang Kancil yang amat terkenal dalam cerita penglipur lara Melayu. Di samping itu, terdapat binatang yang kecil jumlahnya seperti monyet muncung, tikus pokok, kera duku, kambing gurun, tupai dan babi hutan. Malah ada di antara binatang yang terdapat di hutan Malaysia tidak terdapat di tempat-tempat lain.

Malaysia juga kaya dengan burung. Terdapat lebih daripada 500 jenis burung di negara ini dan sesetengah daripadanya hidup berpindah-pindah. Jenis-jenis burung yang biasa ditemui di kawasan-kawasan kampung ialah pipit, sawai, taptibau, murai dan tiung. Burung merbuk dan tiung merdu suaranya. Burung-burung yang cantik ialah burung merak, burung kesumba, burung hujan-hujan, burung pucat, burung kuau, burung raja udang, burung tukang dan burung kelicap.

Jumlah penduduk Malaysia mengikut bancian penduduk 1961 ialah lebih sedikit daripada 10 juta orang. Taburan penduduk mengikut kaum adalah seperti berikut:

Jadual Taburan Penduduk (dalam 000)

Negeri Bangsa	Tanah Melayu	Singapura	S'wak	Sabah	Jumlah	Peratus
Bumiputera	3620	238	529	320	4707	46.20
Cina	2670	1279	243	110	4302	42.20
Orang India dan Pakistan	813	142	-	-	955	9.40
Lain-lain ²	129	41	8	45	223	2.20
<i>Jumlah</i>	<i>7232</i>	<i>1700</i>	<i>780</i>	<i>475</i>	<i>10 187</i>	<i>100.00</i>

²Orang-orang India dan Pakistan masuk dalam bahagian "lain" dalam angka bagi Sarawak. Di Sabah, terkumpul di bawah "lain" ialah anak negeri Tanah Melayu, Singapura, Indonesia, Filipina, India, Ceylon, Sarawak, Pulau-pulau Kelapa dan lain-lain yang boleh (melainkan yang berasal dari India atau Ceylon) dikumpulkan di bawah bumiputera kerana semuanya adalah Melayu.

Pembahagian penduduk mengikut hitungan peratus:

Tanah Melayu	70.9
Singapura	16.7
Sarawak	7.7
Sabah	4.7
<i>Jumlah</i>	<i>100%</i>

Bumiputera Sarawak terdiri daripada 137 000 Melayu, 246 000 orang Dayak Laut/Iban, 61 000 orang Dayak Darat (Bidayuh), 64 000 orang Melanau dan 39 000 orang dari kumpulan-kumpulan kecil yang lain. Bumiputera di Sabah terdiri daripada 152 000 orang Dusun dan Kadazan, 63 000 orang Bajau, 22 000 orang Murut dan 83 000 orang Melayu Brunei, Kedayan dan lain-lain kumpulan kecil. Bumiputera yang datang dari Tanah Melayu semuanya adalah orang Melayu.

Di Tanah Melayu, 50% daripada penduduknya ialah Melayu, 37% Cina, lebih sedikit daripada 11% orang India dan Pakistan, manakala selebihnya ialah orang-orang yang datang dari tempat-tempat lain. Orang Cina banyak yang tinggal di negeri di pantai barat terutamanya di bandar-bandar dan kawasan-kawasan perusahaan. Orang-orang Melayu banyak didapati di negeri-negeri pantai timur, di kawasan-kawasan pertanian dan di luar bandar. Orang-orang India tinggal di bandar-bandar dan bekerja di ladang-ladang getah.

Di Singapura, penduduk yang banyak sekali ialah orang Cina, iaitu 75% daripada isi negeri itu. Orang Melayu di Singapura ialah seramai 14% dan orang India 8.3%. Di Sarawak, peratus penduduk Cina ialah 31% dan di Sabah ialah 23%. Mereka tinggal di pekan-pekan dan kawasan-kawasan luar bandar yang telah maju. Orang-orang Melayu tinggal di kampung-kampung yang berhampiran dengan pekan. Bumiputera yang lain tinggal di kawasan yang belum dibuka di bahagian pedalaman.

Penduduk Malaysia yang berbagai-bagai bangsa ini menunjukkan banyak bangsa yang berhijrah ke negeri ini sama ada melalui jalan laut atau darat sejak beribu-ribu tahun dahulu. Sebagaimana bumiputera di wilayah-wilayah Borneo berasal dari beberapa golongan, maka orang-orang Melayu, Cina dan India yang menganggap Malaysia sebagai tanahair mereka itu boleh dibahagi-bahagikan lagi. Sungguhpun orang-orang Melayu menganut satu agama dan bertutur

satu bahasa, tetapi mereka berasal dari negeri yang berbeza seperti Tanah Melayu, Sumatera, Jawa dan pulau-pulau lain dalam gugusan Kepulauan Melayu. Oleh yang demikian, mereka mempunyai loghat bahasa dan adat resam yang berlainan.

Bagi orang Cina pula, sungguhpun kebanyakan mereka datang dari China Selatan, tetapi mereka terbahagi kepada beberapa puak, iaitu Kantonis, Hokkien, Hakka, Toechew, Hainan dan lain-lain. Tiap-tiap daripada mereka mempunyai loghat dan pekerjaan atau perusahaan yang tersendiri. Begitu juga dengan orang India. Mereka datang dari kumpulan Dravidian dari India Selatan seperti Tamil, Telegu dan Malayalam. Puak-puak Gujerati, Punjabi, Benggali dan lain-lain datang dari sebelah utara.

Disebabkan berlainan bahasa dan keturunan ini, maka rakyat negara ini mempunyai kebudayaan dan agama yang berlainan. Kebudayaan orang Melayu walaupun berdasarkan kepada kebudayaan tersendiri pada zaman dahulu, tetapi telah banyak dipengaruhi oleh agama Hindu dari India dan Islam dari dunia Arab. Sungguhpun orang Melayu menganut agama Islam,³ tetapi dalam adat-istiadat istana Melayu dan kesenian serta persuratan Melayu, pengaruh agama Hindu masih jelas kelihatan.

Orang Cina pula telah membawa kebudayaan mereka yang berlainan ke Malaysia, iaitu campuran daripada unsur-unsur Confucian, Taoist dan Mahayana Buddhist. Manakala orang dari India, Pakistan dan Ceylon pula membawa agama Hinduism, Islam dan Hinayana Buddhism. Di Borneo, bumiputeranya masih kuat dengan kebudayaan asli mereka sendiri dan tidak berapa terpengaruh dengan kebudayaan-kebudayaan lain yang datang ke sana. Dunia barat menerusi perhubungannya dengan kawasan ini selama lima kurun yang lalu juga meninggalkan pengaruhnya dalam lapangan kebudayaan dan agama. Di Malaysia, terdapat ramai juga penganut pelbagai mazhab agama Kristian.

Sungguhpun ada perbezaan, tetapi ada tanda-tanda akan wujudnya satu masyarakat Malaysia yang tersendiri. Semangat perpaduan dan taat setia yang satu mengatasi tembok-tembok bangsa dan agama. Hal ini sedang ditempa dan dibina oleh pertubuhan-pertubuhan, angkatan bersenjata dan oleh badan-badan sukan, kebudayaan, kemasyarakatan dan pelajaran yang menjadi satu ciri penting dalam masyarakat Malaysia moden. Sungguhpun banyak

³Malaysia Secara Ringkas, Jabatan Penerangan Malaysia, Kuala Lumpur, Januari 1979 m.s. 40.



Yang di-Pertuan Agong Ketiga DYMM Tuanku Syed Putera AlHajibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail (Raja Perlis) DK, DKM, DMN, SMN, DK (Brunei). Baginda diputerakan pada 25 November 1920 dan menjadi Yang di-Pertuan Agong pada 21 September 1960 dan berakhir pada 20 September 1965. (Gambar ihsan Jabatan Penerangan Malaysia)

bahasa dituturkan di Malaysia, tetapi, bahasa Melayu adalah bahasa perantara semenjak zaman-berzaman dan semakin pesat digunakan di semua peringkat. Bahasa Kebangsaan Malaysia akan menjadi saluran bagi mengembangkan kesedaran dan kebudayaan Malaysia.

Pentadbiran Kerajaan Malaysia

(a) Yang di-Pertuan Agong Malaysia

Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke-III, Tuanku Syed Putra ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail (21 September 1960 hingga 20 September 1965).

(b) Timbalan Yang di-Pertuan Agong

Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Seri Paduka Baginda Timbalan Yang di-Pertuan Agong ke-III, Sultan Ismail Nasiruddin Shah ibni Almarhum Sultan Zainal.

(c) Raja-raja Melayu

Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Pahang, Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah ibni Almarhum Almu'tasim Billah Al-Sultan Abdullah. Baginda diputerakan pada 29 Mei 1904 dan menaiki takhta kerajaan pada 23 Jun 1932. Baginda ditabalkan sebagai Sultan Pahang pada 29 Mei 1933. Baginda mangkat pada 5 Mei 1974.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu, Sultan Ismail Nasiruddin Shah ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin. Baginda memerintah Negeri Terengganu di antara tahun 1945 - 1979.

Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Kedah, Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah. Diputerakan pada 28 November 1927. Baginda menjadi Sultan Negeri Kedah pada 14 Julai 1958. Istiadat pertabalan baginda berlangsung pada 20 Februari 1959.

Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Johor, Sultan Ismail ibni Almarhum Sultan Ibrahim. Baginda ditabalkan pada 10 Februari 1960 dan mangkat pada 10 Mei 1981.

Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Munawir ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman. Baginda ditabalkan pada 17 April 1961 dan mangkat pada 18 Julai 1967.

Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Kelantan, Sultan Yahya Petra ibni Almarhum Sultan Ibrahim. Baginda diputerakan

pada 10 Disember 1917. Baginda diisytiharkan menjadi Sultan Kelantan pada 10 Julai 1960. Istiadat pertabalan baginda telah dilangsungkan pada 17 Julai 1961.

Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah ibni Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah. Baginda telah ditabalkan menjadi Sultan Selangor pada 28 Januari 1961.

Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Perak, Sultan Idris Al-Mutawakkil Alallahi Shah ibni Almarhum Sultan Iskandar Shah Kaddasallah. Baginda telah ditabalkan menjadi Sultan Perak pada 26 Oktober 1963.

Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Raja Perlis, Tuanku Syed Putra ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail. Memerintah Negeri Perlis semenjak 4 Disember 1945 hingga sekarang. Semasa Tuanku Syed Putra ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail menjadi Yang di-Pertuan Agong Malaysia yang Ketiga, Tunku Sulaiman ibni Almarhum Tunku Abu Bakar menjadi Pemangku Raja Perlis.

(d) Gabenor-gabenor

Tuan Yang Terutama (TYT) Gabenor Pulau Pinang ialah Raja Tun Uda Alhaj bin Raja Muhammad (31 Ogos 1957-30 Ogos 1967). Beliau ialah Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang yang pertama.

Tuan Yang Terutama (TYT) Gabenor Melaka, Tun Haji Malek bin Yusof (30 Ogos 1959-28 Ogos 1971).

Paduka Yang Mulia Yang Dipertua Negara Singapura, Encik Yusof bin Ishak.

Tuan Yang Terutama (TYT) Yang Dipertua Negara Sabah yang Pertama, Tun Datu Mustapha bin Datu Harun. Beliau telah dilahirkan pada 31 Julai 1918. Beliau menjadi Yang Dipertua Sabah pada 16 September 1963.

Tuan Yang Terutama (TYT) Yang Dipertua Negeri Sarawak yang Pertama, Tun Abang Haji Openg bin Awang Sapiee. Beliau telah dilahirkan pada tahun 1905 dan dilantik menjadi Yang Dipertua Negeri Sarawak pada tahun 1963. Pada 14 September 1965, tempoh perkhidmatannya dilanjutkan satu penggal lagi. Beliau meninggal dunia pada tahun 1969.

Persekutuan Malaysia

Malaysia ialah persekutuan 14 buah negeri termasuk Kerajaan Persekutuan. Setiap negeri mempunyai daya penarik dan ciri-cirinya yang tersendiri.

Jumlah kawasan dan penduduknya mengikut bancian penduduk 1961* adalah seperti berikut:

Johor

Luasnya ialah 18 986 km² dan penduduknya berjumlah 1 064 814 orang. Ibu negerinya ialah Johor Baharu. Negeri ini dihubungkan dengan Singapura oleh sebuah tambak (Tambak Johor). Bangunan-bangunan yang menarik di sini termasuklah bangunan Istana Besar, Istana Bukit Seren, Pejabat Kerajaan Bukit Timbalan dan Masjid Abu Bakar. Air Terjun Kota Tinggi dan Pantai Mersing adalah tempat perkelahan yang menarik yang terdapat di sini.

Kedah

Luasnya ialah 9426 km² dan jumlah penduduknya ialah 783 993 orang. Ibu negerinya ialah Alor Setar. Negeri ini terkenal sebagai Jelapang Padi Malaysia. Pulau Langkawi yang terletak kira-kira 40 kilometer dari Alor Setar merupakan sebuah tempat peranginan yang terkenal di negeri ini.

Perlis

Luas kawasannya ialah 795 km² dan penduduknya berjumlah 101 357 orang. Ibu negerinya ialah Kangar dan negeri ini bersempadan dengan Negara Thai. Padang Besar merupakan sebuah pekan yang terletak ke utara sekali di Malaysia dan merupakan bazar yang terkenal.

Sabah

Luas negeri ini ialah 73 620 km² dan penduduknya berjumlah 454 421 orang. Ibu negerinya ialah Jesselton (sekarang Kota Kinabalu). Gunung Kinabalu, gunung yang tertinggi di Malaysia (4175 meter) terletak di negeri ini. Jaraknya ialah kira-kira 95 kilometer dari ibu negerinya. Di Sabah juga terdapat Taman Kinabalu yang merupakan sebuah hutan simpan seluas kira-kira 75 370 hektar persegi.

Sarawak

Luasnya ialah 123 985 km² dan penduduknya berjumlah 790 607 orang. Ibu negerinya ialah Kuching. Muzium Sarawak yang terletak di Kuching termasyhur di dunia kerana mempunyai simpanan bahan-bahan tradisi dan antik negeri Sarawak yang unik. Sarawak juga mempunyai sebuah gua yang besar, iaitu Gua Niah. Gua ini terletak kira-kira 360 kilometer dari Kuching. Taman Bako yang terletak di

* Maklumat yang diberi bagi hampir keseluruhan isi buku ini adalah maklumat lama. Hal ini demikian kerana untuk disesuaikan dengan keadaan dan tujuan buku ini ditulis, isitu untuk menggambarkan keadaan sejarah lampau Tanah Melayu dan penubuhan Malaysia.

muara Sungai Sarawak merupakan sebuah kawasan hutan simpan seluas 26 km².

Selangor

Luas negeri ini ialah 7956 km² dan bilangan penduduknya ialah seramai 1 159 914 orang. Ibu negerinya ialah Kuala Lumpur. Kelang merupakan Bandar Dirajanya dan bandar ini terletak di 35 kilometer dari Kuala Lumpur. Pelabuhan Kelang merupakan pelabuhan yang terbesar di negeri ini dan juga terkenal dengan makanan lautnya. Petaling Jaya, bandar satelit yang terbesar di negara ini juga terletak di negeri ini. Batu Caves, kuil gua Hindu yang terkenal terletak 11 kilometer dari Kuala Lumpur.

Terengganu

Luasnya ialah 12 955 km² dan jumlah penduduknya ialah 317 049 orang. Ibu negerinya ialah Kuala Terengganu. Terengganu terkenal dengan kegiatan perikanan dan hasil kerajinan tangan.

Kelantan

Luasnya ialah 14 943 km² dan penduduknya berjumlah 570 998 orang. Ibu negerinya ialah Kota Bahru. Negeri ini terkenal sebagai gedung kebudayaan Melayu di samping kain songket dan barang-barang peraknya.

Melaka

Luas negeri Melaka ialah 1650 km² dan jumlah penduduknya ialah 335 127 orang. Ibu negerinya ialah Bandar Melaka, iaitu bandar yang tertua di Malaysia. Melaka mempunyai banyak kesan peninggalan sejarah semasa zaman pemerintahan Portugis dan Belanda dahulu.

Negeri Sembilan

Luasnya ialah 6643 km². Penduduknya berjumlah 422 694 orang. Ibu negerinya ialah Seremban. Tempat-tempat menarik yang terdapat di negeri ini termasuklah muzium, Taman Tasik dan Telaga Air Panas, Pedas. Port Dickson, yang terletak kira-kira 29 kilometer dari Seremban ialah sebuah pantai peranginan yang terkenal di Malaysia.

Pahang

Luas negeri ini ialah 35 965 km² dan penduduknya berjumlah 354 316 orang. Ibu negerinya ialah Kuantan. Pekan ialah bandar Dirajanya dan terletak 44 kilometer dari Kuantan. Pahang ialah negeri yang terbesar di Semenanjung Malaysia. Tempat-tempat peranginan yang menarik di negeri ini ialah Cameron Highlands (1545 meter), Bukit

Fraser (1037 meter) dan Taman Negara yang meliputi kawasan seluas 2720 km².

Pulau Pinang

Luas negeri ini ialah 1031 km². Penduduknya berjumlah 642 221 orang. Ibu negerinya ialah George Town. Pulau ini juga terkenal sebagai 'Pulau Mutiara' atau 'Mutiara Timur' kerana pulau ini merupakan pulau percutian yang terkenal di Malaysia. Negeri ini terkenal kerana pantainya, bangunan Tokong Kok Lok Si (Tokong Syurga) yang besar tersergam, Tokong Ular yang dipenuhi dengan ular-ular hidup dan juga dengan keretapi bukit yang digunakan untuk membawa pengunjung ke Bukit Bendera.

Perak

Luasnya ialah 21 005 km² dan penduduknya berjumlah 1 384 321 orang. Ibu negerinya ialah Ipoh. Negeri ini terkenal sebagai pengeluar bijih utama di negara ini. Lembah Kinta merupakan kawasan bijih timah yang terkaya di dunia. Negeri ini terkenal juga dengan kuil-kuil guanya. Negeri ini juga mempunyai sebuah pulau peranganin yang menarik, iaitu Pulau Pangkor yang terletak 30 kilometer dari Ipoh.

Kerajaan Pusat

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia ialah Ketua Negara Malaysia. Oleh hal yang demikian, kedudukan baginda adalah tertinggi di negara ini. Permaisuri Baginda, Raja Permaisuri Agong mempunyai kedudukan yang kedua tertinggi. Setiap undang-undang kerajaan berpunca daripada kekuasaan baginda, sungguhpun (tidak termasuk beberapa perkara yang terpulang kepada budi bicara baginda) begitu, baginda bertindak di atas nasihat Parlimen, Kabinet dan Senat.

Pelantikan seseorang Perdana Menteri adalah terletak pada pertimbangan baginda. Baginda mempunyai hak untuk menolak pembubaran Parlimen meskipun berlawanan dengan nasihat Perdana Menteri. Sebagai penaung keadilan, baginda melantik hakim-hakim bagi Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah-mahkamah Tinggi atas nasihat Perdana Menteri, sesuai dengan peraturan-peraturan yang ditentukan dalam Perlembagaan Persekutuan. Sebagai pelindung kehormatan, baginda boleh menganugerahkan pingat keperwiraan atau memberi lain-lain kehormatan atau kepujian kepada orang-orang yang difikirkan layak.

Sebagai Pemerintah Tertinggi Tentera, baginda mempunyai kuasa mengurangkan hukuman yang berhubung dengan kesalahan-kesalahan yang diputuskan oleh Mahkamah Tentera. Sebagai Ketua Agama, baginda melakukan kuatkuasa yang sama di negeri-negeri Pulau Pinang, Melaka dan Singapura jika keampunan dipinta berhubung dengan kesalahan yang melanggar hukum-hukum Islam. Di negeri-negeri lain, kuasa yang berhubung dengan agama diambil alih oleh Raja kerana belas kasihan ini terletak kepada Raja sesebuah negeri.

Pelantikan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dibuat oleh Majlis Raja-raja melalui pemilihan⁴. Sebagai kelayakan untuk dipilih, baginda hendaklah merupakan seorang daripada Raja-raja Melayu. Baginda memegang jawatan untuk selama lima tahun⁵ kecuali jika baginda meletakkan jawatan lebih awal atau mangkat. Apabila jawatan tersebut kosong, maka Majlis Raja-raja akan bersidang untuk melantik seorang pengganti.

Peraturan pelantikan adalah menurut tatacara yang tertentu. Tiap-tiap seorang daripada baginda Raja-raja hendaklah menyatakan sama ada baginda bersetuju atau tidak untuk dipilih. Kemudian, undi sulit akan diambil daripada tiap-tiap seorang daripada baginda itu secara bergilir-gilir mulai daripada baginda yang mempunyai kedudukan yang terkanan selepas Yang di-Pertuan Agong yang terdahulu. Baginda yang mula-mula sekali mendapat tidak kurang daripada lima undi akan diisytiharkan sebagai DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Setelah pemilihan Yang di-Pertuan Agong selesai, maka Timbalan Yang di-Pertuan Agong pula akan dipilih dengan menggunakan cara-cara yang sama. Setelah dipilih, Yang di-Pertuan Agong akan melepaskan semua tugas-tugas baginda sebagai raja bagi negeri baginda sendiri. Kemudian, baginda akan melantik seorang Pemangku Raja bagi negerinya untuk selama baginda memegang jawatan Yang di-Pertuan Agong itu. Walau bagaimanapun, baginda tetap menjadi Ketua Agama Islam dalam negeri baginda. Sekiranya terjadi kekosongan dalam jawatan Pemangku Raja selepas itu, maka

⁴ "Pemilihan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Pertama pada 3 Ogos 1957", Hari Ini dalam Sejarah, Jilid III, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur 1983 m.s. 117.

⁵ "Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Pertama pada 2 September 1957", Hari Ini dalam Sejarah, Jilid III, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur 1983 m.s. 225.

baginda akan melantik seorang Pemangku Raja yang baru sesuai dengan Perlembagaan Negeri baginda. Baginda juga mestilah meluluskan sebarang pindaan terhadap Perlembagaan Negeri itu.

Timbalan Yang di-Pertuan Agong tidak menjalankan apa-apa kuasa dalam keadaan biasa, tetapi baginda dikehendaki mengisi jawatan Yang di-Pertuan Agong dan menjalankan semua tugas baginda itu dalam masa baginda tidak ada dalam negeri atau tidak dapat bertugas. Jika sekiranya Yang di-Pertuan Agong mangkat atau meletakkan jawatan, maka Timbalan Yang di-Pertuan Agong tidak pula seterusnya menggantikan baginda menaiki takhta. Baginda akan mengambil alih tugas-tugas Diraja sehingga Majlis Raja-raja memilih Yang di-Pertuan Agong yang baru.

Majlis Raja-raja

Majlis Raja-raja telah ditubuhkan oleh perlembagaan dan terdiri daripada Raja-raja dan Gabenor-gabenor. Tugas utamanya ialah untuk memilih Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Baginda (dalam hal ini, Gabenor-gabenor tidak turut mengambil bahagian). Perkara-perkara yang berhubung dengan pelantikan Hakim-hakim, Peguam Negara, Suruhanjaya Pilihanraya dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam mestilah dirundingkan dengan majlis ini. Rundingan juga mestilah diadakan dengan majlis ini serta persetujuannya mestilah diperolehi dalam perkara-perkara yang bermaksud untuk mengubah sempadan negeri dan perkara-perkara yang bertujuan untuk meluaskan penggunaan undang-undang dan hukum-hukum Islam bagi seluruh persekutuan. Kuasanya juga meliputi rang undang-undang yang bertujuan untuk meminda perlembagaan.

Rundingan wajib dijalankan dalam perkara yang berhubung dengan dasar kerajaan atau kedudukan istimewa orang-orang Melayu dan anak negeri di Negeri-negeri Borneo. Majlis ini juga menimbangkan perkara-perkara yang berhubung dengan hak, kuatkuasa raja dan keutamaan Baginda Raja-raja sendiri. Perdana Menteri, Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri menghadiri semua mesyuarat Majlis Raja-raja, kecuali mesyuarat untuk memilih Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

Parlimen Persekutuan

Parlimen Malaysia mempunyai dua Dewan, iaitu Dewan Negara (Senat) dan Dewan Rakyat. Dewan Negara mempunyai seramai 50 ahli, 28 daripadanya Ahli-ahli yang dipilih dan 22 orang lagi ahli yang dilantik.

Majlis Undangan tiap-tiap negeri yang bertindak sebagai badan pemilih, memilih dua orang senator (Ahli Dewan Negara). Mereka ini mungkin terdiri daripada ahli-ahli Majlis Undangan Negeri atau pun orang-orang lain. Yang di-Pertuan Agong memilih 22 orang yang selebihnya.

Ahli Dewan Negara mestilah berumur sekurang-kurangnya 30 tahun. Dewan Negara memilih seorang Yang Dipertua dan seorang Timbalan Yang Dipertua daripada kalangan ahli-ahlinya. Dewan Negara boleh mencadangkan rang undang-undang yang berkaitan dengan kewangan, yang telah dimajukan terlebih dahulu oleh Dewan Rakyat. Semua rang undang-undang mestilah diluluskan oleh kedua-dua Dewan Senat dan Parlimen sebelum dipersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong bagi pengesahan diraja untuk dijadikan undang-undang. Sesuatu rang undang-undang yang dikemukakan di dalam Dewan Negara tidak boleh menerima pengesahan diraja sebelum dipersetujui oleh Dewan Rakyat. Tetapi, Dewan Negara hanya mempunyai kuasa-kuasa bagi menangguhkan pengesahan rang undang-undang yang telah dikemukakan dan diluluskan oleh Dewan Rakyat. Dalam rang undang-undang yang berkaitan dengan kewangan, tempoh penangguhannya ialah satu bulan.

Keputusan Dewan Rakyat boleh dipersembahkan oleh Speaker Dewan Rakyat kepada Yang di-Pertuan Agong walaupun mendapat tentangan Dewan Negara (tetapi Dewan Rakyat adalah bebas untuk menggugur atau menangguhkan langkah itu sebagaimana yang difikirkan patut). Senator-senator berkhidmat untuk selama enam tahun, tetapi Dewan Negara tidaklah tertakluk kepada pembubaran. Parlimen dalam undang-undang, boleh menambah bilangan senator yang dipilih dari tiap-tiap negeri kepada tiga orang, tetapi dengan syarat bahawa mereka mestilah dipilih oleh Majlis Undang-undang negeri berkenaan. Parlimen juga boleh mengurang atau menggugurkan senator-senator yang dilantik.

Dewan Rakyat mengandungi 159 ahli yang dipilih. Daripada jumlah tersebut, 104 orang adalah dari 11 buah Negeri Tanah Melayu, 15 orang dari Singapura, 24 orang dari Sarawak dan 16 orang dari Sabah. Berhubung dengan Tanah Melayu dan Singapura, ahli-ahli adalah dipilih dari kawasan-kawasan undi yang diwakili oleh anggota-anggota berseorangan, berdasarkan hak memilih orang-orang dewasa. Ahli-ahli Dewan Rakyat dari Sabah dan Sarawak sekarang ini adalah dipilih oleh Dewan-dewan Perwakilan Undangan Negeri masing-masing. Walau bagaimanapun, pilihanraya secara langsung bagi memilih Ahli-ahli Parlimen dan Majlis-majlis Perhimpunan Undang-

an di Sabah dan Sarawak akan diadakan sesudah ulang tahun kelima Malaysia dibentuk atau lebih awal lagi jika kerajaan-kerajaan negeri bersetuju.

Tempoh Dewan Rakyat adalah dihadkan kepada lima tahun. Selepas itu, suatu pilihanraya baharu mestilah diadakan. Tetapi, Yang di-Pertuan Agong mempunyai hak menggunakan kebijaksanaan baginda untuk memansuhkan Parlimen sebelum masa itu jika dinasihati oleh Perdana Menteri untuk berbuat demikian. Baginda tidak pula terikat dalam hal ini dan baginda boleh menolak pembubaran Parlimen meskipun berlawanan dengan nasihat Perdana Menteri.

Parlimen boleh mengadakan bayaran bagi ahli-ahlinya (bayaran sekarang ialah \$750.00 sebulan). Perdana Menteri menerima gaji sebanyak \$4000.00 sebulan, Menteri-menteri \$3000.00 dan Menteri-menteri Muda \$2000.00 sebulan. Yang Dipertua Dewan Negara menerima gaji \$2000.00 sebulan dan Speaker Dewan Rakyat \$2250.00 sebulan. Selain itu, mereka mempunyai hak-hak keutamaan lain seperti perjalanan, pos, telefon dan perubatan. Parlimen menetapkan butir-butir peraturannya sendiri (sekarang ini menyerupai peraturan Parlimen British). Perjalanan Parlimen diberi beberapa keistimewaan seperti ahli-ahlinya tidak boleh disoal di mahkamah. Begitu juga mereka tidak boleh didakwa kerana perkara yang dicakapkan atau dilakukan di dalam Parlimen.

Kabinet dan Menteri-menteri

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda melantik sebuah kabinet, iaitu suatu Majlis Menteri-menteri untuk monasihati baginda dalam melaksanakan tugas-tugas baginda. Kabinet ini mengandungi Perdana Menteri dan Menteri-menteri. Bilangan menteri tidak ditetapkan. Mereka mestilah terdiri daripada Ahli-ahli Parlimen (Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara). Perdana Menteri mestilah seorang warganegara yang lahir di Malaysia dan seorang ahli Dewan Rakyat (bukan Dewan Negara) yang menurut fikiran Yang di-Pertuan Agong mendapat kepercayaan sebilangan besar Ahli-ahli Dewan.

Menteri-menteri adalah dilantik atas nasihat Perdana Menteri. Beberapa orang Menteri Muda (yang bukan ahli Kabinet) ada juga dilantik daripada kalangan ahli-ahli Parlimen bagi membantu menteri-menteri daripada pelbagai kementerian. Kabinet bersidang secara tetap. Biasanya, sekali seminggu dengan dipengerusikan oleh

Perdana Menteri untuk merumuskan dasar kerajaan yang dilaksanakan oleh menteri-menteri tersebut. Yang berkhidmat di bawah menteri-menteri ialah pegawai-pegawai awam termasuklah Setiausaha-setiausaha Tetap dan penolong-penolongnya dan Ketua-ketua Jabatan.

Kerajaan Negeri

Perkhidmatan Awam di Malaysia, sama ada bahagian awam atau tentera tidak tertakluk kepada kuasa politik. Anggota-anggotanya menumpukan taat setia mereka bukan kepada parti yang berkuasa, tetapi kepada Yang di-Pertuan Agong dan Raja-raja. Mereka berkhidmat kepada kerajaan-kerajaan yang berkuasa (di Persekutuan dan juga negeri-negeri) dengan tidak mengira pegangan politik kerajaan-kerajaan itu. Untuk menjamin keadilan dan menjauhkan perkhidmatan ini daripada campur tangan politik, maka beberapa Suruhanjaya Perkhidmatan telah diadakan menurut kehendak perlembagaan untuk memilih dan melantik pegawai-pegawai, meletakkan mereka di bawah jawatan yang berpecen, memutuskan kenaikan pangkat dan memelihara peraturan.

Kerajaan-kerajaan negeri, kecuali Melaka, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak dan Singapura mempunyai seorang raja yang disebut Sultan, tetapi di Perlis, ketua negerinya bergelar Raja dan di Negeri Sembilan, Yang Dipertuan Besar. Di Melaka, Pulau Pinang dan Sarawak, mereka bergelar Gabenor, manakala di Sabah dan Singapura pula masing-masing dipanggil Yang Dipertua Negara dan Yang Dipertuan Negara (sungguhpun begitu, cara pelantikan mereka oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah sama seperti pelantikan Gabenor).

Setiap 14 buah negeri dalam persekutuan itu mempunyai perlembagaan bertulis dan Majlis Undangan masing-masing yang tersendiri. Di Sarawak, Majlis Undangan dipanggil Council Negeri. Tiap-tiap Majlis Undangan Negeri mempunyai kuasa membuat undang-undangnya sendiri. Tetapi, dalam kes-kes yang tidak diliputi oleh undang-undang negeri atau tidak bersesuaian, maka undang-undang persekutuan hendaklah digunakan.

Sungguhpun kerajaan persekutuan mengandungi dua dewan, iaitu Dewan Rakyat dan Dewan Negara, namun semua negeri cuma mempunyai sebuah Dewan Undangan sahaja. Dewan ini dipengerusikan oleh seorang Speaker yang dipilih oleh ahli-ahli daripada kalangan mereka sendiri (melainkan Singapura, Sabah dan Sarawak). Tiap-tiap Dewan Undangan Negeri berhak membuat peraturannya

sendiri dan semua ahli mendapat hak-hak istimewa seperti ahli-ahli Parlimen.

Semua Ahli Undangan Perhimpunan Singapura dan kesebelasan Majlis Undangan Negeri Melayu ialah ahli-ahli yang dipilih terus dalam pilihanraya kawasan undi masing-masing. Majlis Undangan Negeri dan Majlis Kerja di negeri-negeri Tanah Melayu mengandungi tiga ahli rasmi yang tidak dipilih, iaitu Setiausaha Negeri, Penasihat Undang-undang Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri. Pegawai-pegawai ini berhak untuk hadir tetapi tidak boleh mengundi. Kehadiran mereka adalah sebagai penasihat dan nasihat-nasihat mereka tidak pula mesti diikuti.

Di Sabah pula, kuasa-kuasa tempatan yang dipilih bertugas sebagai badan pemilih (electional college) untuk memilih Ahli-ahli Majlis Penasihat Bahagian. Mereka ini pula menjadi badan pemilih bagi 36 orang Ahli Council Negeri. Ahli-ahli yang dilantik boleh sampai tiga orang selain daripada ahli tetap menurut peraturan yang telah dibuat sebelumnya.

Kerusi ahli tetap akan dihapuskan apabila pemegang jawatan itu berhenti atau tidak lagi menjadi Ketua Majlis Islam (Islamic Council) atau memegang jawatan dalam Perkhidmatan Awam. Dalam kedua-dua negeri Sabah dan Sarawak, Setiausaha Negeri, Peguam Negara Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri adalah Ahli-ahli Kerana Jawatan (ex-officio) Dewan Undangan Negeri dan juga Majlis Kerja Negeri.

Adalah lebih munasabah jika dikatakan bahawa 14 buah negeri itu sebagai asas kepada pembentukan persekutuan. Setiap negeri mempunyai kepala negerinya sendiri dan telah menyerahkan bulat-bulat sesetengah daripada tugas-tugasnya yang tertentu kepada kuasa persekutuan. Tetapi, masih berkuasa ke atas perkara-perkara yang tidak termasuk dalam Perlembagaan Persekutuan atau Negeri.

Sungguhpun Perlembagaan Negeri berbeza, tetapi pada pokoknya, semuanya sama, iaitu untuk memelihara kerajaan negeri masing-masing atas dasar demokrasi berparlimen. Oleh itu, Sultan atau Gabenor bertugas atas nasihat kerajaan negeri yang diterimanya daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, sebagaimana Kabinet Persekutuan memberi nasihat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Kuasa perundangan dalam negeri terletak atas Raja atau Gabenor dalam Majlis Undangan. Dengan kata lain, Sultan atau Gabenor menjalankan perintahnya atas nasihat Majlis Undangan Negeri yang dipilih.

Kuasa melaksanakan undang-undang dan pentadbiran dalam negeri adalah tertakluk kepada Sultan atau Gabenor. Tetapi kuasa menjalankannya boleh diberikan kepada orang lain dengan kuatkuasa undang-undang. Tiap-tiap negeri mempunyai satu Majlis Kerja atau kabinet untuk menasihati Sultan atau Gabenor yang diketuai oleh seorang Perdana Menteri (di Singapura) atau Ketua Menteri (di Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak) dan Menteri Besar (di negeri-negeri yang lain). Peraturan bermenteri dijalankan di Singapura, Sabah dan Sarawak dan di negeri-negeri lain telah ada kecenderungan supaya Ahli Majlis Kerja bertanggungjawab ke atas pentadbiran sesuatu kumpulan pejabat kerajaan.

Peraturan penubuhan sesebuah kerajaan dalam negeri dan pembubaran Dewan Undangan Negeri adalah serupa sahaja dengan peraturan-peraturan pembentukan dan pembubaran Parlimen Persekutuan. Tiap-tiap negeri mempunyai Perkhidmatan Awam Negerinya sendiri dan ada peraturan-peraturan untuk mendapatkan bantuan pegawai persekutuan berkhidmat di pejabat-pejabat negeri. Begitu juga sebaliknya, pegawai-pegawai negeri pula boleh berkhidmat di pejabat-pejabat kerajaan.

Untuk memudahkan pentadbiran, tiap-tiap negeri dalam Tanah Melayu dipecah-pecahkan kepada beberapa jajahan. Tiap-tiap jajahan diketuai oleh seorang Pegawai Jajahan atau yang lebih dikenali sebagai Pegawai Daerah yang diambil daripada Perkhidmatan Awam Tanah Melayu atau Perkhidmatan Awam Negeri. Dalam kebanyakan negeri-negeri itu, Pegawai Daerah ini bertanggungjawab ke atas pejabat tanah dan juga ghalibnya menjadi Pengerusi Ahli-ahli Kerana Jawatan (*ex-officio*) atau Pengetua-pengetua bagi Kuasa-kuasa Tempatan. Mereka mempengerusikan mesyuarat badan-badan yang berkenaan seperti Lembaga Pelesenan Getah. Yang pentingnya, mereka bertanggungjawab juga ke atas segala urusan pentadbiran jajahan di bawah jagaannya. Pejabat-pejabat negeri dalam persekutuan tidak termasuk di bawah jagaannya, tetapi Ketua-ketua Tempatan pejabat-pejabat ini adalah diharap akan berunding dengan Pegawai-pegawai Jajahan dalam semua perkara tempatan yang mustahak dan bekerjasama dengannya.

Dalam sesetengah bahagian negeri, ada jajahan atau daerah-daerah kecil di bawah jagaan Penolong Pegawai Jajahan. Jajahan-jajahan dan daerah-daerah kecil dibahagikan kepada beberapa mukim (di Kelantan dipanggil daerah). Wakil Pegawai Jajahan di mukim ialah Penghulu (Penggawa di negeri Kelantan). Beliau mempunyai tugas dan kuasa yang tertentu di bawah undang-undang tanah. Selain

tugasnya ke atas tanah dan urusan bandaran, semua Pegawai Jajahan (dibantu oleh Penghulu) adalah juga bertanggungjawab untuk memajukan rancangan-rancangan luar bandar mengikut polisi yang sangat diambil berat oleh kerajaan pada masa ini. Mereka telah memainkan peranan penting dalam masa 12 tahun semasa darurat dahulu (apabila Tanah Melayu telah berjaya memerangi komunis) sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kerja Perang Jajahan. Mereka sekarang diambil untuk menjawat jawatan Pengerusi Jawatankuasa-jawatankuasa Kemajuan Jajahan dan jawatankuasa-jawatankuasa lain lagi.

Untuk pentadbiran tempatan, Sabah dibahagikan kepada empat kawasan, iaitu Pantai Barat, Daerah Pedalaman, Sandakan dan Tawau. Markas besar masing-masing ialah Jesselton, Keningau, Sandakan dan Tawau. Markas-markas besar di kawasan Pedalaman (dahulu dikenali sebagai Labuan dan Kawasan Pedalaman) telah dipindahkan dari Labuan ke Keningau pada bulan Oktober 1955. Pulau Labuan pada masa ini ditadbir oleh seorang Pegawai Jajahan yang bertanggungjawab terus kepada Setiausaha Negeri di Jesselton.

Pegawai Jajahan ditempatkan di Jesselton, Kota Belud, Kudat dan Papar bagi Pantai Barat dan di Tenom, Beaufort, Keningau, Tambunan dan Pesiangan bagi Kawasan Pedalaman. Beberapa jajahan kecil di bawah pentadbiran Penolong Pegawai Jajahan juga terdapat di sini. Dalam setiap jajahan, Ketua-ketua Kampung menjalankan pentadbiran mereka di bawah Ketua-ketua Orang Asli yang bertanggungjawab kepada Pegawai Jajahan.

Untuk kemudahan pentadbiran, Negeri Sarawak pula dibahagikan kepada lima bahagian. Tiap-tiap bahagian diletakkan di bawah jagaan seorang Residen Markas. Bahagian Pertama ialah di Kuching, Bahagian Kedua di Simanggang, Bahagian Ketiga di Sibu, Bahagian Keempat di Miri dan Bahagian Kelima di Limbang. Bahagian Pertama merupakan bahagian yang terbesar.

Setiap bahagian itu dibahagikan kepada beberapa jajahan yang ditadbirkan oleh Pegawai Jajahan. Kebanyakan daripada jajahan-jajahan itu dipecahkan pula kepada jajahan kecil. Setiap satunya di bawah jagaan seorang Pegawai Perkhidmatan Pentadbiran Sarawak.

Gabungan negeri-negeri di bawah persekutuan itu dilambangkan dalam satu Jata Negara. Malaysia menggunakan lambang bintang pecah 14 yang menggambarkan 13 buah negeri yang terkandung dalam Persekutuan Malaysia dan Kerajaan Persekutuan. Bintang bersama-sama dengan anak bulan adalah tanda agama Islam

sebagai agama rasmi Malaysia. Lima bilah keris menandakan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu dahulu (Johor, Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu). Pokok-pokok di tepi perisai menandakan Negeri Pulau Pinang dan Melaka, iaitu Negeri-negeri Selat dahulu. Empat jalur yang sama besar di tengah-tengah melambangkan Negeri-negeri Melayu Bersekutu, iaitu warna-warna hitam dan putih untuk Negeri Pahang, merah dan kuning untuk Negeri Selangor, manakala warna hitam, kuning dan putih untuk negeri Perak dan seterusnya warna merah, hitam dan kuning untuk Negeri Sembilan.

Tiga bahagian di bawah pula menandakan Negeri Sabah di sebelah kiri dan Sarawak di sebelah kanan. Di tengah-tengahnya ialah Bunga Raya-Bunga Kebangsaan Malaysia. Dua ekor harimau yang menopang pada Jata Negeri-negeri Melayu Bersekutu itu dilambangkan sebagai Binatang Kebangsaan Malaysia. Cogankata "Bersekutu Bertambah Mutu" ditulis dalam tulisan rumi di sebelah kiri dan tulisan jawi di sebelah kanan. Warna kuning pada awan-awannya menandakan warna Diraja bagi Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja.

Bendera Malaysia mengandungi 14 jalur merah dan putih (melintang) yang sama lebar. Ini menandakan keanggotaan yang sama dalam Persekutuan 13 buah negeri, iaitu Johor, Selangor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Terengganu, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak dan Kerajaan Persekutuan. Warna biru tua di atas sebelah kiri membawa ke bawah hingga atas jalur merah yang kelima menandakan perpaduan rakyat Malaysia. Bahagian biru tua itu mengandungi anak bulan yang melambangkan agama Islam, sementara bintang pecah 14 melambangkan perpaduan 13 buah negeri dan Kerajaan Persekutuan. Warna kuning pada anak bulan dan bintang ialah warna Diraja bagi Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja.

Susunan Ekonomi

Negeri-negeri dalam Malaysia telah sedia terikat bukan sahaja oleh sistem mata wang yang sama, bahkan juga oleh berbagai-bagai perkara yang lain. Sungguhpun begitu, Persekutuan itu mengandungi negeri-negeri yang mempunyai perbezaan dari segi taraf hidup serta ekonomi masyarakat. Begitu juga dengan perbezaan di kalangan penduduknya mengikut kaum.

Jurang perbezaan pendapatan dapat dilihat dengan jelas di antara satu negeri dengan negeri yang lain. Hitung panjang, pendapatan seseorang di Sarawak adalah yang terendah, iaitu lebih

kurang \$550.00 setahun. Sementara di Sabah pula ialah \$700.00 atau lebih. Hitung panjang pendapatan penduduk di Tanah Melayu ialah \$800.00 dan di Singapura ialah \$1300.00. Dalam pada itu, perbezaan pendapatan terdapat di kalangan penduduk-penduduk di negeri itu. Misalnya, di sesetengah tempat di Tanah Melayu pendapatan penduduknya secara hitung panjang adalah sama seperti pendapatan orang-orang di Sarawak dan Sabah. Sementara itu, di sesetengah tempat yang makmur seperti di kawasan-kawasan sekitar Kuala Lumpur dan Pulau Pinang, pendapatan penduduknya ada yang setinggi pendapatan penduduk di Singapura.

Peringkat-peringkat pendapatan ini, termasuk yang di Sarawak adalah tinggi jika dibandingkan dengan pendapatan penduduk-penduduk di negara lain di Tenggara Asia. Hitung panjang pendapatan \$860.00 setahun di Malaysia amnya adalah hampir-hampir dua kali ganda daripada pendapatan purata penduduk-penduduk di Thailand atau Filipina. Kemakmuran negeri-negeri ini berbanding dengan negara-negara jirannya adalah bergantung kepada keistimewaannya mempunyai barang-barang pengeluaran yang bernilai tinggi. Pada amnya, nilai eksport daripada barang-barang tempatan dan pendapatan daripada perkhidmatannya berjumlah lebih kurang \$4000 juta dalam tahun 1961 atau lebih daripada 45% daripada jumlah pengeluaran negara. Perimbangan pendapatan daripada eksport dengan Pengeluaran Negara di Tanah Melayu hitung panjangnya adalah lebih kurang 40%, manakala pendapatan dari negeri-negeri lain ialah 50% atau lebih. Ada beberapa perbezaan dalam susunan pendapatan daripada eksport, tetapi di antara semua, getah merupakan sumber yang paling penting kerana menyumbangkan lebih kurang 40% daripada jumlah pendapatan negara. Getah juga memberi sumbangan yang penting kepada pendapatan Singapura. Selain itu, punca pendapatan Singapura adalah melalui pertukaran barangan, perkhidmatan, terutamanya perkhidmatan pelabuhan dan sebahagian kecil daripada jualan barang-barang buatan setempat dan perbelanjaan-perbelanjaan daripada pasukan tentera United Kingdom. Di Sabah, kayu balak merupakan sumber utama pertukaran wang asingnya.

Dalam beberapa tahun yang lalu, penanaman modal luar telah meningkat dan Malaysia telah dapat mengekalkan serta mengukuhkan lagi kedudukan kewangannya. Jumlah wang tukaran luar yang tersimpan di seluruh Malaysia dalam tahun 1962 telah naik kepada M\$3800 juta atau bersamaan dengan hampir-hampir jumlah harga

barang-barang masuk setahun dan perkhidmatan-perkhidmatan daripadanya.

Daripada ini, kurang daripada separuh dipegang oleh Lembaga Mata Wang dan bank-bank. Selebihnya adalah dipegang oleh kerajaan-kerajaan negeri dan juga oleh beberapa badan perwakilan awam. Pada penghujung tahun 1962, jumlah wang dalam pegangan kerajaan-kerajaan negeri telah meningkat. Pegangan wang negeri-negeri Tanah Melayu ialah lebih kurang M\$1100 juta, Singapura M\$700 juta dan lebih kurang M\$120 juta di kedua-dua Wilayah Borneo. Sementara itu, hutang luar bagi semua wilayah masih kecil, iaitu lebih kurang M\$700 juta semuanya.

Punca-punca hasil yang utama ialah getah, bijih timah, kayu balak, batu besi dan perdagangan antara pelabuhan (entreport trade). Getah ialah tiang ekonomi Malaysia yang menyumbangkan 18% daripada jumlah hasil negara dan memberi pekerjaan kepada lebih daripada 20% pekerja-pekerja dan lebih 35% daripada jumlah pendapatan eksport negara. Dalam tahun 1961, getah yang dieksport dari Malaysia bernilai M\$1475 juta.

Bijih timah ialah punca pertukaran wang luar yang kedua besarnya bagi Malaysia. Bijih timah menyumbangkan 13% daripada jumlah eksport yang berharga M\$432 juta dalam tahun 1961. Harganya tetap stabil kerana pengeluarannya terhad dan kurang saingan daripada bahan-bahan tiruan. Perdagangan antara pelabuhan atau entreport trade di Singapura dan Pulau Pinang adalah sama pentingnya seperti bijih timah bagi mendapatkan wang luar. Sebagai pelabuhan entreport, Singapura meraih keuntungan besar daripada peranannya mengumpulkan barang-barang keluaran negara-negara jiran dan mengeksportnya ke negara-negara lain semula.

Dengan mengadakan polisi-polisi yang sesuai dan munasabah, Persekutuan Wilayah-wilayah Malaysia telah bekerjasama untuk mengatasi masalah-masalah pembangunan dan kemajuan mereka. Dengan berasaskan kepada pengalaman-pengalaman di Malaya, maka ada di antara negeri-negeri yang baru itu mengamalkan polisi ekonomi bersama dan menggunakan segala sumber alam, tenaga manusia dan wang dengan lebih sempurna. Peluang-peluang kemajuan ekonomi akan lebih meluas lagi sekiranya negeri-negeri ini menghapuskan persaingan di antara satu dengan lain. Dengan memberi keutamaan kepada perkembangan ekonomi, maka kedudukan ekonomi Tanah Melayu telah berkembang maju dengan cepatnya.

Dengan bertambah luas tapak-tapak sumbernya, maka ekonomi Malaysia pada amnya telah menjadi lebih tegap dan kukuh, dan telah

dapat pula menolong mengukuhkan ekonomi negeri-negeri lain yang kurang maju. Tetapi, banyak urusan yang perlu dijalankan sebelum kedudukan ekonomi negeri-negeri persekutuan baharu itu dapat dikukuhkan secukupnya.

Sekatan-sekatan kastam masih ada lagi, khasnya di pelabuhan-pelabuhan bebas seperti Labuan (Sabah) dan Pulau Pinang (Malaya). Sungguhpun begitu, satu rancangan mengadakan pasaran bersama di Malaysia telah dibuat dan telah pun diterima pada dasarnya. Butir-butir lanjut dibincangkan bersama supaya pelaksanaannya dapat dijalankan dengan sempurna untuk faedah dan kepentingan semua golongan yang berkenaan.

Malaysia adalah negeri pertanian yang penting dan getah adalah tanamannya yang utama. Negara ini mengeluarkan lebih daripada 1/3 daripada getah asli dunia. Sungguhpun ada persaingan yang hebat daripada getah tiruan, namun tidak syak lagi getah akan terus menjadi tiang ekonomi negara ini.

Sebenarnya sebelum getah diperkenalkan di Malaysia, ada tanaman lain yang telah ditanam di negara ini dan juga merupakan salah satu tanaman yang penting. Tanaman tersebut ialah lada hitam, buah pala dan bunga cengkih. Walau bagaimanapun, kegiatan penanamannya terbengkalai kerana diserang penyakit. Pada pertengahan abad yang kesembilan belas, tebu telah menjadi hasil pendapatan yang penting bagi Seberang Perai. Kopi juga pernah ditanam dengan jayanya di Perak dan Selangor pada suatu masa dahulu. Sementara di Sabah, pernah ditanami dengan tembakau tetapi telah mengalami kemunduran pada awal abad kedua puluh.

Dengan meluasnya tanaman getah yang mendatangkan lebih keuntungan, maka galakan kepada tanaman-tanaman yang lain telah terbantut. Akan tetapi, dengan kesedaran betapa perlunya mempelbagaikan tanaman supaya negara ini tidak terlalu bergantung kepada sejenis tanaman sahaja, maka galakan telah diberi semula kepada tanaman-tanaman yang lain. Tanaman nanas dan kelapa sawit telah diperluaskan. Langkah-langkah yang sewajarnya telah juga diambil untuk mengeluarkan kayu balak dari hutan-hutan Malaysia kerana pendapatan daripadanya sangat lumayan. Adalah diakui juga bahawa pemeliharaan yang teliti ke atas hutan-hutan hendaklah diteruskan semasa membuka rancangan-rancangan kemajuan tanah. Penanaman pelbagai jenis tanaman makanan seperti padi, kelapa, lada hitam, jagung, kopi, teh, sagu, sayur-sayuran dan buah-buahan juga digalakkan supaya Malaysia tidak bergantung sangat kepada barang-barang yang diimport.

Sungguhpun begitu, banyak lagi harus diperbuat untuk memperbaiki dan memperbanyakkan hasil tanaman dan juga ternakan seperti kerbau, lembu, babi dan ayam yang akan menjadi punca-punca makanan yang utama bagi penduduk-penduduk Malaysia yang kian bertambah. Perikanan Malaysia juga adalah suatu lagi punca bekalan makanan yang baik. Tetapi, cara-cara penangkapan ikan di Malaysia masih mundur dan perlu diperbaiki lagi jika ingin mendapatkan hasil yang lumayan.

Sebarang perancangan yang berhubung dengan perusahaan getah di Malaysia terpaksa ditumpukan di Semenanjung Tanah Melayu kerana di sinilah tanaman ini ditanam dengan meluas. Perusahaan ini cukup maju kerana pelaksanaannya adalah secara saintifik. Sesungguhnya cara-cara menanam dan menyelidikannya telah juga dijalankan di negeri-negeri lain, namun usaha-usaha yang dijalankan adalah berkait rapat dengan perusahaan getah di Tanah Melayu. Di Tanah Melayu, getah banyak sekali ditanam di negeri sebelah barat, terutamanya di Kedah, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. Luas ladang-ladang getah di negeri-negeri ini berjumlah 0.8 juta hektar dan kebun-kebum kecil pula berjumlah 0.6 juta ekar.

Jumlah orang yang bergantung penghidupan mereka kepada perusahaan getah, termasuk pekebun-pekebun kecil, boleh dikatakan tidak kurang daripada 2 juta. Pengeluaran getah setahun ialah lebih kurang 750 000 ton metrik. Nilai eksport getah pada tahun 1961 ialah MS1442 juta atau 55% daripada nilai eksport Tanah Melayu. Getah yang diusahakan di negeri ini dijadikan getah keping atau *crepe* sebelum dieksport. Sejak kebelakangan ini, susu getah cair (*latex*) ada juga dihantar ke luar negeri.

Pada masa ini, perusahaan getah sedang menghadapi persaingan daripada perusahaan getah tiruan yang semakin meluas di Amerika Syarikat. Oleh itu, langkah-langkah untuk memperbaiki lagi pengeluarannya sedang mendapat perhatian istimewa, terutama sekali dalam mencari benih pokok-pokok getah yang boleh mengeluarkan susu yang banyak. Usaha-usaha ini dijalankan di ladang-ladang besar dan juga di kebun-kebum kecil.

Di Sabah, dalam tahun 1961, luas tanah yang ditanami dengan getah ialah lebih daripada 80 000 hektar. 48 800 daripadanya adalah kebun-kebum kecil. Selebihnya ditanam di ladang-ladang yang luas, setiap satunya adalah lebih daripada 100 hektar. Seperti di Tanah Melayu, tanaman getah baka yang boleh mengeluarkan susu yang banyak telah digalakkan semenjak tahun 1956. Pada masa ini, lebih

daripada 41% daripada tanaman ini adalah daripada baka jenis baik itu.

Untuk menggalakkan pengeluaran getah, Lembaga Kewangan Getah telah mengedarkan benih-benih getah yang baik untuk pekebun-pekebun kecil. Eksport getah dari Sabah dalam tahun 1961, ialah 23 611 ton metrik dan bernilai M\$41.2 juta. Ini ialah eksport yang kedua penting bagi wilayah ini. Di Sarawak, kebanyakan tanaman getah diusahakan oleh pekebun-pekebun kecil. Anggaran kawasan yang ditanami dengan getah dalam tahun 1961 ialah 132 200 hektar. Hampir 90% daripadanya adalah pokok-pokok tua dan bukan pilihan serta hampir-hampir tidak bersusu lagi. Ada lima buah ladang yang luasnya lebih daripada 400 hektar dan luas semuanya ialah 5302 hektar.

Semenjak tahun 1956, satu rancangan menanam semula getah telah digalakkan untuk menggantikan pokok-pokok yang telah tua dan kurang mendatangkan hasil dengan pokok-pokok yang baik dan banyak mengeluarkan susu. Getah ialah eksport yang kedua pentingnya di Sarawak dan lebih daripada M\$83 juta diperoleh daripada eksportnya pada tahun 1961.

Selain getah, Malaysia juga mengeluarkan beberapa jenis hasil tanaman lain dan yang utamanya seperti kelapa sawit, kelapa, nanas dan lada hitam. Tetapi, pendapatan daripadanya adalah lebih kecil berbanding dengan pendapatan daripada getah.

Kelapa sawit ditanam di ladang-ladang di Tanah Melayu dan Sabah. Di Tanah Melayu dalam tahun 1961, hampir 56 400 hektar kelapa sawit telah ditanami dan mengeluarkan lebih daripada 93 000 ton metrik minyak dan 24 000 ton metrik isinya. Di Sabah, pekebun-pekebun sangat tertarik dengan kemungkinan-kemungkinan yang sangat menggalakkan daripada kelapa sawit. Tetapi, setakat ini, belum banyak eksport isi atau minyak kelapa sawit yang dibawa keluar sebagai dagangan.

Kopra ialah suatu eksport yang penting juga. Pokok-pokok kelapa kebanyakannya ditanam oleh pekebun-pekebun kecil. Di Tanah Melayu tidak sampai 20% daripada ladang-ladang kelapanya yang luasnya lebih daripada suku juta hektar. Nilai eksport minyak kelapa dari Tanah Melayu dalam tahun 1961 ialah M\$19 juta.

Sungguhpun nanas ada ditanam di seluruh Tanah Melayu, tetapi di Johor, Selangor dan Perak sahaja nanas ditanam untuk ditinkan sebagai barangan dagangan. Perusahaan mengetin nanas telah dimulakan dalam tahun 1888. Sebelum Perang Dunia Kedua, lebih daripada 2.5 juta peti nanas telah dieksport pada setiap tahun. Walau bagaimanapun, selepas perang, hanya 1/10 daripada keluasannya dahulu yang

boleh ditanami semula. Tetapi, kemudiannya, kawasan tanamannya telah bertambah. Nilai eksport nanas tin Malaysia dalam tahun 1961 ialah MS32 juta.

Begitu juga halnya dengan lada hitam yang pada suatu masa dahulu merupakan salah satu bahan eksport yang penting di Tanah Melayu. Tetapi, pada masa ini cuma Sarawak sahaja yang menjadi pengeksport penting. Luas kebun lada hitam di Sarawak ialah hampir-hampir 2880 hektar. Pengeluarannya telah bertambah pada masa ini kerana luas kawasan tanamannya telah bertambah dan penggunaan baja yang semakin meluas. Jumlah eksport lada hitam dari Sarawak dalam tahun 1961 ialah 10 950 ton dan bernilai lebih daripada MS28 juta.

Tanam-tanaman lain seperti ubi kayu, koko dan kopi mungkin boleh menjadi eksport yang penting kelak sekiranya kawasan tanamannya diperluaskan. Di Sabah, biji buah koko ada juga dieksport ke luar negeri. Mutunya baik dan mendapat pasaran yang menggalakkan.

Beras ialah bahan makanan yang utama bagi kebanyakan penduduk Malaysia. Pada keseluruhannya, padi ditanam oleh petani-petani dengan dibantu oleh Jabatan Pertanian dan Jabatan Parit dan Taliair. Kerajaan-kerajaan Tanah Melayu dan Wilayah-wilayah Borneo telah menggalakkan petani-petani memperluaskan kawasan tanaman mereka supaya hasilnya dapat memenuhi keperluan rakyat di negara ini. Tetapi, sehingga kini matlamat ini belum tercapai.

Di Semenanjung Tanah Melayu, rancangan-rancangan serupa itu dapat dilihat di Perak, Kedah dan Selangor. Di Sarawak, rancangan membantu penanam-penanam padi yang berbentuk galakan semangat bergotong-royong, memberi bantuan teknik dan bantuan-bantuan lain secara tidak langsung seperti untuk membaiki parit, membuat empangan air, membina pintu-pintu air dan lain-lain juga dijalankan. Di Sabah, sebahagian besar daripada empangannya adalah di bawah Rancangan Parit dan Taliair.

Dalam tahun 1961, daripada 380 000 hektar kawasan tanaman padi di Semenanjung Tanah Melayu, 354 000 hektar adalah padi sawah dan hanya 26 000 hektar padi bukit. Di Sarawak, jumlah kawasan tanaman padi ialah 96 240 hektar. 33 200 hektar ialah padi sawah dan 64 800 hektar padi bukit. Di Sabah, terdapat lebih kurang 35 600 hektar kawasan tanaman padi. 27 000 hektar adalah padi sawah. Oleh sebab pengeluaran padi di Malaysia belum mencukupi, negara ini masih mengimport beras dari luar negeri.

Sebenarnya, terdapat banyak lagi tanaman tempatan yang boleh dijadikan bahan makanan. Ini termasuklah keledak, ubi kayu, keladi, sayur-sayuran, tembikai, tanaman-tanaman rempah seperti cili, buah pala, bunga cengkih, dan halia, buah limau bali, jagung, rambutan, durian, ciku, jambu, manggis dan beberapa jenis lagi buah-buahan tempatan. Di kawasan tanah tinggi pula, seperti di Cameron Highlands, sayur-sayuran dan buah-buahan negeri berhawa dingin seperti strawberri ada juga ditanam.

Di gua-gua batu di Borneo pula terdapat sarang burung layang-layang. Sarang-sarang burung ini setelah dicuci dan dikeringkan, telah menjadi bahan makanan yang digemari oleh orang-orang Cina. Kehadiran bahan-bahan makanan ini telah menjadikan orang-orang Malaysia pandai dalam ilmu masak-memasak.

Di Malaysia, kegiatan penternakan belum begitu maju lagi kecuali penternakan ayam. Sungguhpun begitu, ada kemungkinan perusahaan ini akan menjadi lebih maju. Kerbau biasanya digunakan untuk menarik kereta dan untuk dagingnya. Kerbau dan lembu susu baka dari India juga dipelihara. Dengan mengadakan kawasan penternakan binatang dan dengan membaiki lagi cara memeliharanya, maka perusahaan susu boleh dimajukan untuk keperluan penduduk terutamanya di bandar. Babi banyak dipelihara oleh peladang-peladang Cina, manakala orang-orang Melayu di kampung memelihara kambing dan ayam.

Kemajuan Pertanian dan Penyelidikan

Banyak daripada tugas memperbaiki dan menyelidik pengeluaran getah telah dijalankan oleh Jabatan-jabatan Pertanian tempatan dan Pusat Penyelidikan Getah Tanah Melayu. Pusat Penyelidikan Getah ini ditubuhkan pada tahun 1923 dan mengambil alih tugas Jabatan Pertanian Tanah Melayu dalam kerja-kerja menyelidik dan menasihati petani atas perkara-perkara yang berhubung dengan cara-cara menanam dan memproses getah. Suatu lembaga pengurusan wang untuk mengagihkan wang yang dikutip daripada cukai eksport getah telah ditubuhkan. Wakil-wakil daripada pihak kerajaan dan perusahaan getah persendirian menganggotai lembaga itu.

Jabatan-jabatan Pertanian di seluruh Malaysia telah menjalankan penyelidikan yang meluas dalam segala aspek tanam-tanaman negeri panas. Banyak pusat percubaan telah didirikan di semua wilayah. Jabatan Pertanian juga bertanggungjawab atas segala tunjuk ajar berhubung dengan bidang pertanian.

Di Malaysia, perusahaan perikanan adalah dalam peringkat peralihan. Usaha-usaha sedang dibuat untuk menukarkan cara penangkapan tradisional kepada cara baharu yang moden dengan menggunakan kapal berenjin. Ini untuk membolehkan nelayan belayar jauh ke tengah laut untuk mendapat lebih tangkapan. Perubahan-perubahan ini perlu untuk membanyakkan hasil tangkapan kerana penduduk negeri yang kian bertambah dan keperluan makanan semakin meningkat. Kawasan penangkapan ikan yang baik juga perlu dicari.

**MALAYSIA - KAWASAN DAN LUAS GUNA TANAH,
1960-1961 (dalam kilometer persegi)**

	T. Melayu	Singapura	Sarawak	Sabah	Malaysia
Getah	16 279.8	25.8	1341.6	817.9	18 465.1
Padi	3841.6		1096.5	353.5	5291.6
Kelapa	20.6	2097.5	201.2	317.3	2636.6
Kelapa Sawit	567.6			51.6	619.2
Lada Hitam			33.5		33.5
Sagu			593.4	15.5	608.9
Buah-buahan	861.2	7.7	41.3	25.8	936.5
Tanaman Tak Tetap			21 801*	2580*	24 381
Tanaman Lain dan Tanah Kosong	1548	100.6	436.0	167.7	2252.3
Hutan Simpan [@]	34 185	29 541		24 974.4	88 700.4
Tanah-tanah Lain	71 889.1	425.7	69 399.4	46 517.4	188 231.6
JUMLAH	130 806	580.3	124 485	331 692.5	75 821.0

Dalam tahun 1950, tidak ada sampan penangkap ikan berjentera di Malaysia. Dalam tempoh sepuluh tahun, sebanyak 23 500 sampan penangkap ikan telah didaftarkan di Tanah Melayu. 8900 daripadanya menggunakan jentera, sama ada enjin sangkut atau enjin yang ditempatkan di tengah-tengah sampan.

* Tidak termasuk padi bukit.

+ Aggaran lebih kurang.

@ Tanah dikhaskan kepada penghasilan tetap dari hutan.

Kenyataan daripada: Bancian tanam-tanaman di wilayah-wilayah berkenaan.

Di Sabah, syarikat-syarikat Jepun telah mula menggunakan pukot tarik dan cara-cara baru yang lain dan juga mendirikan kilang-kilang menyimpan udang sebelum dieksport. Perusahaan ini mendapat sambutan yang baik daripada nelayan-nelayan tempatan, terutamanya tentang penggunaan pukot tarik. Syarikat Ikan Bersama Jepun-Malaya di Pulau Pinang telah membuktikan nelayan-nelayan Tanah Melayu boleh menangkap ikan di laut dalam.

Galakan yang besar telah juga diberi kepada pemeliharaan ikan air tawar. Ikan air tawar yang dikeluarkan dari kolam-kolam ikan yang banyak dibuka pada masa ini telah banyak membantu mengatasi masalah kekurangan protein dalam makanan orang-orang di Malaysia.

Lebih kurang 3/4 daripada bumi Malaysia masih diliputi oleh hutan. Dalam tiap-tiap wilayah, ada dikhasakan kawasan-kawasan hutan tertentu yang dijadikan hutan simpan. Hutan-hutan simpan ini berfungsi sebagai kawasan takungan air serta kawasan pemuliharaan tumbuhan dan hidupan liar. Perkembangan ekonomi telah meningkatkan permintaan bagi kayu balak dan papan dari pasaran tempatan dan juga seberang laut. Nilai eksport kayu balak dari seluruh Malaysia dalam tahun 1961 ialah M\$185 juta dengan Tanah Melayu menyumbangkan M\$40 juta, Sarawak M\$42 juta dan Sabah M\$103 juta. Bagi Sarawak dan Sabah, eksport kayu balak merupakan eksport utama negeri masing-masing.

Perusahaan, Perdagangan dan Perniagaan

(a) Bahan-bahan galian

Bijih timah, jika dibandingkan dengan perusahaan perlombongan yang lain di Malaysia mempunyai kedudukan yang penting sekali. Sama seperti kedudukan getah dalam bidang pertanian. Galian-galian lain seperti arang batu, bijih besi, bauksit, emas, tungsten, titanium dan tanah liat sangat sedikit dikeluarkan. Tetapi, kerja-kerja melombong bijih besi semakin bertambah. Bahan galian yang lain akan terbukti penting dari segi ekonomi sekiranya usaha mencarinya dijalankan lebih giat lagi.

Bijih timah didapati dalam batu-batu dan tanah hanyutan. Kebanyakan daripada tempat yang banyak sekali mengandungi bijih timah terletak di kawasan-kawasan batu pejal dan batu kapur.

Di Tanah Melayu, kawasan-kawasan yang kaya dengan pengeluaran bijih timah terdapat di pantai barat bermula dari Negeri Perlis di utara dan membawa ke negeri Kedah hingga ke Lembah Kinta di Perak, dan seterusnya ke Selangor, Negeri Sembilan dan

Johor. Pada amnya, bahagian di sebelah timur banjaran gunung Tanah Melayu tidak begitu terkenal dengan pengeluaran bijih timah, tetapi di Pahang Timur, terdapat satu daripada lombong bijih timah yang terkemuka di dunia, iaitu di Sungai Lembing.

Negeri-negeri pengeluar bijih yang utama ialah Perak dan Selangor. Dalam tahun 1960, Perak telah mengeluarkan sebanyak 57.5% (29 910 ton panjang) dan Selangor 33.4% (17 328 ton panjang) daripada jumlah pengeluaran logam Tanah Melayu yang berjumlah 51 979 ton panjang. Lembah Kinta di Perak merupakan kawasan pengeluar bijih timah yang terbesar di dunia. Hingga ke hari ini, kawasan ini mengeluarkan lebih kurang 43% daripada jumlah pengeluaran bijih timah Tanah Melayu.

Cara-cara melombong bijih timah boleh dibahagikan kepada beberapa cara, iaitu dengan menggunakan kapal korek, pam kelikir, pam hidraul, lombong dedah, 'lode mining' dan mendulang. Dalam tahun 1960, sebanyak 90.4% daripada seluruh keluaran bijih timah dihasilkan dengan menggunakan kapal korek, pam kelikir dan pam hidraul. Penggunaan kapal korek dijalankan oleh syarikat-syarikat persendirian kerana melombong cara ini memerlukan modal yang sangat besar.

Malaysia merupakan negara pengeluar bijih timah yang terbesar di dunia dan mengeluarkan satu pertiga daripada keluaran dunia. Pada tahun 1961, bijih timah yang dieksport dari Tanah Melayu bernilai M\$307 juta.

PENGELUARAN BIJAH TIMAH MENURUT CARA-CARA MELOMBONG (ton panjang timah)

	1957	1958	1959	1960	1961	1962
Kapal Korek	28 117	19 891	18 860	28 009	24 627	28 518
Pam Kelikir	24 396	14 020	13 903	17 835	19 339	22 103
Pam Hidraul	1629	723	765	1158	1347	1296
Lombong Dedah	1259	926	892	930	1413	2026
Bawah Tanah	2520	1692	1812	2269	2320	2362
Mendulang	1075	849	629	957	1041	1272
Usaha Kecil-kecilan lain	297	357	422	437	941	1206
Lebur Semula	-	-	242	384	-	-
JUMLAH	59 293	38 458	37 525	51 979	56 028	59 603

Dalam tahun 1961, eksport bijih besi, terutamanya dari Terengganu, Kelantan dan Perak berjumlah 6.4 juta ton dan bernilai M\$164. Lombong-lombong bijih besi yang baharu dalam daerah Rompin di Pahang milik Syarikat Perlombongan Rompin telah meningkatkan pengeluaran bahan ini. Dengan wujudnya lombong ini, telah mewujudkan suatu perubahan infrastruktur di Rompin. Sebatang jalan keretapi baharu sejauh 90 kilometer milik syarikat tersebut telah dibina. Di samping itu, pembinaan jalan-jalan perhubungan giat dijalankan. Hal ini secara tidak langsung mengubah keadaan kawasan Rompin yang pada masa dahulunya masih mundur.

Lima buah lombong yang kecil sedang dimajukan berhampiran dengan Ipoh, Perak. Bijih besi ada juga terdapat di Sabah dan perusahaannya akan dimajukan tidak lama lagi.

Bauksit, iaitu bijih aluminium terdapat di Teluk Ramunia, Johor. Dua buah lombong yang terdapat di sini telah mengeluarkan sebanyak 349 419 ton bauksit dalam tahun 1962. Bauksit juga didapati di Sematan, Sarawak dan di sekitar kawasan Kiabu di Sabah. Dalam tahun 1961, eksport bauksit dari Johor berjumlah 284 355 ton dan bernilai M\$5.1 juta dan dari Sarawak 256 442 ton dan bernilai M\$5.5 juta.

Emas juga terdapat di Tanah Melayu dan Sarawak. Pengeluaran emas Tanah Melayu dalam tahun 1961 ialah 3745.8 kg. Kebanyakannya sebagai hasil sampingan (*by product*) perusahaan melombong bijih. Pengeluaran emas di Sarawak pula ialah 1239.6 kg dalam tahun 1961.

Hingga ke tahun 1958, pengeluaran arang batu dari lombong arang batu di Batu Arang, Selangor ialah kira-kira 70 000 ton. Walau bagaimanapun, lombong arang batu itu telah ditutup dalam bulan Januari 1960 disebabkan oleh kos pengeluarannya tidak dapat menyaingi harga bahan yang diimport. Di Labuan, pengeluaran arang batu berjalan selama 60 tahun, tetapi telah berhenti pada tahun 1912.

Penyelidikan-penyelidikan telah menunjukkan kerja-kerja melombong arang batu itu boleh disambung semula. Sebanyak 9 000 000 ton arang batu mungkin dapat dikeluarkan dari kawasan-kawasan yang diselidiki. Lombong-lombong arang batu di Tanah Melayu dan Sabah itu mungkin penting dari segi ekonomi dengan semakin berkembangnya sektor perindustrian kelak.

Pengeluaran petroleum di Malaysia adalah terhad di wilayah-wilayah Borneo sahaja. Di Miri, Sarawak, terdapat sebuah telaga minyak. Usaha mencari minyak yang meluas di Sabah mungkin membawa kepada penemuan telaga-telaga minyak di wilayah itu.

Perbelanjaan bagi kerja-kerja mencari petroleum di Sabah dalam tahun 1961 berjumlah MS6 564 000. Pengeluaran minyak Sarawak di Miri dalam tahun 1961 ialah 59 498 ton metrik dan bernilai MS2 649 856.

Perusahaan melebur (*smelting*) bijih timah di Tanah Melayu telah berkembang sebagai hasil sampingan (*by product*) kepada kerja melombong bijih timah. Semenjak tahun 1890 lagi, sebuah syarikat telah ditubuhkan untuk memulakan perusahaan ini. Sekarang, perusahaan ini telah diusahakan secara besar-besaran di Pulau Pinang dan Butterworth. Hal ini demikian kerana bijih yang dilebur bukan sahaja bijih tempatan, tetapi juga bijih yang diimport dari Thailand, Indonesia dan negara-negara lain. Sebuah kilang melebur bijih telah dibuka juga di Pulau Berani, Singapura. Tetapi, sekarang ini tidak banyak lagi bijih yang dilebur di sana.

Dalam semua wilayah Malaysia, perusahaan-perusahaan kedua seperti memproses getah, mengilang kelapa kering, mengilang papan, menyimpan dan menyelenggarakan jentera-jentera bagi melombong juga giat dijalankan. Di wilayah-wilayah Borneo, perusahaan ini pada keseluruhannya adalah tidak begitu meluas. Perusahaan kejuruteraan kebanyakannya terdapat di Tanah Melayu dan Singapura. Kerja-kerja ini termasuklah kerja memasang, memperbaiki motor, alat pembongkar tanah, membina badan bas dan kereta, membuat motobot dan kerja-kerja melebur yang secara kecil-kecilan.

Di Tanah Melayu dan Singapura, terdapat juga kilang-kilang perusahaan yang mengeluarkan barang-barang bagi eksport dan kegunaan tempatan. Perusahaan-perusahaan tersebut termasuklah perusahaan memproses makanan seperti memproses nanas dalam tin, daging tin, biskut, acar, kicap dan air minuman dan perusahaan-perusahaan tembikar, menyaring, membuat tayar, kasut getah, sabun, mancis, tembakau dan rokok. Kilang-kilang yang mengeluarkan perkakas-perkakas bangunan seperti batu bata, atap genting, alat tandas dan kawat pagar hanya diusahakan untuk keperluan setempat.

Sebuah kilang simen di Selangor sekarang mengeluarkan lebih 300 000 ton simen setiap tahun. Pengeluaran ini adalah mencukupi bagi keperluan kawasan tengah Tanah Melayu. Di bengkel Keretapi Tanah Melayu di Kuala Lumpur, terdapat kepala keretapi, alat-alat keperluan dan perkakas-perkakas tambahan keretapi dan gerabak-gerabak serta besi landasan. Sebahagian daripada barangan tersebut telah dibuat di bengkel itu sendiri.

Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, galakan yang besar bagi pembangunan perusahaan di Malaysia telah diberi oleh kerajaan-

kerajaan negeri dan kerajaan pusat. Antaranya termasuklah pembebasan cukai, memberi taraf perintis dan jaminan keselamatan modal asing. Kesan daripada langkah ini dapat dilihat dengan nyatanya di Tanah Melayu dan Singapura.

Banyak kawasan perusahaan telah dan sedang didirikan dan yang nyata sekali ialah di Petaling Jaya berhampiran dengan Kuala Lumpur dan di Jurong, Singapura. Kawasan-kawasan perusahaan yang lain yang sedang dimajukan ialah di Pulau Pinang, Ipoh dan Johor Baharu. Kawasan-kawasan ini merupakan tempat-tempat penting dalam dasar penyebaran dan perkembangan perusahaan negara. Di antara perusahaan-perusahaan baharu yang telah dimajukan hasil daripada galakan kerajaan itu ialah perusahaan menapis minyak, membuat tayar, membuat rokok, perusahaan kimia, kilang kain, kilang menggulung besi waja, kilang coklat dan berbagai-bagai kilang lagi yang membuat barang-barang keperluan.

Di bawah Undang-undang Perusahaan Perintis, syarikat-syarikat dibebaskan daripada membayar cukai pendapatan untuk tempoh sehingga lima tahun. Sebuah Jawatankuasa Penasihat Cukai telah ditubuhkan untuk menimbangkan permohonan-permohonan bagi perlindungan cukai dan bantuan dengan jalan mengecualikan seluruhnya atau sebahagian daripada cukai-cukai bahan mentah yang diimport yang digunakan oleh pihak pemohon. Hasil daripada dasar ini, sebanyak 90 buah syarikat perintis telah diluluskan di Tanah Melayu pada akhir tahun 1962.

Di Singapura, Lembaga Kemajuan Ekonomi yang mempunyai modal sebanyak 100 juta ringgit yang diperuntukkan oleh kerajaan telah ditubuhkan dalam tahun 1961. Tujuan penubuhannya adalah untuk meningkatkan dan mengambil bahagian dalam pembangunan ekonomi. Sebuah Pasukan Penyelidikan Perusahaan telah ditubuhkan di Singapura untuk memberi nasihat teknik kepada pengilang-pengilang tempatan. Sebuah badan tajaan kerajaan telah juga dibentuk di Persekutuan Tanah Melayu, iaitu Syarikat Kewangan Pembangunan Perusahaan Melayu Berhad. Syarikat ini telah diperuntukkan modal jangka panjang bagi menyertai perusahaan-perusahaan di Tanah Melayu dengan jalan pinjaman secara kontrak dan/atau menanam modal secara langsung.

Sebuah pusat pengeluaran bagi memberi latihan tentang hal pengurusan dan pengelolaan kepada kakitangan telah ditubuhkan di Tanah Melayu dalam tahun 1961 dengan bantuan Bangsa-bangsa Bersatu. Pada masa yang sama, Kementerian Pelajaran telah menitikberatkan latihan teknik dan sekolah-sekolah telah dibina bagi

maksud ini. Kementerian Buruh mempunyai rancangan yang serupa. Menerusi rancangan-rancangan ini, pusat latihan telah dibina bagi melatih bakal-bakal pekerja mahir yang diperlukan oleh kilang-kilang perusahaan.

Untuk menggalakkan kemajuan perusahaan, kerajaan terus meluaskan perkhidmatan-perkhidmatan untuk faedah orang ramai. Antara perkhidmatan-perkhidmatan ini termasuklah memajukan kawasan perusahaan, memperbaiki perkhidmatan penerangan tentang kemajuan perusahaan dan mengadakan kemudahan-kemudahan tambahan bagi penyelidikan perusahaan.

Malaysia ialah sebuah negara pengeluar yang penting dan pembekal bahan-bahan mentah yang diperlukan oleh negara-negara perusahaan. Oleh yang demikian, sebahagian besar daripada perdagangan luar negeri ini adalah ditentukan oleh permintaan dari negara-negara luar. Bahan-bahan eksportnya adalah berupa hasil-hasil belum atau separuh siap seperti getah, bijih timah, bijih besi, kayu, kelapa sawit, kelapa kering, lada hitam, sagu, beberapa bahan galian dan hasil-hasil bumi yang lain.

Barangan-barangan import pula sebahagian besar daripadanya terdiri daripada barang-barang perusahaan, jentera barang-barang kimia, kain, tembakau dan barang-barang makanan yang tidak dihasilkan di Malaysia. Sungguhpun beras (makanan utama penduduk Malaysia) dihasilkan di kebanyakan negeri di Malaysia, tetapi bekalnya masih belum mencukupi dan masih lagi diimport dari luar negeri.

United Kingdom, Amerika Syarikat, Jepun dan negara-negara perusahaan yang lain di Eropah Barat adalah rakan perdagangan Malaysia yang penting. Negara-negara ini banyak mengimport bahan-bahan mentah dan membekalkan sebahagian besar daripada barang-barang keperluan perindustrian. Kepentingan Britain kepada Tanah Melayu dalam hal perdagangan telah mula berkurangan semenjak Tanah Melayu mencapai kemerdekaan.

Negara-negara jiran seperti Indonesia, Thailand dan Filipina juga penting dalam perdagangan Malaysia. Singapura mengimport beras dan barangan makanan yang lain dari Negara Thai dan mengeksport barangan petroleum dan hasil-hasil perkilangan kepada negara tersebut. Dari Indonesia, Singapura mengimport barangan petroleum, getah beku dan lada hitam yang kemudiannya dieksport ke negara-negara lain. Singapura juga mengeksport kelapa kering yang diimportnya dari Filipina dan Indonesia serta mengeksport hasil-hasil

kilang yang dikeluarkan oleh Tanah Melayu dan Singapura dan juga yang diimport dari luar negara ke Indonesia.

Singapura bertindak sebagai pelabuhan keluar masuk bagi hampir kesemua wilayah Malaysia, kecuali Pulau Pinang yang mempunyai pelabuhan sendiri. Singapura adalah pusat perdagangan wilayah Malaysia dan kebanyakan daripada hasilnya dieksport melaluinya. Melalui Singapura juga, wilayah-wilayah di Malaysia menerima barang-barang keperluan masing-masing yang diimport dari luar negara.

Perdagangan dan perniagaan Malaysia dapat diringkaskan dalam jadual berikut:

NILAI PERDAGANGAN 1962 (Juta Ringgit Malaysia)		
	Import	Eksport
Tanah Melayu	1506.4	2620.6
Singapura	4036.4	3416.7
Sarawak	400.6	407.2
Sabah	238.9	234.7

Angka-angka ini termasuklah perdagangan keluar masuk yang dijalankan oleh Singapura dan juga nilai perdagangan antara wilayah-wilayah itu. Dalam perkara Tanah Melayu dan Singapura, perdagangan di antara kedua-dua wilayah itu amatlah penting.

IMPORT TANAH MELAYU (Barang-barang utama-1962)		Juta Ringgit Malaysia
Makanan		562.7
Minuman dan Tembakau		72.1
Barangan Mentah (tidak boleh makan)		339.8
Minyak-minyak Jentera, Minyak Pelincir dan Lain-lain		151.2
Barang-barang Kimia		152.5
Barang-barang Hasil Perkilangan		471.8
Jentera dan Alat Kelengkapan Pengangkutan		482.4
Pelbagai Jenis Barangan Kilang		140.9

IMPORT SINGAPURA
(Barang-barang Utama-1960)

	Juta Ringgit Malaysia
Beras	103.5
Kopi	41.5
Lada Hitam	53.9
Kelapa Kering	51.8
Barang Makanan Lain	451.0
Getah	1360.2
Barangan Petroleum	573.2
Kain	222.7
Besi dan Waja	69.0
Kenderaan Bermotor di Jalan Raya	91.8
Jentera-jentera Lain dan Alat Kelengkapan	85.7

IMPORT SABAH
(Barang-barang Utama-1962)

	Juta Ringgit Malaysia
Jentera	40.4
Tembakau, Curut dan Rokok	39.2
Barang-barang Keperluan Makanan	27.4
Beras	11.8
Gula	2.9
Logam	13.4
Minyak	18.4
Kain dan Pakaian	10.4
Kenderaan	10.2
Peralatan Bangunan	2.8

IMPORT SARAWAK
(Barang-barang Utama-1962)

	Juta Ringgit Malaysia
Makanan	46.2
Beras	22.0

Minuman, Alkohol	2.8
Rokok dan Tembakau	6.4
Minuman Bukan Alkohol	0.4
Bahan-bahan Mentah (Tidak boleh makan tidak termasuk bahan tenaga (<i>fuel</i>))	9.2
Minyak Mentah	194.5
Barangan Petroleum	12.7
Minyak, Lemak Binatang dan Sayur	0.5
Barangan Kimia	14.6
Barangan Hasil Perkilangan	32.5
Jentera dan Alat Kelengkapan Pengangkutan	33.9
Pelbagai Jenis Barangan Kilang	14.9
Pelbagai Jenis Barangan Perniagaan	10.0

PEMBANGUNAN NEGARA

Perhubungan Perusahaan dan Rancangan Kemajuan

Dalam tempoh awal abad kedua puluhan, pekerja-pekerja Cina dan India dari luar negara telah masuk ke wilayah-wilayah Malaysia. Orang-orang Cina kemudiannya menetap di Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak. Tetapi, bagi buruh dari India, sebahagian besar daripada mereka menetap di Tanah Melayu dan Singapura sahaja. Walau bagaimanapun, hingga sepuluh tahun berikutnya, mulai dari tahun 1930, kemasukan orang-orang luar ke wilayah-wilayah Malaysia telah dikawal dengan ketat. Semenjak Perang Dunia Kedua, pergantungan kepada buruh-buruh dari luar telah berhenti. Sekarang telah didapati tenaga buruh yang seimbang dan masalah orang-orang masuk dan keluar dari negeri ini pada keseluruhannya telah berakhir.

Taraf hidup pekerja-pekerja di Malaysia adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan taraf hidup di negara-negara jiran. Mungkin taraf ini adalah yang tertinggi di Asia. Walaupun begitu, ekonomi Malaysia adalah dikuasai oleh getah dan bijih timah, iaitu dua barangan asas perdagangan dan perniagaan serta lain-lain perusahaan. Oleh sebab itu, jika harga kedua-dua komoditi tersebut naik, ini bererti keadaan ekonomi akan bertambah baik. Sebaliknya, jika harga komoditi tersebut jatuh, maka ini akan membawa kepada pengangguran dan kesusahan kepada beribu-ribu pekerja dan seterusnya akan menjejaskan ekonomi negara. Dalam semua wilayah Malaysia, undang-undang buruh telah digubal untuk melindungi pekerja-pekerja dan mengawal perhubungan mereka dengan majikan-majikan. Undang-undang buruh yang digubal meliputi perkara-perkara seperti hal-hal yang berhubung dengan waktu bekerja, keadaan kesihatan dan layanan perubatan, umur bagi memasuki pekerjaan, perjanjian secara bertulis, syarat-syarat notis dan cuti-cuti bergaji.

Ada juga undang-undang berkenaan dengan pampasan (saguhati) pekerja-pekerja dan tabung simpanan wang pekerja. Pusat-pusat pekerjaan sedang ditubuhkan dan rancangan latihan sedang dimajukan. Pentadbiran undang-undang buruh adalah di bawah kuasa

Jabatan Buruh. Selain itu, Jabatan Jentera juga diwujudkan bagi mengendalikan dan menguatkuasakan undang-undang yang berhubung dengan pembinaan, pemasangan dan perjalanan jentera-jentera serta penguasaannya bagi menjamin keselamatan pekerja-pekerja.

Kesatuan-kesatuan sekerja diharamkan sebelum Perang Dunia Kedua. Kesatuan-kesatuan ini dihalalkan serta digalakkan sesudah perang, apabila Penasihat-penasihat Kesatuan Sekerja dari Kesatuan-kesatuan Sekerja British dihantar untuk memimpin dan menolong gerakan baharu di Tanah Melayu dan Singapura. Hari ini, gerakan Kesatuan Sekerja dilaksanakan dengan licin di kedua-dua wilayah.

Ada sebanyak 296 kesatuan sekerja yang didaftarkan di Tanah Melayu dengan keanggotaan berjumlah 265 465 orang. Kesatuan yang terbesar dan terbaik susunannya ialah Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Ladang dan yang mungkin juga Kesatuan Pekerja-pekerja Ladang yang terbesar di dunia. Setiausaha Agungnya telah menjadi Pengerusi Jawatankuasa Bahagian Asia bagi Gabungan Kesatuan-kesatuan Sekerja Bebas Antarabangsa semenjak beberapa tahun yang lalu. Kongres Kesatuan Sekerja Tanah Melayu adalah badan pengatur pusat bagi kesatuan-kesatuan sekerja di Tanah Melayu dan pengaruh serta kekuatannya semakin bertambah.

Ada kira-kira 189 000 orang anggota kesatuan-kesatuan sekerja di Singapura. Di Tanah Melayu, kesatuan-kesatuan sekerja amat berhati-hati terhadap campur tangan politik. Hal ini demikian untuk tujuan menjamin perpaduan buruh terpelihara dan tersusun. Hasilnya sangat berjaya dalam mengawal pengaruh anasir komunis daripada mengambil alih kekuasaan kesatuan-kesatuan itu. Tetapi, Kongres Kesatuan Sekerja Singapura yang pada suatu masa dahulu bersatu dan teguh telah pun berpecah dan terbahagi kepada dua golongan-mengikut aliran politik.

Akibat daripada campur tangan anasir komunis dalam Parti Tindakan Rakyat di Singapura, maka golongan komunis dan penyokong-penyokong PETIR (Parti Tindakan Rakyat), yang menjadi pemimpin-pemimpin terkemuka Kongres Kesatuan Sekerja Singapura telah berpecah untuk menubuhkan Pusat Kesatuan Sekerja Singapura (SATU). Anasir-anasir bukan komunis pula telah bersatu semula untuk menubuhkan Kongres Kesatuan Sekerja Kebangsaan Singapura. Namun demikian, tidak syak lagi bahawa pengaruh komunis wujud dan kuat di sesetengah kesatuan-kesatuan sekerja bersayap kiri di Singapura.

Perkembangan kesatuan-kesatuan sekerja di Sarawak dan Sabah belumlah begitu pesat seperti di Tanah Melayu dan Singapura.

Tetapi, dengan tertubuhnya kesatuan sekerja di Malaysia, maka Kongres Kesatuan Sekerja telah mengumumkan bahawa ia bercadang untuk meluaskan gerakan-gerakannya ke wilayah-wilayah ini. Dengan bantuan dan panduan pemimpin-pemimpin buruh yang berpengalaman, sebilangan ahli Kesatuan Sekerja Tanah Melayu telah dipilih oleh Gabungan Kesatuan Sekerja Bebas Antarabangsa untuk membantu menyusun kesatuan-kesatuan sekerja dalam beberapa buah negara di Asia dan Afrika. Adalah mungkin bahawa pekerja-pekerja di Sarawak dan Sabah sebagai warganegara sebuah negara yang merdeka, akan dapat mengejar kemajuan yang telah dibuat oleh rakan-rakan sekerja mereka di Tanah Melayu.

Kerajaan Persekutuan mengakui bahawa gerakan kesatuan sekerja yang baik susunannya adalah penting bagi membina sistem perusahaan yang mantap dan kerajaan juga menggalakkan penubuhan kesatuan-kesatuan sekerja yang kuat, bertanggungjawab, demokratik dan bebas bagi pekerja-pekerja dan juga majikan.

Objektif dasar perhubungan perusahaan kerajaan ialah untuk menggalakkan suatu sistem dengan mana kedua-dua belah pihak dalam perusahaan akan dapat mengatasi masalah mereka bersama dalam perusahaan atau pertubuhan menerusi rundingan dan perbincangan. Dasar ini adalah berasaskan kepada prinsip membina demokrasi perusahaan dengan matlamat akhir dapat mencapai taraf dalam mengendalikan sendiri segala masalah pertikaian dalam perusahaan.

Kerajaan menganggap bahawa menerusi sistem perhubungan perusahaan sukarela yang berpandukan kepada undang-undang buruh, maka perhubungan di antara majikan dan pekerja-pekerja dapat dilaksanakan dengan licin dan saksama. Menurut undang-undang ini, pertubuhan-pertubuhan bagi kedua-dua pihak, sama ada majikan mahupun pekerja adalah bebas untuk berunding bagi mencapai persetujuan-persetujuan tentang sebarang perkara yang mereka fikir ada hubungannya di antara kedua-dua pihak. Dengan kata lain, kerajaan tidak perlu mengambil bahagian dalam sebarang perundingan tetapi ia memastikan apa-apa persetujuan yang dicapai mestilah tidak terkeluar daripada bidang undang-undang.

Dasar tentang perhubungan perusahaan ini telah diterima dengan sepenuhnya oleh kedua-dua pihak dan masing-masing telah melaksanakan peraturan-peraturan yang dicapai dengan jayanya. Sungguhpun perangkaan tentang bilangan pemogokan dan hari kerja yang hilang tidak boleh dijadikan kayu pengukur bagi menilai kejayaan-kejayaan Dasar Buruh Kerajaan, namun kekurangan kejadian tersebut di Persekutuan Tanah Melayu telah dapat

mencerminkan pelaksanaan dasar itu telah dapat mengatasi banyak masalah yang timbul. Jika dibandingkan dengan keadaan di Singapura, bilangan pemogokan dan hari kerja yang hilang di Tanah Melayu dalam masa enam tahun yang lalu adalah kecil.

Dasar Kerajaan Persekutuan tentang buruh dan perhubungan perusahaan tidak akan dijalankan di Singapura yang akan mendapat kuasa otonomi tentang buruh dan pelajaran. Kerajaan Singapura sekarang ini mewajibkan pengadilan orang tengah dalam sesuatu masalah. Dalam bulan September tahun 1960, kerajaan Singapura telah memulakan undang-undang tentang perhubungan perusahaan yang mensyaratkan penyelesaian sesuatu pertikaian mestilah dibuat melalui orang tengah dan peraturan-peraturan lain seperti penyelesaian menerusi tawar-menawar dimansuhkan.

Sebuah mahkamah yang kedua telah ditubuhkan dalam tahun 1962. Kerajaan Singapura berpendapat bahawa melalui pengadilan orang tengah, kesaksamaan telah dipelihara di kalangan rakyat dan kepentingan-kepentingan jangka panjang dan jangka pendek pekerja-pekerja telah dicapai.

Semua wilayah di Malaysia mempunyai rancangan kemajuan yang tujuan dasarnya ialah untuk menambahkan lagi hasil pengeluarannya dan meninggikan pendapatan setiap rakyat. Di Tanah Melayu, rancangan kemajuan yang kedua telah dilancarkan dalam bulan Februari 1961 dan tujuannya ialah seperti berikut:

1. Menjalankan rancangan pembangunan luar bandar untuk memperbaiki kedudukan penduduk-penduduk luar bandar dalam bidang ekonomi dan kemasyarakatan dan memperbaiki keadaan yang tidak seimbang di antara kawasan-kawasan luar bandar dan bandar.
2. Untuk memberi peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk negara yang semakin bertambah.
3. Meninggikan hasil ekonomi bagi tiap-tiap kepala.
4. Merencanakan pengeluaran hasil Tanah Melayu dengan cara memajukan tanam-tanaman lain dan getah dan juga menggalakkan kemajuan perusahaan.
5. Memperbaiki dan memperluaskan perkhidmatan-perkhidmatan kemasyarakatan dalam beberapa bidang seperti pelajaran, perubatan, kesihatan dan perumahan.

Dianggarkan jumlah perbelanjaan yang diperlukan bagi melaksanakan matlamat-matlamat selama lima tahun ini ialah M\$5050 juta. Daripada jumlah ini, M\$2150 juta akan diperuntukkan bagi menjalankan rancangan-rancangan seperti pembangunan tanah, jalan-jalan raya, pelabuhan dan pengangkutan, jentera-jentera Jabatan Kerja Raya, kemudahan-kemudahan awam, memajukan perusahaan, perkhidmatan-perkhidmatan masyarakat (pelajaran, perumahan dan kesihatan), kemajuan luar bandar (terutama tanam-tanaman dan kemajuan tanah, jalan raya dan bekalan air) dan kemajuan-kemajuan kerajaan yang lain. Diharapkan baki M\$2900 juta itu akan dikeluarkan oleh golongan-golongan persendirian dengan jalan menanam modal.

Di samping itu, hasil daripada penanaman modal kerajaan dan golongan -golongan persendirian selama lebih lima tahun itu akan juga menambahkan lagi pengeluaran negara dari 20% ke 25% atau lebih daripada 4% setahun. Dari segi pekerjaan, penanaman modal seperti yang dicadangkan itu akan dapat memberi peluang pekerjaan kepada kaum pekerja yang dijangka akan meningkat ke angka 340 000 orang.

Di Singapura, perbelanjaan rancangan-rancangan pembinaan bagi tahun 1961-1964 dianggarkan sebanyak M\$871 juta. Keutamaan telah diberikan kepada pembangunan kawasan-kawasan perusahaan yang penting seperti di kawasan Jurong dan rancangan-rancangan yang berkaitan dengan perumahan, kesihatan dan pelajaran.

Di Sarawak, rancangan penanaman getah daripada baka yang baik telah diberi perhatian yang penting sekali. Ini ialah rancangan yang besar sekali dan sebahagian daripada perbelanjaannya adalah dikutip daripada cukai getah. Rancangan-rancangan lain yang tidak kurang pentingnya ialah pembinaan jalan-jalan raya, membaiki pelabuhan-pelabuhan, lapangan terbang, tali air dan telekom. Tidak ketinggalan ialah rancangan-rancangan untuk memperluas lagi perkhidmatan-perkhidmatan masyarakat. Rancangan tahun 1959-1963 telah diluluskan dalam bulan Ogos 1959.

Setelah disemak semula dalam tahun 1960 dan 1961, rancangan itu telah diperbesarkan lagi dan perbelanjaan yang telah diluluskan turut bertambah menjadi M\$165 juta. Matlamat jumlah perbelanjaan untuk rancangan lima tahun yang akan datang diperuntukkan serupa seperti rancangan yang dahulu, iaitu M\$300 juta.

Di Sabah, rancangan pembangunannya adalah serupa seperti di Sarawak. Perbelanjaan yang besar diperuntukkan bagi menanam semula getah dan memperbaiki perhubungan. Rancangan-rancangan lain ialah meluaskan lagi pengairan sawah-sawah dan perkhidmatan-

perkhidmatan masyarakat. Untuk tujuan ini, perbelanjaannya telah ditambah menjadi sebanyak M\$150 juta. Angka matlamat bagi tahun 1965-1969 ialah M\$200 juta.

Pembangunan luar bandar di Tanah Melayu dijalankan oleh kerajaan-kerajaan negeri dengan perancangan dan arahan daripada Kementerian Luar Bandar. Kerajaan-kerajaan negeri boleh menjalankan rancangan-rancangan mereka menerusi peruntukan yang diperoleh daripada hasil-hasil negeri itu sendiri, tetapi bagi negeri-negeri yang kurang mampu, peruntukannya adalah ditanggung oleh Kerajaan Pusat.

Ada dua badan berkanun yang bertanggungjawab memajukan kawasan luar bandar itu. Pertama ialah Lembaga Kemajuan Kampung dan Perusahaan (RIDA) yang telah ditubuhkan dalam tahun 1954. Lembaga ini menumpukan tugasnya dalam memperbaiki darjah perusahaan-perusahaan kampung, pasaran serta teknik perdagangan. Yang kedua ialah Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA). Lembaga ini bertugas untuk membuka tanah-tanah baharu dan menubuhkan perkampungan-perkampungan yang boleh berdiri sendiri.

Tujuan utama polisi kemajuan kampung ialah untuk memberi kehidupan yang sempurna kepada penduduk-penduduk di luar bandar, memberi asas ekonomi yang baik bagi penghidupan di kampung-kampung dan menggalakkan orang kampung berjuang untuk meninggikan taraf ekonomi mereka. Di samping itu, tujuannya adalah untuk menarik perhatian kerajaan supaya memikirkan cara untuk memperbaiki penghidupan orang-orang kampung dan menyedarkan mereka bahawa nasib negeri ini adalah terletak di tangan mereka.

Kerajaan telah berikrar untuk menyusun polisinya dan menyalurkan seluruh tenaganya bagi menjayakan matlamat-matlamat ini. Kegigihan kerajaan untuk menjayakan rancangan ini adalah sama dengan kegigihannya untuk menghapuskan komunis semasa darurat dahulu.

Angka-angka berikut menunjukkan apa yang telah dicapai dalam Rancangan Pembangunan Luar Bandar Tanah Melayu bagi tempoh separuh masa rancangan lima tahunnya. Sepanjang 25 600 km jalan raya baharu telah dibina. Bekalan air telah bertambah daripada 27 juta liter kepada 31.7 juta liter dan telah diagihkan ke kampung-kampung. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan telah membuka lima puluh rancangan tanah baharu meliputi kawasan seluas 80 000 hektar. Tanah-tanah rancangan ini telah ditanam dengan getah dan kelapa sawit dan ini memberi manfaat kepada tidak kurang daripada 16 000

penerokanya. Jumlah ini adalah tidak termasuk rancangan-rancangan tanah negeri.

Setiap keluarga mendapat kira-kira empat hektar tanah. Setiap perkampungan disediakan dengan kemudahan-kemudahan asas termasuk sekolah, masjid, klinik kesihatan dan kedai syarikat. Peneroka-peneroka ini diberi pinjaman bagi menyara kehidupan keluarga mereka sehingga tanaman mereka mengeluarkan hasil yang mencukupi dan wang pinjaman itu boleh dibayar menerusi pemotongan daripada pendapatan hasil tanaman yang diperoleh.

Perhubungan dan Kemudahan Awam

Salah satu daripada faktor penting dalam melicinkan pentadbiran sesebuah negara ialah sistem perhubungannya yang baik. Tanah Melayu boleh berbangga dengan sistem perhubungannya kerana mempunyai sistem perhubungan yang terbaik di Asia Tenggara. Sistem perhubungan utama di Malaysia ialah jalan darat yang merangkumi jalan keretapi dan jalan raya, jalan air dan jalan udara.


Jalan-jalan keretapi yang mula-mula dibina di Tanah Melayu adalah pendek-pendek. Pada masa itu tujuan utamanya ialah untuk menghubungkan kawasan-kawasan perlombongan bijih di pedalaman dengan pelabuhan-pelabuhan di pantai barat. Landasan keretapi yang mula-mula dibina ialah dari Taiping ke Port Weld (sekarang Kuala Sipetang). Panjangnya ialah kira-kira 12.8 kilometer. Landasan ini dibuka dalam tahun 1885⁶.

Landasan keretapi Utara-Selatan yang menghubungkan Prai dan Negeri Sembilan telah dibina dalam tahun 1903. Dalam tahun 1909, landasan ini telah disambung sehingga ke Johor Bahru. Tambak Johor⁷ yang merupakan laluan landasan keretapi dan jalan raya dari Johor ke Singapura telah siap dibina dalam tahun 1923. Sambungan landasan keretapi Thailand telah dilaksanakan dalam tahun 1918. Sehingga tahun 1937, panjang landasan keretapi di Tanah Melayu ialah lebih daripada 1600 kilometer.

Landasan keretapi ke Negeri Kelantan dari Negeri Sembilan yang telah dibuka oleh Jepun telah dibina semula dalam tahun 1955. Keretapi Tanah Melayu dan Singapura telah dikendalikan oleh sebuah perbadanan berkanun, iaitu Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu.

⁶ "Pembukaan jalan keretapi Taiping-Port Weld pada 1 Jun 1885", Hari Ini dalam Sejarah, Jilid II, Arkib Malaysia, Kuala Lumpur 1981 m.s. 243.

⁷ "Peletakan batu asas Tambak Johor pada 24 April 1920", Hari Ini dalam Sejarah, Jilid II, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur 1981 m.s. 97.



Sir Lawrence Guillemard, Gabenor Negeri-negeri Selat sedang dengan rasminya membuka Tambak Johor pada 25 Jun 1924. Di sebelah kiri beliau, iaitu yang berpakaian seragam serba putih ialah D.Y.M.M. Sultan Johor, Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Abu Bakar. (Gambar ihsan Arkib Negara Malaysia)

Landasan keretapi yang tunggal di wilayah-wilayah Borneo ialah di Sabah, iaitu dari Jesselton (sekarang Kota Kinabalu) ke Tenom. Satu cabangnya menuju Pelabuhan Weston yang bertentangan dengan Labuan. Landasan keretapi itu telah dibina dalam tahun 1896-1901 dan menjadi salah satu faktor yang mustahak dalam pembangunan pantai barat kawasan itu. Panjang landasan keretapi itu ialah 185.6 kilometer dan dikendalikan oleh Kerajaan Borneo Utara atau kemudiannya Sabah sendiri.

Jalan-jalan raya telah dibina serentak dengan landasan-landasan keretapi dan dari setahun ke setahun telah ditambah untuk memenuhi keperluan perdagangan yang kian meningkat. Pada hari ini, barangkali Tanah Melayu dan Singapura sahajalah yang mempunyai jalan-jalan raya yang terbaik di Asia Tenggara.

Dalam tahun 1962, lebih daripada 4000 kilometer jalan raya adalah di bawah tanggungan kerajaan persekutuan di Tanah Melayu dan 7520 kilometer di bawah tanggungan kerajaan-kerajaan negeri.

Rancangan-rancangan kemajuan baharu sedang berjalan dengan giatnya. Banyak lagi jalan raya sedang dibina untuk menghubungkan kawasan-kawasan yang baharu dibuka dengan jalan-jalan raya yang sedia ada. Sebaliknya, di wilayah-wilayah Borneo, belum banyak lagi jalan yang dibina.

Di Sarawak, pada tahun 1961, hanya sepanjang 1196.8 kilometer jalan raya sahaja yang telah dibina. Satu rancangan membina 880 kilometer jalan raya lagi sedang dijalankan. Apabila siap, jalan-jalan raya yang baharu ini akan memudahkan perhubungan di Bahagian Pertama, Kedua dan Ketiga, iaitu dari Semantan di barat Kuching ke Kanowit arah ke hulu dari Sibul. Sebatang jalan raya ke kawasan pedalaman akan dibina juga dari Pelabuhan Bintulu. Di utara, jalan raya tepi pantai dari Brunei ke Miri akan disambung ke selatan terus ke Bekenu.

Di Sabah, pada tahun 1961, hanya sepanjang 1492.8 kilometer jalan raya yang ada daripada semua jenis. Kebanyakannya di kawasan pantai barat. Rancangan membina jalan raya yang besar telah pun dimulai dan jalan yang penting sekali, iaitu yang menghubungkan Sandakan di pantai timur ke pantai barat telah pun siap.

Singapura ialah pelabuhan dan kota yang terbesar di Malaysia. Kota ini juga adalah pelabuhan yang kelima tersibuk di dunia dan pelabuhan yang kedua terbesar dalam Komanwel. Pelabuhan Singapura mempunyai peralatan moden dan gudang-gudang yang baik serta mempunyai kemudahan-kemudahan perdagangan dan kewangan yang terkemuka. Pelabuhan ini digunakan oleh lebih daripada 60 cawangan perkapalan yang memberi perkhidmatan ke setiap pelosok dunia.

Dalam tahun 1960, sejumlah 39 470 buah kapal yang beratnya kira-kira 69 850 616 metrik ton bersih telah berlabuh dan berlepas dari pelabuhan ini. Panjang limbungannya ialah empat kilometer dan mempunyai 6 buah dok. Di Semenanjung Tanah Melayu, Pulau Pinang mempunyai kemudahan-kemudahan seperti itu sungguhpun kecil sedikit daripada Singapura. Port Swettenham (sekarang Pelabuhan Kelang) sedang maju dengan pesatnya sebagai pelabuhan bagi Kuala Lumpur dan telah diperbesarkan dengan pelbagai kemudahan tempat berlabuh yang dalam, iaitu di Utara Selat Kelang.

Pelabuhan Melaka yang penting pada suatu masa dahulu kini telah menjadi tidak begitu penting. Hanya sedikit sahaja kapal yang berlabuh di pelabuhan ini. Di pantai timur semenanjung pula, tidak terdapat pelabuhan yang besar sungguhpun ada kegiatan-kegiatan

seperti panggah-memungghah barang-barang dari kapal di Kuantan, Dungun dan Kuala Terengganu.

Di Sarawak, pelabuhan yang utama ialah Pelabuhan Miri yang menghadap laut luas. Kuching kini telah dibangunkan sebagai sebuah pelabuhan yang baharu. Pelabuhan ini telah dibina dengan harga lebih daripada lapan juta ringgit dan kemudian telah dibuka dalam tahun 1961.

Di Sabah, pelabuhan-pelabuhannya ialah di Labuan yang merupakan pelabuhan bebas dan pusat panggah-memungghah barang-barang bagi Brunei dan kawasan telaga minyak Seria, di Sandakan, Tawau, Lahad Datu, Jesselton, Kudat dan Semporna. Di samping itu, ada juga beberapa pangkalan kecil untuk memungghah kayu-kayu balak. Kapal-kapal sentiasa melalui jalan-jalan laut di antara wilayah-wilayah Borneo, Singapura dan Tanah Melayu dan juga ke Hong Kong, Jepun, United Kingdom dan negara-negara lain.

Pengangkutan udara telah maju dengan pesatnya di seluruh Malaysia semenjak tahun 1955. Bandar-bandar besar di Tanah Melayu dan juga wilayah-wilayah Borneo pada masa ini dihubungi oleh Syarikat Penerbangan Tanah Melayu. Perkhidmatan-perkhidmatan udara dalam negeri juga dijalankan di Sabah dan Sarawak. Pangkalan-pangkalan kecil juga dibina bagi menghubungkan pekan-pekan kecil di pedalaman negeri-negeri tersebut.

Di Singapura terdapat sebuah syarikat penerbangan antarabangsa yang besar, iaitu MSA. Syarikat ini merupakan gabungan Syarikat Penerbangan Tanah Melayu dan Syarikat Penerbangan Singapura. Sesetengah daripada pesawat-pesawat udara antarabangsa singgah juga di Kuala Lumpur. Sebuah lapangan antarabangsa⁴ sedang dibina di Kuala Lumpur akan memperbaiki lagi hubungan di antara ibu negeri persekutuan ini dengan dunia luar. Perkhidmatan-perkhidmatan udara ke luar negeri yang lain terdapat di Pulau Pinang yang menghubungi Indonesia dan Thailand dan di Jesselton yang menghubungi Hong Kong dan bandar-bandar di Filipina dan Indonesia.

Selain itu, Malaysia mempunyai sistem telekom yang maju juga. Di Semenanjung Tanah Melayu, perkhidmatan VHF radio trunk-telefon yang baharu telah memperbaiki hubungan di antara bandar-bandar besar di negeri-negeri pantai barat, Singapura dan Kuantan di pantai timur. Perkhidmatan ini masih diperbaiki lagi. Perkhidmatan

⁴"Lapangan Terbang Kuala Lumpur diberi taraf antarabangsa pada 1 Ogos 1956", Hari Ini dalam Sejarah, Jilid III, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur 1983 m.s. 119.

radio telefon di antara Kuching ke Singapura dan Tanah Melayu telah berjalan semenjak bulan November 1960.

Perkhidmatan telefon juga terdapat di bandar-bandar besar di wilayah-wilayah Borneo yang mempunyai penduduk yang ramai. Telefon ini dikendalikan oleh ibu sawat-ibu sawat telefon automatik. Hubungan-hubungan terus melalui radio, telefon dan/atau VHF radio telefon juga dijalankan di antara wilayah-wilayah di Borneo. Perhubungan-perhubungan dengan negara-negara di seberang laut turut berjalan dengan sempurna. Singapura merupakan pusat radio antarabangsa dan perhubungan kawat dalam laut.

Di Tanah Melayu, stesen-stesen radio bagi Radio Malaya⁹ terdapat di Kuala Lumpur, Kota Bharu, Pulau Pinang, Melaka dan Ipoh. Siaran-siarannya dibuat dalam bahasa Melayu, Inggeris, lima loghat Cina dan Tamil. Siaran-siaran dari Radio Singapura pula adalah dalam bahasa-bahasa dan loghat yang serupa itu juga.

Siaran-siaran dari Radio Sarawak ialah dalam bahasa Melayu, Inggeris, Cina dan Iban. Di Borneo Utara, siaran-siaran Radio Sabah ialah dalam bahasa Cina, Kadazan dan Inggeris. Dengan terbentuknya Malaysia, semua stesen radio, melainkan di Singapura diletakkan di bawah suatu jabatan, iaitu Jabatan Penyiaran Persekutuan¹⁰ dan dikenali sebagai Radio Malaysia.

Di Singapura, perkhidmatan televisyen dalam pelbagai bahasa telah dimulakan pada awal tahun 1963. Sebuah stesen televisyen telah juga dibina di Kuala Lumpur. Dijangkakan perkhidmatan televisyen dalam pelbagai bahasa dapat dimulakan di Semenanjung Malaysia pada penghujung tahun 1963.

Pada tahun 1962, Radio Malaysia telah memulakan perkhidmatan siaran seberang laut yang disebut "Suara Malaya". Selepas 16 September, siaran ini dikenali sebagai "Suara Malaysia" pula.

Pada amnya, bekalan elektrik di wilayah-wilayah Malaysia pada awalnya dijalankan oleh kerajaan-kerajaan negeri untuk bekalan negeri masing-masing. Bekalan-bekalan ini diadakan untuk kegunaan awam dan perusahaan. Pada amnya, penyediaan kuasa elektrik dikendalikan oleh lembaga-lembaga yang dikuasai oleh kerajaan, tetapi di sesetengah tempat seperti di utara Malaya dan Sabah, elektrik dibekalkan oleh syarikat-syarikat swasta.

⁹"Penubuhan Radio Malaya pada 2 April 1946", Hari Ini dalam Sejarah, Jilid II, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur 1981 m.s. 5.

¹⁰"Siaran serentak seluruh Malaysia pada 15 September 1963", Hari Ini dalam Sejarah, Jilid III, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur 1983 m.s. 271.

Di Tanah Melayu, Lembaga Letrik Pusat sedang merancang untuk membawa suatu rangkaian elektrik kebangsaan. Salah satu daripada rangkaian ini ialah projek Elektrik Hidro Cameron Highlands yang merupakan projek terbesar di Tanah Melayu. Peringkat pertama projek ini telah siap dalam tahun 1963. Rancangan-rancangan untuk membina janakuasa elektrik hidro juga sedang dibuat di wilayah-wilayah Borneo. Suatu penyelidikan tentang kemungkinan untuk membina stesen elektrik hidro di pantai barat Sabah telah pun dimulai dalam tahun 1962.

Di Malaysia, kerajaan bertanggungjawab ke atas bekalan air. Kebanyakan bandar, sama ada kecil atau besar mempunyai empangan air atau kolam air yang dikuasai oleh Jabatan Kerja Raya atau di Sarawak oleh Lembaga Air Negeri. Keperluan bagi air bertambah mengikut proses pembesaran bandar. Rancangan pembekalan yang besar dan kecil sedang dijalankan untuk memenuhi permintaan-permintaan yang bertambah itu. Perhatian berat sedang diberi kepada pembekalan air ke kawasan luar bandar.

Kemajuan pertanian dengan rancangan-rancangan pembinaan parit dan tali air kerajaan adalah suatu perkara yang jelas dilihat di seluruh Malaysia semenjak beberapa tahun lalu. Rancangan-rancangan ini telah pun dihuraikan terlebih dahulu, iaitu berkaitan dengan penanaman padi. Rancangan-rancangan ini juga memainkan peranan penting dalam memperbaiki ladang-ladang kelapa dan kerosakan-kerosakan kepada sungai akibat tanah hanyut dari ladang-ladang getah dan air lombong-lombong. Jabatan Parit dan Tali Air juga bertanggungjawab ke atas rancangan-rancangan untuk mencegah banjir di kawasan-kawasan bandar.

Perkhidmatan-perkhidmatan Masyarakat

Wilayah-wilayah Malaysia mempunyai perkhidmatan-perkhidmatan masyarakat yang tinggi tarafnya berbanding dengan negara-negara Asia Tenggara yang lain. Kemudahan-kemudahan kesihatan, pelajaran dan perkhidmatan masyarakat telah dijalankan oleh kerajaan negeri masing-masing dan usaha daripada pelbagai pertubuhan sukarela di Malaysia.

Dengan bertambahnya hasil dan pendapatan wilayah-wilayah itu, maka peruntukan bagi pembinaan rumah-rumah, pembiayaan kaki tangan dan penyediaan alat-alat kelengkapan rumah-rumah sakit, stor ubat, rumah-rumah pendidikan rohani dan pusat-pusat kebajikan juga telah bertambah.

Suatu aspek penting dalam bidang perubatan di Malaysia ialah kejayaan dalam usaha menghapuskan berbagai-bagai penyakit termasuk penyakit berjangkit. Negara ini merupakan salah sebuah negara yang kerap diserang wabak penyakit seperti negara-negara yang berhawa panas yang lain. Tetapi, kini negara ini bertukar menjadi sebuah negara yang selamat. Ini disebabkan hospital-hospital dan klinik-klinik sekarang menggunakan peralatan moden bagi merawat pesakit-pesakit.

Perbelanjaan untuk perkhidmatan kesihatan telah banyak bertambah dari setahun ke setahun. Dalam tahun 1960, perbelanjaan untuk perubatan dan perkhidmatan kesihatan di wilayah-wilayah Malaysia adalah seperti berikut:

Malaya	M\$80 399 000
Singapura	M\$29 599 310
Sarawak	M\$ 6 038 110
Sabah	M\$ 4 009 587

Hari ini, wilayah-wilayah Malaysia mempunyai perkhidmatan-perkhidmatan rumah sakit, gedung-gedung ubat dan klinik-klinik yang menggunakan teknik perubatan dan alat-alat yang moden.

Di Tanah Melayu dan Singapura, kejayaan cemerlang yang telah dicapai dalam bidang perubatan ialah kemajuan membendung penyakit demam malaria. Pada hakikatnya Tanah Melayu menjadi pelopor dalam dunia tentang perkara ini.

Di wilayah-wilayah Borneo juga, penyakit malaria telah banyak berkurangan semenjak tahun 1955 setelah satu kempen melawan penyakit malaria dilancarkan dengan bantuan daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia.

Kemajuan perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan telah mengurangkan kadar kematian. Sebagai contoh, angka kematian di Tanah Melayu pada tahun 1947 ialah 19.4% dalam seribu. Pada tahun 1955, angkanya ialah 11.5% dalam seribu dan pada tahun 1960, angka tersebut menurun ke paras 9.5%. Di Singapura, angka kematian telah turun dari 8.1% dalam seribu pada tahun 1955 ke paras 5.2% dalam seribu pada tahun 1961. Begitu juga dengan angka kematian kanak-kanak yang telah jauh berkurangan.

Sungguhpun banyak lagi terdapat penyakit lain seperti batuk kering, demam malaria dan puru di sesetengah-sesetengah tempat, tetapi penyakit-penyakit ini dapat dikawal dengan menggunakan ubat-ubat moden. Perubatan secara Barat telah maju di negara ini. Orang-orang di Malaysia telah bertambah yakin dengan kemajuan

dan kemujarabannya. Kempen-kempen kesihatan yang dijalankan pada masa ini kebanyakannya adalah untuk mencegah dan mengubati penyakit-penyakit batuk kering dan untuk mengurangkan kematian di kalangan kanak-kanak.

Di Tanah Melayu, jumlah katil pesakit di rumah-rumah sakit telah mencapai lebih daripada 20 000 buah. Rumah-rumah sakit yang dimaksudkan itu boleh dibahagikan kepada tiga jenis. Pertama ialah Rumah Sakit Umum yang mempunyai kemudahan nasihat pakar-pakar perunding. Kedua, Rumah Sakit Daerah yang tidak mempunyai perkhidmatan pakar-pakar perunding dan yang ketiga ialah Rumah Sakit Khas, iaitu untuk merawat penyakit khusus sahaja seperti penyakit kusta dan penyakit otak. Jumlah tempat tidur di 69 Rumah Sakit Umum dan Daerah ialah 12 500 buah.

Semua rumah sakit ini mempunyai pejabat bagi merawat pesakit-pesakit luar. Tetapi, di pekan-pekan kecil di kawasan luar bandar, ada disediakan klinik bergerak yang melawat kampung-kampung. Bangunan-bangunan rumah sakit berbeza bentuk dan besarnya. Yang moden sekali ialah Rumah Sakit Johor Baharu, Pulau Pinang dan Melaka. Pekerjaan membina semula bahagian tertentu di Rumah Sakit Kuala Lumpur telah pun dimulai dan bahagian tempat bersalin ialah bahagian pertama yang disiapkan.

Di Singapura, terdapat 13 buah rumah sakit kerajaan termasuk Rumah Sakit Otak, Rumah Sakit Batuk Kering dan sebuah tempat penginapan bagi orang-orang yang berpenyakit kusta. Jumlah katil semuanya ialah lebih daripada 6700 buah. Jumlah gedung ubat untuk keperluan penduduk di dalam kawasan kota yang berjumlah sejuta orang itu ialah 10 buah. 12 buah gedung ubat tetap yang lain, beberapa buah kereta ubat dan lebih daripada lima puluh buah pusat bersalin dan pusat kesihatan kanak-kanak juga terdapat di pulau ini untuk memberi khidmat kepada penduduk-penduduk luar bandar yang berjumlah lebih daripada 600 000 orang.

Di Sarawak, terdapat empat buah Rumah Sakit Umum, sebuah Rumah Sakit Otak, sebuah tempat penginapan pesakit kusta dan sebuah Rumah Sakit Peranginan. Jumlah tempat tidur di kesemua rumah sakit ini ialah 1564 buah. 29 buah gedung ubat yang tetap dan 14 buah kereta ubat juga terdapat di negeri itu. Pusat-pusat bersalin dan rumah-rumah kebajikan kanak-kanak terdapat di bandar-bandar besar. Rawatan mata dan gigi juga disediakan oleh kerajaan. Badan-badan pendakwah agama Methodist dan Roman Katolik ada juga membuka beberapa buah rumah sakit yang kecil.

Di Sabah, ada dua buah Rumah Sakit Otak yang mempunyai 1323 buah tempat tidur, 12 buah gedung ubat bagi merawat pengidap-pengidap penyakit ringan dan juga 18 buah gedung ubat khas untuk rawatan luar, enam buah kereta ubat dan dua buah pusat kesihatan dalam bandar.

Setengah pendakwah agama dan badan sukarela juga memberi kemudahan-kemudahan perubatan dan mendirikan gedung-gedung atau rumah-rumah sakit kecil. Pusat-pusat perkhidmatan bersalin dan kebajikan kanak-kanak ada diberi di pusat-pusat kesihatan bandar di Jesselton dan Sandakan dan di 46 buah klinik di seluruh negeri itu. Rancangan-rancangan juga dibuat untuk membina rumah-rumah sakit baharu di Lahad Datu dan Tawau, sebuah Rumah Sakit Otak di Jesselton dan sebuah pusat kesihatan kecil di Keningau.

Dalam semua wilayah Malaysia, keutamaan adalah diberi untuk meluaskan dan memajukan perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan di kawasan-kawasan luar bandar. Perkhidmatan-perkhidmatan yang lain seperti klinik gigi, perbidanan, kebajikan kanak-kanak dan perkhidmatan perubatan di sekolah-sekolah juga diperluaskan. Kemudahan-kemudahan untuk melatih jururawat-jururawat juga diadakan di rumah-rumah sakit di seluruh negara.

Di Fakulti Perubatan di Universiti Singapura, kuliah-kuliah perubatan pergigian dan ilmu membuat ubat atau farmasi ada diberi. Rancangan-rancangan sedang dibuat untuk mengadakan kuliah-kuliah perubatan di Universiti Malaya, Kuala Lumpur dan sebuah rumah sakit mengajar sedang dibina berhampiran dengan universiti itu. Tabib gigi mendapat latihan di Sekolah Pergigian di Singapura dan jururawat-jururawat gigi dan ahli-ahli tekniknya dilatih di Sekolah Pergigian Persekutuan, Pulau Pinang.

Sungguhpun begitu, untuk beberapa tahun lagi, Malaysia masih bergantung kepada sekolah-sekolah perubatan di seberang laut untuk melatih doktor-doktor. Kursus-kursus perubatan lanjutan bagi mereka yang sudah tamat belajar, hampir keseluruhannya bergantung kepada latihan-latihan di seberang laut. Ramai graduan perubatan yang telah lulus menyambung pengajian mereka di universiti-universiti dan rumah-rumah sakit mengajar di seluruh Komanwel.

Berkenaan dengan langkah-langkah mencegah penyakit demam malaria, penemuan dan percubaan awal oleh Sir Ronald Ross dalam tahun 1888 tentang penyakit itu, telah dilanjutkan. Kempen-kempen mencegah penyakit malaria kini diperluaskan ke seluruh negeri secara beransur-ansur.

Selepas Perang Dunia Kedua, pakar-pakar dalam bidang perubatan telah membuat percubaan dan mencipta ubat-ubat baharu untuk membunuh serangga perosak dan pembawa penyakit. Ubat-ubat penyembur yang dirumus dengan penemuan-penemuan baru seperti BHT dan DHT dapat mencegah tanam-tanaman daripada serangan serangga dengan lebih berkesan lagi berbanding dengan ubat-ubat lama yang lebih mahal harganya.

Di Sabah, satu projek mencegah penyakit demam malaria anjuran bersama kerajaan dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia serta Tabung Kanak-kanak Bangsa-bangsa Bersatu telah dimulai dalam tahun 1955, iaitu pada masa kawasan luar bandar sedang teruk diserang oleh demam malaria.

Projek ini sangat berjaya dan kawasan tersebut telah dibersihkan daripada penyakit itu. Adalah diharapkan penyakit itu akan hapus sama sekali menjelang tahun 1968. Sarawak ada juga menjalankan kempen membasmi malaria dan penyakit demam malaria dan usaha ini juga telah berjaya. Sungguhpun begitu, sehingga kini, kempen-kempen ini masih diperkuatkan lagi. Rancangan-rancangan selanjutnya sedang dibuat dengan kerjasama Pertubuhan Kesihatan Sedunia.

Kempen-kempen melawan batuk kering sedang diperluaskan. Beberapa pasukan ditugaskan untuk memeriksa kanak-kanak. Kempen-kempen menyuntik ubat BCG telah dijalankan di samping mengesan penyakit dengan menggunakan sinar-X. Tetapi, yang lebih berkesan lagi ialah mewujudkan kawasan-kawasan dan rumah-rumah yang lebih baik dan selesa seperti mengurangkan kesesakan dan kekotoran di bandar-bandar yang sangat ramai penduduknya.

Di Kuala Lumpur, Rumah Sakit Batuk Kering Lady Templer didirikan khas untuk merawat pengidap-pengidap penyakit ini. Rumah sakit yang didirikan oleh sebuah badan persendirian ini mempunyai 250 buah tempat tidur. Rawatan dengan jalan pembedahan adalah diutamakan. Kempen-kempen juga dijalankan untuk mencegah penyakit puru, iaitu suatu jenis penyakit yang selalu dihidapi oleh orang-orang yang tinggal di kampung-kampung di tepi sungai di Malaysia. Kempen melawan penyakit ini terbukti berhasil kerana jumlah pengidapnya telah banyak berkurangan.

Penyakit-penyakit yang lain seperti sakit kerongkong, lumpuh, taun dan cirit-birit berlaku dari semasa ke semasa sahaja. Kempen-kempen mengelakkan diri daripada penyakit-penyakit ini telah dijalankan di mana-mana perlu, tetapi pada amnya, penyakit-penyakit itu tidak membahayakan sangat kepada orang ramai.

Pusat Penyelidikan Perubatan Kuala Lumpur telah ditubuhkan pada tahun 1900. Pusat ini telah memainkan peranan yang penting dalam menentukan, merawat dan mencegah demam malaria dan demam-demam lain yang kerap menyerang penduduk di negara ber-hawa panas seperti di negara ini. Selain itu, pusat ini juga menjalankan kerja yang mustahak dalam usaha-usaha membaiki zat makanan dan dalam tugas mencari antibiotik yang baharu. Pusat itu mempunyai sebuah cawangan Jabatan Perubatan yang diselenggarakan oleh kerajaan.

Dari segi pendidikan pula, sekolah-sekolah Melayu dan Inggeris telah dibina oleh kerajaan semenjak hujung abad kesembilan belas lagi. Tetapi, badan-badan pendakwah agama Kristian juga ada menjalankan tugas yang sama dalam bidang ini, terutamanya dalam pelajaran Inggeris. Sementara itu, orang-orang Cina yang mengikut tradisi mereka yang menghormati pelajaran telah juga mendirikan sekolah-sekolah bahasa Cina. Sungguhpun begitu, selepas tahun 1911, cara yang lama yang menitikberatkan kepada pelajaran klasik Cina telah ditinggalkan dan digantikan dengan pendidikan secara moden.

Selepas tahun 1920, kebanyakan sekolah Cina telah menggunakan bahasa Kuo-Yu (Mandarin), iaitu bahasa kebangsaan Cina sebagai bahasa pengantar. Sekolah-sekolah Tamil di Tanah Melayu kebanyakannya didirikan di ladang-ladang yang mempunyai banyak buruh India. Pada mulanya, tarafnya tidaklah tinggi, tetapi selepas tahun 1930 apabila kerajaan mula memeriksa kedudukannya, maka tarafnya pun semakin meningkat.

Masalah utama dalam bidang pelajaran di Malaysia ialah bahasa. Pada masa ini, ada empat bahasa pengantar pelajaran, iaitu bahasa Melayu, Inggeris, Cina dan India. Di Sabah, loghat atau dialog Dusun juga ada diajar, tetapi bahasa Inggeris diajar di semua sekolah. Bahasa Inggeris merupakan bahasa yang amat berguna bagi memupuk perpaduan pada masa itu. Bahasa-bahasa lain cuma digunakan oleh kaum masing-masing. Pelajaran menengah pada masa dahulu hanya terdapat di sekolah-sekolah Inggeris dan Cina. Tetapi, pada masa kini sedang dimajukan ke dalam bahasa Melayu.

Di Tanah Melayu, oleh sebab bahasa Melayu telah diiktiraf sebagai Bahasa Kebangsaan, maka dasar pelajaran telah diubah sedikit. Penggunaan bahasa Melayu diwajibkan di setiap sekolah bantuan kerajaan. Tujuannya adalah supaya menerusi penggunaan bahasa tersebut, semangat kebangsaan dan perpaduan dapat dipupuk.

Akta pelajaran telah menyatakan bahawa polisi pelajaran selepas merdeka adalah seperti berikut:

"Dasar Pelajaran Persekutuan ialah untuk mewujudkan suatu sistem Pelajaran Kebangsaan yang boleh diterima oleh semua rakyat dan yang boleh memenuhi keperluan-keperluan mereka dan memajukan kebudayaan, kemasyarakatan, ekonomi dan politik mereka sebagai warganegara suatu negara. Dasar ini bertujuan untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan negara ini, sambil memelihara dan memajukan bahasa dan kebudayaan orang-orang bukan Melayu yang tinggal di negara ini."

Dasar ini telah dikelolakan secara langsung oleh kerajaan dan dua jenis sekolah di Tanah Melayu terbabit dengan dasar yang baru ini. Selepas tahun 1961, sebarang sekolah yang tidak mengikut dasar ini tidak akan diberi bantuan.

Berhubung dengan bahasa pengantar, kehendak-kehendak ibu bapa mestilah diambil kira. Pelajaran agama mestilah diberi kepada murid-murid Islam oleh guru-guru yang disahkan oleh kerajaan. Kelas-kelas yang mempunyai lebih daripada 15 orang murid Islam diwajibkan mengadakan kelas-kelas agama Islam dan gaji gurunya adalah ditanggung oleh kerajaan negeri.

Dasar Pelajaran Negara adalah luas dan maju. Sungguhpun bahasa Melayu dan Inggeris, untuk sementara ini ialah perkara-perkara yang dimestikan, bahasa-bahasa lain boleh digunakan juga sebagai bahasa pengantar. Maka oleh itu, terhapuslah kebimbangan yang kebudayaan kaum-kaum lain dalam negeri ini akan hilang. Tidak ada sedikit pun syak bahawa bahasa Inggeris yang diakui sebagai bahasa ilmu yang baik akan terus memainkan peranannya untuk memajukan pelajaran dan kemakmuran rakyat. Dalam pada itu, murid-murid daripada semua kaum diberi peluang belajar bahasa ibunda mereka sendiri.

Di Tanah Melayu, perbelanjaan kerajaan untuk pelajaran telah bertambah sebanyak MS107.2 juta dalam tempoh enam tahun semenjak merdeka pada tahun 1957. Ini menjadikan jumlah perbelanjaan untuk pelajaran dalam tahun 1963 meningkat kepada MS230 juta, iaitu hampir-hampir sesuku daripada jumlah perbelanjaan tahunan negara yang sebanyak MS970 juta itu.

Kemajuan-kemajuan besar yang telah dicapai dalam lapangan pelajaran semenjak merdeka dapat dilihat daripada perbandingan angka-angka berikut:

Jumlah Murid/Guru dan Sekolah	Tahun 1955	Tahun 1963
Murid-murid dalam Sekolah Rendah yang Dibantu	719 282	1 147 856
Murid-murid dalam Sekolah Menengah yang Dibantu	59 818	155 143
Guru-guru dalam Sekolah Rendah dan Menengah	29 400	50 539
Sekolah-sekolah Rendah dan Menengah	4682	5239

Kemajuan kelas-kelas pelajaran lanjutan juga terus berjalan dengan pesatnya. Lebih kurang 46 000 orang murid sedang mengikuti pelajaran dalam darjah-darjah ini di seluruh negara.

Di Singapura, dalam tahun 1960, terdapat seramai 337 189 orang murid yang menerima pelajaran peringkat rendah dan menengah di sekolah-sekolah kerajaan dan sekolah yang dibantu oleh kerajaan. Daripada jumlah ini, 280 949 orang adalah di sekolah-sekolah rendah. Seramai 1871 orang murid lagi belajar di sekolah yang menggunakan bahasa Inggeris/Cina. Selain ini, terdapat 12 701 murid dalam 91 buah sekolah-sekolah persendirian.

Di Sarawak, dalam tahun 1961, seramai 108 821 orang murid menerima pelajaran rendah dan menengah. Daripada jumlah tersebut, 96 145 orang murid menerima pelajaran peringkat rendah dalam 862 buah sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan. Seramai 1432 orang murid lagi belajar dalam 25 buah sekolah rendah yang tidak dibantu dan 1911 orang murid dalam sekolah menengah yang tidak dibantu. Seramai 44 202 daripada murid sekolah rendah belajar dalam bahasa Cina, manakala yang selebihnya dalam bahasa Inggeris atau bahasa bumiputera. Seramai 4948 orang daripada murid-murid sekolah menengah menerima pelajaran dalam bahasa Cina dan selebihnya dalam bahasa Inggeris.

Pelajaran peringkat rendah di Sabah diajar dalam bahasa Inggeris, Melayu, Cina dan dialog Dusun. Pelajaran peringkat menengah pula diajarkan dalam bahasa Inggeris dan Cina sahaja. Jumlah murid-murid dalam tahun 1961 ialah seramai 56 285 orang. Mereka belajar dalam 93 buah sekolah rendah kerajaan dan 311 buah sekolah rendah bantuan kerajaan. Seramai 4349 orang murid sekolah menengah belajar dalam lima buah sekolah kerajaan, iaitu tiga buah sekolah menengah Inggeris dan dua buah sekolah menengah Cina serta

di 23 buah sekolah menengah bantuan kerajaan, iaitu 19 buah sekolah Inggeris dan empat buah sekolah Cina.

Perguruan Teknik Peringkat Tinggi dikendalikan oleh Maktab Teknik Kuala Lumpur dan Politeknik Singapura. Sekolah Teknik (Pertukangan) Rendah banyak terdapat di seluruh Tanah Melayu, di Kuching dan Jesselton di wilayah-wilayah Borneo. Ada beberapa buah maktab saudagar yang memberi kursus dalam perkara-perkara perdagangan dan beberapa buah pusat memberi pelajaran-pelajaran pertukangan pada sebelah petang.

Maktab pertanian terdapat di Kuala Lumpur dan sebuah sekolah perkapalan terdapat di Kuching. Lembaga Kemajuan Perusahaan dan Luar Bandar atau Rural and Industrial Development Authority, ringkasnya RIDA memberi tunjuk ajar dan pelajaran-pelajaran khas kepada petani, nelayan dan kaum-kaum ibu di pusat-pusat kampung di samping memberi kursus-kursus perdagangan di beberapa buah maktab di Kuala Lumpur.

Selepas Perang Dunia Kedua, ramai guru dari Tanah Melayu telah menerima latihan perguruan daripada dua buah Maktab Perguruan di United Kingdom. Pada masa ini, hanya satu yang tinggal, iaitu Pusat Latihan Ilmu Khas¹². Kemudahan-kemudahan melatih guru-guru bertambah di Tanah Melayu. Pada masa ini, ada beberapa buah maktab perguruan di Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Kota Bahru dan Melaka. Maktab perguruan¹³ di Kuala Lumpur melatih guru-guru khas tentang bahasa. Di samping itu, terdapat 12 buah pusat perguruan yang melatih guru-guru untuk mengajar di sekolah rendah. Kursus Pendidikan juga diberikan di Universiti Malaya.

Di Singapura, guru-guru dilatih di Universiti Singapura. Di wilayah-wilayah Borneo, terdapat dua buah Pusat Latihan Guru (Inggeris dan Cina), sebuah di Kuching dan sebuah lagi di Pusat Perguruan Kent College, Tuaran, Sabah. Maktab Kent memberi kursus dalam bahasa Melayu, Cina dan Inggeris.

Universiti Malaya telah didirikan pada tahun 1949,¹³ iaitu dengan menyatukan Raffles College dan King Edward VII College of Medicine. Dalam tahun 1957, satu cawangan universiti itu telah didirikan di Kuala Lumpur dan telah mendapat kemajuan yang

¹² "Pembukaan Rasmi Maktab Perguruan Bahasa pada 4 Julai 1959", Hari Ini dalam Sejarah, Jilid II, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur 1981 m.s. 253.

¹³ "Penubuhan Universiti Malaya pada 31 Mac 1949", Hari Ini dalam Sejarah, Jilid I, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur 1980 m.s. 263.

cemerlang.¹⁴ Dalam tahun 1962, cawangan Kuala Lumpur telah berpindah dari pusatnya di Singapura dan disebut Universiti Malaya.

Universiti Singapura mempunyai jurusan-jurusan sastera, sains, undang-undang, perubatan yang termasuk ubat-ubatan, pergigian, ilmu membuat ubat-ubat atau farmasi dan pendidikan. Bilangan penuntut dalam tahun 1960 ialah 1641 orang. Universiti Malaya di Kuala Lumpur mempunyai jurusan sastera, sains, pertanian dan kejuruteraan. Universiti ini mempunyai seramai 1010 orang penuntut. Di Singapura, ada Universiti Cina yang dipanggil Universiti Nanyang. Universiti ini menyediakan kursus-kursus sastera, sains dan perniagaan. Jumlah penuntutnya dalam tahun 1961 ialah seramai 1861 orang.

Di wilayah-wilayah Borneo, tidak ada sebarang universiti, tetapi kerajaan kedua-dua negeri di wilayah itu memberi biasiswa kepada penuntut-penuntutnya untuk belajar di universiti-universiti di seberang laut. Biasiswa-biasiswa seberang laut juga diberikan oleh kerajaan Tanah Melayu, Singapura dan kerajaan-kerajaan negeri. Tidak syak lagi pada sedikit masa yang akan datang ini, Malaysia, amnya perlu menambah kemudahan-kemudahan pelajaran peringkat universiti supaya lebih banyak lagi pelajarannya dapat belajar di dalam negeri. Pada masa ini, terdapat lebih daripada 4000 orang penuntut Malaysia yang belajar di Australia dan seramai itu juga di United Kingdom.

Di Tanah Melayu dan Singapura, Jabatan-jabatan Kebajikan Masyarakat menumpukan tugasnya kepada menjaga kebajikan kanak-kanak dan orang tua serta yang tidak berupaya, melatih mereka yang cacat tubuh badannya, kebajikan am dan memberi bantuan kepada pertubuhan-pertubuhan sukarela serta memajukan pergerakan mudamudi. Di Sarawak dan Sabah, Majlis-majlis Kebajikan Masyarakat juga wujud. Badan-badan sukarela ini mendapat bantuan daripada kerajaan atau Lembaga Loteri Negara.

Dalam setengah-setengah wilayah, terdapat Sekolah Budakbudak Nakal. Majlis-majlis Kebajikan Masyarakat di Sarawak dan Sabah bekerjasama dengan kerajaan-kerajaan negeri masing-masing bagi menyusun polisi dan mengagihkan wang kepada pertubuhan-pertubuhan sukarela yang ada di dalam wilayah-wilayah itu.

¹⁴"Sesi pertama pengajian di Universiti Malaya Bahagian Kuala Lumpur pada 25 Mei 1959", Hari Ini dalam Sejarah, Jilid II, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur 1980 m.s. 207.

Peruntukan itu didapati daripada kerajaan, Lembaga Loteri dan kegiatan-kegiatan perjudian lain yang diluluskan oleh kerajaan.

Perlunya mengadakan rancangan-rancangan keselamatan masyarakat telah sangat dirasai terutamanya di kawasan yang telah maju di Tanah Melayu dan Singapura daripada kawasan luar bandar pada amnya. Pekerja-pekerja kerajaan di semua wilayah menerima pencen. Di Tanah Melayu ada peraturan yang mewajibkan pembayaran kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau *Employees Provident Fund (EPF)*. Tujuan EPF diadakan ialah untuk menyediakan bekalan pada masa tua bagi pekerja-pekerja yang tidak termasuk dalam golongan pekerja yang mendapat pencen.

Peraturan seperti ini juga dijalankan di Singapura dan kedua-dua wilayah ada sistem ganti rugi bagi pekerja-pekerja. Di seluruh Malaysia, rawatan perubatan percuma diberikan kepada pekerja-pekerja yang memerlukan.

Dasar Luar dan Perhubungan Luar

Malaysia atau dahulunya Persekutuan Tanah Melayu akan terus mengamalkan dasar luar yang sama dan memelihara perhubungan persahabatan dengan semua negara. Dasar luar Tanah Melayu yang bebas pada masa dahulu adalah berpandukan kepada prinsip-prinsip utama seperti berpegang kuat kepada Piagam Bangsa-bangsa Bersatu, menolong orang-orang yang dijajah mendapatkan kebebasan dan kedaulatan penuh, berbaik-baik dengan negara-negara jiran dengan berusaha bersungguh-sungguh bagi mengukuhkan perhubungan ekonomi dan kebudayaan dengan mereka, bekerjasama erat dengan semua negara sahabat dan memberi sumbangan sepenuhnya untuk memajukan dan memelihara keamanan dan kemakmuran dunia. Dengan tertubuhnya Malaysia, maka kalimah "Persekutuan Tanah Melayu" atau "Malaya" yang terdapat dalam buku ini bertukar kepada Malaysia.

Sebagai sebuah negara baharu, Persekutuan Tanah Melayu telah sentiasa memberi dan tidak syak lagi, Malaysia akan terus memberi bantuan untuk mencapai cita-cita murni rakyat dalam dunia ini, iaitu untuk mendapatkan kebebasan dan kemerdekaan daripada penjajahan dengan apa cara sekalipun. Pendirian yang nyata dalam menentang penjajahan adalah hakikat yang mustahak dalam dasar luar negara kita.

Dalam hal ini, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam titah Dirajanya semasa membuka Parlimen pada 25 April 1962 dahulu telah menegaskan, "Berkenaan dengan penjajahan, Kerajaan Persekutuan suka menegaskan lagi



Dato' Dr. Ismail bersama Sir Leslie Munro, Pengerusi Majlis Bangsa-bangsa Bersatu semasa menaikkan bendera Tanah Melayu selepas Tanah Melayu diterima sebagai Ahli Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. (Gambar ihsan Arkib Negara)

pendiriannya yang nyata, iaitu kerajaan menentang sebarang corak penjajahan oleh mana-mana negara ke atas negara lain dalam mana-mana bahagian dunia ini. Penjajahan hendaklah dihapuskan buat selama-lamanya".

Dalam suatu ucapannya di Perhimpunan Bangsa-bangsa Bersatu yang keempat belas, dalam tahun 1959 dahulu, Menteri Hal Ehwal

Luar Tanah Melayu ke Bangsa-bangsa Bersatu telah mencurahkan perasaan yang serupa apabila beliau menyatakan, "Munculnya fahaman kebangsaan yang sejati itu waimma di mana-mana pun mestilah diakui. Fahaman kebangsaan di Persekutuan Tanah Melayu ialah suatu emosi yang tidak dapat disekat-sekat. Ia telah menguasai fikiran pemimpin-pemimpin politik negara kami yang pada suatu masa dahulu telah dikongkong oleh kuasa-kuasa Barat."

Kerajaan sekarang percaya, iaitu satu daripada jalan untuk mencapai keamanan ialah melalui perlucutan senjata. Keadaan aman sekarang adalah khayalan sahaja. Dunia sekarang terdedah kepada ancaman perang nuklear di antara Amerika Syarikat dan kuncukuncunya di satu pihak dan Soviet Russia dan negara-negara blok komunis di pihak yang lain. Hal ini amat membimbangkan.

Pendirian kerajaan berkenaan dengan perlucutan senjata adalah tertakluk kepada prinsip yang perlucutan senjata itu mestilah tetap dan keselamatan tiap-tiap negara terjamin di masa perjanjian itu berjalan. Untuk mengamalkan prinsip ini satu perjanjian perlu diadakan terlebih dahulu dengan peraturan-peraturan pelaksanaan perlucutan senjata itu dimaktubkan. Pihak-pihak yang terlibat kemudiannya mestilah berjanji untuk mematuhi perjanjian itu. Usaha ke arah ini bukan hanya terserah kepada pihak-pihak yang terlibat tetapi juga kepada semua negara anggota Bangsa-bangsa Bersatu.

Suatu perjumpaan untuk menandatangani Perjanjian Menghentikan Ujian Senjata Nuklear telah berlangsung di Moskow tidak lama dahulu. Sungguhpun hanya sebahagian sahaja daripada perkara-perkara yang dipersetujui telah disentuh, namun Tanah Melayu telah mengalu-alukan dan menyifatkannya sebagai suatu kejayaan. Tanah Melayu juga berpendapat ia merupakan satu langkah yang tepat ke arah mencapai Perjanjian Perlucutan Senjata yang muktamad. Tanah Melayu telah turut menandatangani perjanjian itu kerana kerajaan berpendapat ia adalah bertepatan dengan cita-cita negara untuk mengalakkan keamanan dan muhibah di kalangan semua bangsa.

Kerajaan sekarang berazam untuk berpegang teguh kepada Piagam Bangsa-bangsa Bersatu yang menghormati prinsip hak asasi manusia dan kebebasan untuk semua, tidak kira bangsa dan warna kulit. Oleh itu, kerajaan menganggap Dasar Apartheid (dasar perbezaan warna kulit) yang diamalkan oleh Kerajaan Afrika Selatan itu bukan sahaja tidak diinginkan, tetapi amat dibenci oleh Tanah Melayu.

Pendirian Tanah Melayu menentang apartheid bukan sahaja disuarakan di Bangsa-bangsa Bersatu, tetapi juga dalam Pertubuhan

Komanwel. Tanah Melayu telah memainkan peranan yang giat dalam hal ini. Langkah utama yang diambil oleh Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman Putra ialah mengutuk dasar perbezaan kaum dan warna kulit yang diamalkan oleh Kerajaan Afrika Selatan itu dalam Persidangan Perdana Menteri Komanwel pada tahun 1960¹⁵ dahulu. Akibatnya, Afrika Selatan telah keluar dari Komanwel. Sebagai langkah yang berikutnya, Kerajaan Persekutuan telah menyekat kemasukan semua barang-barang dari Afrika Selatan ke negara ini.

Kerajaan sekarang berpendapat bahawa bukan sahaja China Komunis, tetapi China Kebangsaan tidak boleh mendakwa mewakili seluruh rakyat Cina. Oleh itu, negara ini tidak mengiktiraf kedua-duanya, tetapi kerajaan bersedia untuk menyokong kemasukan China Komunis ke dalam Bangsa-bangsa Bersatu, jika China Kebangsaan dibenarkan menganggotai pertubuhan yang sama sebagai wakil Farnosa.

Tidak seorang pun boleh menyangkal bahawa China Komunis menguasai Tanah Besar China, manakala China Kebangsaan hanya menguasai Farnosa. Maka, oleh sebab itu, kerajaan sekarang hendak melihat supaya kedua-duanya mewakili negara masing-masing dalam Bangsa-bangsa Bersatu. Harus difahami benar-benar bahawa Tanah Melayu menyokong China Komunis masuk ke dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bukanlah bermakna Tanah Melayu menghina China Komunis atau bersetuju dengan cara pemerintahan yang ada pada masa ini di Tanah Besar China. Tanah Melayu menyokong kemasukan China Komunis atas alasan negara yang mengandungi 600 juta penduduk itu tidak diwakili di Pertubuhan Dunia. Dengan hal yang demikian, adalah mustahil badan antarabangsa itu dapat melaksanakan sebarang rancangannya tanpa penyertaan negara yang terbesar bilangan penduduknya, terutama dalam perkara-perkara yang ada kena-mengena dengan keamanan dan keselamatan dunia seperti masalah pelucutan senjata. Mengenai perkara yang terakhir ini, kemajuan yang menggalakkan telah pun tercapai di antara kuasa-kuasa besar.

Sebagai sebuah negara merdeka dan berdaulat, Tanah Melayu pada masa sekarang ada membuat perjanjian dengan beberapa negara yang dipilih dan yang dipercayainya atas dasar perjanjian-perjanjian itu boleh mendatangkan faedah kepada negara-negara yang terlibat.

¹⁵ "Pemulihan ekonomi terhadap Afrika Selatan pada 7 Julai 1960", Hari Ini dalam Sejarah, Jilid III, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur 1983 m.s. 23.

Perjanjian persahabatan yang pertama telah dibuat oleh Persekutuan Tanah Melayu dengan Indonesia dalam tahun 1959. Perjanjian-perjanjian yang lain termasuklah Perjanjian Pertahanan dan Bantu-membantu dengan United Kingdom dalam tahun 1957 dan Perjanjian-perjanjian Perdagangan dengan Australia, New Zealand, Jepun, Republik Arab Bersatu dan Korea.

Sebagai ahli Komanwel, Malaysia menikmati banyak peluang dan kemudahan dari negara-negara ahli pertubuhan itu dan Malaysia akan terus menyokong Komanwel. Malaysia juga akan terus mengambil bahagian yang cergas dalam kegiatan golongan Afro-Asian di Bangsa-bangsa Bersatu.

Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Tanah Melayu, Filipina dan Indonesia di Manila dari 30 Julai hingga 5 Ogos 1963 telah bersetuju antara lain bahawa negara-negara yang terikat bersama oleh sejarah, keturunan dan kebudayaan itu hendaklah berusaha menubuhkan satu persatuan yang dipanggil Maphilindo. Perundingan yang kerap di semua peringkat akan diadakan di antara ketiga-tiga buah negara itu berdasarkan persetujuan memelihara perhubungan persaudaraan. Matlamat pakatan ini seterusnya adalah untuk mengukuhkan dan memajukan kerjasama di antara rakyatnya dalam pelbagai lapangan termasuk lapangan ekonomi, kemasyarakatan dan kebudayaan.

Menerusi persatuan ini tidak bermakna yang ketiga-tiga negara itu akan menyerahkan sebarang bahagian daripada kedaulatan dan kebebasannya. Ini juga tidak bermakna negara-negara itu hendak menubuhkan suatu badan kebangsaan tertinggi. Setiap negara akan menubuhkan Pejabat Setiausaha Kebangsaannya untuk urusan Maphilindo supaya dapat menggerakkan kerjasama dan penyusunan yang rapi di antara ketiga-tiga buah negara itu.

ASA, iaitu *Association of Southeast Asia Countries* atau Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara telah ditubuhkan pada 31 Julai 1961. Persatuan ini bertujuan untuk memajukan ekonomi dan kebudayaan di antara Filipina, Thailand dan Persekutuan Tanah Melayu. Cita-cita dan objektif persatuan itu ialah untuk:

- (a) Menubuhkan suatu badan perundingan persahabatan, kerjasama dan bantu-membantu dalam lapangan ekonomi, kemasyarakatan, kebudayaan, penyiaran dan pentadbiran.
- (b) Memberi latihan dalam bidang pelajaran, pekerjaan, teknik dan pentadbiran serta kemudahan-kemudahan penyelidikan dalam negara masing-masing untuk faedah bersama.

- (c) Bertukar-tukar penerangan atas perkara-perkara kepentingan bersama atau berkenaan dengan bidang ekonomi, kebudayaan, pelajaran dan sains.
- (d) Bekerjasama dalam memajukan bidang pelajaran di Asia Tenggara.
- (e) Menubuhkan satu badan untuk bekerjasama bagi memajukan pertanian, perusahaan, perdagangan, kemudahan-kemudahan pengangkutan dan perhubungan yang secara langsung untuk meningkatkan taraf hidup penduduk di negara-negara berkenaan.
- (f) Bekerjasama dalam mengkaji masalah perdagangan antarabangsa.
- (g) Berunding dan bekerjasama antara satu dengan lain supaya terlaksana cita-cita dan tujuan-tujuan persatuan itu dan memberi sumbangan yang lebih berkesan terhadap pertumbuhan-pertumbuhan dan badan-badan antarabangsa.

Satu kemajuan besar telah didapati dalam lapangan kebudayaan dan ekonomi. Beberapa projek sedang dalam pertimbangan pada masa ini termasuk penubuhan jalan udara bersama ASA bagi perkhidmatan ke ketiga-tiga buah negara itu. Tabung bersama ASA telah pun dibentuk bagi membiayai sesetengah projek itu. Penubuhan Maphilindo tidak akan menjejaskan ASA kerana tujuan kedua-duanya boleh dikatakan lebih kurang sama.

Sungguhpun kerajaan mengutuk pencerobohan oleh sesebuah negara ke atas sesebuah negara yang lain, tetapi negara berpendapat, jika ada perselisihan di antara dua buah negara, maka pergaduhan itu hendaklah diselesaikan dengan cara aman. Berpegang kepada hakikat ini, kerajaan berpendapat penyerangan ke atas India oleh China baharu-baharu ini adalah suatu pencerobohan ke atas Wilayah India.

Oleh hal yang demikian, kerajaan berharap pergaduhan ini dapat diselesaikan dengan jalan rundingan yang aman atas syarat-syarat yang boleh diterima oleh India. Penyerangan China itu bukan sahaja melanggar kedaulatan India, tetapi merupakan suatu ancaman kepada negara-negara demokrasi yang lain. Rakyat Tanah Melayu menghargai demokrasi dan bersimpati ke atas beribu-ribu orang rakyat India yang menanggung kesengsaraan. Berikutan serangan itu, Kerajaan Malaysia telah menderma lebih daripada sejuta rupiah untuk menolong mangsa-mangsa pencerobohan itu.



Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman Putra (duduk kiri) bergambar beramai-ramai semasa Mesyuarat Menteri Luar ASA di Bangkok, Thailand. (Gambar ihsan Arkib Negara Malaysia)

Persekutuan Tanah Melayu dengan sokongan India telah berjaya memajukan satu usul kepada Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu yang Keempat belas dalam tahun 1959, iaitu mengutuk tindakan China Komunis di Tibet sebagai satu pencerobohan yang terang ke atas hak asasi dan kebebasan manusia.

Tanah Melayu telah juga memainkan peranan yang cergas dalam masalah gangguan Russia terhadap Hungary. Wakil Tetap Tanah Melayu ke Bangsa-bangsa Bersatu telah berkata, "Pencerobohan atas hak asasi manusia dan kebebasan tentangan Soviet Union dan pihak yang berkuasa di Hungari adalah terang-terang menentang fikiran batin manusia".

Tanah Melayu juga bersekutu dengan Kumpulan Afro-Asia dalam memajukan usul menyesali tindakan penindasan di Angola. Sambil menyeru pihak yang berkuasa, iaitu Portugis menghentikan perbuatan tersebut. Tanah Melayu ialah sebuah daripada lima buah negara yang dilantik oleh Yang Dipertua Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu berhubung dengan masalah Angola.

Tanah Melayu juga merupakan salah sebuah negara yang mula-mula membantu Bangsa-bangsa Bersatu dalam memulihkan keamanan dan keadaan di Congo. Tanah Melayu telah mengirinkan lebih dari-

pada satu batalion askar untuk menolong Bangsa-bangsa Bersatu menjalankan tugasnya di negara tersebut. Pada masa yang sangat genting itu, sesetengah daripada negara yang telah mengirinkan tenteranya ke situ telah mengancam hendak menarik balik askar-askar mereka. Tetapi, Tanah Melayu berdiri tetap di samping Bangsa-bangsa Bersatu dan menyokong kuat dengan menghantar askar tambahan lagi menjadikan jumlah Pasukan Khas Tanah Melayu di Congo kepada satu brigade penuh.

Selain bantuan tentera, kerajaan Tanah Melayu juga telah memainkan peranan diplomatiknya dalam menyelesaikan masalah Congo. Tanah Melayu mempunyai wakil dalam jawatankuasa yang dilantik untuk menasihati Setiausaha Agung atas perkara ini. Wakil Tanah Melayu telah dilantik menjadi Naib Pengerusi Suruhanjaya Penyelesaian yang dibentuk oleh Setiausaha Agung Badan Dunia itu. Seterusnya Tanah Melayu telah mengiktiraf Kerajaan Pusat Congo dan menyokong semua usaha untuk memulihkan keamanan dan peraturan serta penubuhan suatu kerajaan yang bersekutu di Congo.

Sehingga kini, Tanah Melayu telah mengiktiraf 112 buah negara dalam dunia dan mempunyai perhubungan diplomatik dengan 29 buah daripadanya. Tanah Melayu mempunyai hubungan diplomatik dan konsul di negara-negara berikut:

Australia (Canberra), Perancis (Paris), Republik Persekutuan Jerman (Bonn), India (New Delhi dan Madras), Indonesia (Jakarta dan Medan), Jepun (Tokyo), Pakistan (Karachi), Filipina (Manila), Arab Saudi (Jedah), Vietnam Selatan (Saigon), Thailand (Bangkok dan Songkhla), Republik Arab Bersatu (Cairo), United Kingdom (London), Amerika Syarikat (Washington) dan di Bangsa-bangsa Bersatu (New York).

Pesuruhjaya Tanah Melayu di Australia ialah juga Pesuruhjaya Tanah Melayu di New Zealand. Duta Tanah Melayu di Perancis ialah juga duta Tanah Melayu di Switzerland dan Belgium. Persuruhjaya Tanah Melayu di India ialah juga Persuruhjaya Tanah Melayu di Ceylon dan Duta Tanah Melayu di Nepal. Pesuruhjaya Tanah Melayu di United Kingdom ialah juga Duta Tanah Melayu di Ireland. Duta Tanah Melayu di Republik Arab Bersatu ialah juga Duta Tanah Melayu di Arab Saudi. Negara-negara yang tidak diiktiraf ialah Republik China, Republik Rakyat China, Republik Rakyat Mongolia dan pemerintah-pemerintah Komunis Jerman Timur, Korea Utara dan Vietnam Utara.

Negara-negara yang mempunyai wakil diplomat di Tanah Melayu ialah Australia, Austria, Belgium, Brazil, Britain, Burma, Canada, Ceylon, Denmark, Perancis, Republik Persekutuan Jerman, Greece, India, Indonesia, Iraq, Itali, Jepun, Korea, Belanda, New Zealand, Pakistan, Filipina, Arab Saudi, Sweden, Switzerland, Thailand, Republik Arab Bersatu, Amerika Syarikat dan Vietnam. Lembaga Bantuan Teknik Bangsa-bangsa Bersatu membuka pejabatnya untuk kawasan Asia di Kuala Lumpur.

Persekutuan Tanah Melayu telah menjadi ahli pertubuhan-pertubuhan antarabangsa termasuklah pertubuhan-pertubuhan berikut:

Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) atau *United Nations Organization (UNO)*, Pertubuhan-pertubuhan di bawah naungan PBB seperti Persatuan Buruh Antarabangsa atau *International Labours Organisation (ILO)*, Pertubuhan Makanan dan Pertanian atau *Food and Agricultural Organization (FAO)*, Pertubuhan Pelajaran Sains dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu atau *United Nations Educational Scientific and Cultural Organization (UNESCO)*, Pertubuhan Kesihatan Sedunia atau *World Health Organization (WHO)*, Kumpulan Wang Antarabangsa atau *International Monetary Fund (IMF)*, Bank Antarabangsa (untuk pembinaan dan pembangunan) atau *International and Rural Development Bank (IBRD)*, Persekutuan Pembangunan Antarabangsa atau *International Development Authority (IDA)*, Perbadanan Kewangan Antarabangsa atau *International Financial Corporation (IFC)*, Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa atau *International Civil Aviation Organization (ICAO)*, Kesatuan Pos Sedunia atau *World Postal Union (WPU)*, Kesatuan Telekom Antarabangsa atau *International Telecommunication Union (ITU)*, Pertubuhan Ilmu Iklim Dunia (*WMO*), Pertubuhan Perundingan Laut Antara Kerajaan (*IMCO*), Tabung Kanak-kanak Bangsa-bangsa Bersatu atau *United Nation International Childrens Emergency Fund (UNICEF)*, Perjanjian Am Berkenaan dengan Bea dan Perdagangan atau *General Agreement of Trade Tariff (GATT)*, Suruhanjaya Ekonomi untuk Asia atau *Economic Commission of Asia and Fareast (ECAFE)*, Majlis Bijih Antarabangsa, Kumpulan Mengkaji Getah Antarabangsa dan Rancangan Colombo.

Tanah Melayu tidak menjadi ahli sebarang blok tentera dan tidak campur tangan dalam sebarang pakatan pertahanan bersama daerah. Ia juga tidak menjadi ahli Pertubuhan Pakatan Tenggara Asia (SEATO).

Hak Kemanusiaan (*Human Rights*)

Setiap manusia mempunyai hak-hak¹⁶ seperti berikut:

1. Semua manusia daripada semula jadinya adalah merdeka, mempunyai darjat dan hak yang sama. Semua manusia mempunyai akal dan fikiran dan pertimbangan. Maka, hendaklah wujud hubungan kasih sayang di antara satu dengan yang lain.
2. Setiap manusia mempunyai hak dan kebebasan seperti yang tersebut di dalam perisytiharan ini dengan tidak membezakan bangsa, keturunan, warna kulit, jantina, bahasa dan bangsa, agama serta fahaman politik. Tidak ada perbezaan di antara yang kaya atau miskin, tinggi atau rendah.
3. Setiap manusia mempunyai hak untuk hidup di dunia ini, mempunyai hak kebebasan dan keselamatan.
4. Tidak boleh sebarang orang dijadikan hamba atau diperhambakan. Tidak boleh berjual beli hamba sahaya dengan apa juga cara sekalipun.

¹⁶ Muhammad bin Haniff, "Kamus Politik" (Edisi Jawi) The United Press, Pulau Pinang, Cetakan kedua Februari. 49 m.s. 115-119.

Hak Kemanusiaan: Hak dasar manusia

Hak Ketuanan: Kekuasaan yang tertinggi, kekuasaan yang memutuskan sesuatu undang-undang atau tindakan yang menimbulkan perselisihan dalam sesebuah negara, maka hak ketuanan kekuasaan yang tertinggi itulah yang menjatuhkan keputusan yang terakhir.

Hak Kerakyatan: Hak menduduki dan memerintah sesebuah negeri sebagai anak negeri.

Hak Waris: Harta peninggalan orang tua-tua, hak kuasa yang diperolehi kerana pertalian darah atau keturunan.

Hak Riwayat: Hak di atas sesebuah negeri kerana telah berkurun-kurun lamanya mendiami atau memiliki negeri itu. Bangsa Arab mempunyai hak riwayat ke atas Palestin. Bangsa Melayu mempunyai hak riwayat ke atas Tanah Melayu.

5. Tidak dibenarkan sekali-kali menyiksa, menyakiti atau menghina sebarang orang atau menghukum sebarang orang dengan apa-apa jenis hukuman.
6. Setiap manusia mempunyai hak untuk diiktiraf sebagai insan (manusia) pada Undang-undang Negeri di mana-mana pun.
7. Semua manusia mempunyai hak yang sama pada Undang-undang Negeri dan mereka berhak mendapat perlindungan undang-undang negeri yang saksama. Semua orang mempunyai hak untuk dilindungi daripada perbuatan membeza-bezakan itu atau daripada hasutan memperbeza-bezakan itu.
8. Setiap manusia mempunyai hak untuk menuntut keadilan di Mahkamah Negeri jika sekiranya hak-haknya yang diberi oleh undang-undang atau oleh perlembagaan telah dicabuli atau diganggu.
9. Tidak dibenarkan menangkap, menahan, atau membuang negeri seseorang itu dengan sesuka hati atau dengan paksaan.
10. Setiap manusia mempunyai hak kebebasan dan kewajiban dan berhak menuntut keadilan di mahkamah yang merdeka untuk menentukan hak-hak dan kewajiban-kewajibannya dan berhak menuntut keadilan jika ia dituduh atas sebarang tuduhan.
11. Setiap orang yang kena tuduh mesti dipandang sebagai seorang yang tidak bersalah sehinggalah disahkan oleh Mahkamah Negeri akan kesalahannya dan setiap orang yang dituduh itu hendaklah mendapat peguam atau saksi yang diperlukan untuk pembelaannya.
Tidak dibenarkan menghukum seseorang atas sebarang tuduhan jika sesuatu yang dilakukannya tidak menyalahi undang-undang. Bagi seseorang yang telah didapati bersalah, ia tidak dibenarkan dihukum dengan hukuman yang lebih daripada yang telah ditentukan dalam undang-undang pada masa ia melakukan kesalahannya itu.
12. Tidak dibenarkan mengganggu hak persendirian seseorang atau mengganggu anak isterinya atau rumahtangganya atau surat-suratnya. Tidak dibenarkan merosakkan kehormatan atau nama sebarang orang, bahkan setiap orang berhak mendapat perlindungan Undang-undang Negeri supaya tidak terganggu hak-haknya.

13. (a) Setiap orang berhak bergerak dengan bebas, berhak mendiami sesebuah negeri.
(b) Setiap orang berhak meninggalkan sebarang negeri termasuk negeri-negerinya sendiri dan berhak balik ke negerinya.
14. (a) Setiap orang berhak mencari dan memperoleh perlindungan di negeri-negeri lain.
(b) Hak ini boleh dituntut jika pendakwaan dilakukan berlawanan dengan dasar tujuan Bangsa-bangsa Bersatu.
15. (a) Setiap orang berhak memiliki kerakyatan (*Kebangsaan atau Nationality*).
(b) Tidak dibenarkan merampas hak kerakyatan seseorang dan tidak dibenarkan sesiapa menyekat kemahuan seseorang untuk menukar kerakyatannya.
16. (a) Setiap orang, sama ada lelaki atau perempuan yang cukup umur berhak berkahwin dan beranak-pinak dengan tidak membezakan bangsa, warna kulit atau agama. Lelaki dan perempuan mempunyai hak yang sama dalam perkahwinan, dalam kehidupan bersuami-isteri dan dalam penceraian.
(b) Perkahwinan hendaklah dilakukan dengan persetujuan kedua-dua belah pihak lelaki dan perempuan.
(c) Setiap keluarga atau rumahtangga ialah asas bagi masyarakat. Dengan sebab itu, berhak ia mendapat perlindungan daripada masyarakat dan negeri.
17. (a) Setiap orang berhak memiliki harta benda sama ada secara persendirian atau berkongsi.
(b) Tidak dibenarkan merampas harta benda seseorang secara paksa.
18. Setiap orang mempunyai hak kebebasan, fikiran, pertimbangan dan kepercayaannya, sama ada hendak menukar agama seorang diri atau bersama-sama dengan orang lain, sama ada dengan berterang-terangan atau secara sulit. Dia mempunyai hak kebebasan meng-ajar agama atau kepercayaannya itu, kebebasan beribadat, ke-bebasan menyembah dan menunaikan fardu-fardu agamanya tanpa digangui.
19. Setiap orang mempunyai hak kebebasan berfikir dan bertutur dan oleh hal yang sedemikian, seseorang itu berhak berfikir, menerima dan menghebahkan perkhabaran-perkhabaran dan buah-buah fikiran-

nya melalui sebarang jalan, dengan tidak disekat oleh sebarang sempadan negeri.

20. Setiap orang mempunyai hak dan kebebasan untuk berkumpul (bersatu) atau bersyarikat dengan baik. Tidak dibenarkan orang lain memaksa seseorang memasuki sebarang persatuan.
21. (a) Setiap orang berhak turut serta di dalam pemerintahan negerinya, sama ada dengan secara langsung atau dengan perantaraan wakilnya yang dipilih secara bebas.
(b) Setiap orang mempunyai hak yang sama untuk mendapatkan jawatan pemerintahan negerinya.
(c) Kehendak rakyat adalah asas bagi kekuasaan kerajaan dan kehendak rakyat mestilah disalurkan menerusi pilihanraya pada ketika yang ditetapkan dari semasa ke semasa untuk memilih wakil-wakil rakyat. Seseorang hendaklah mendapat hak mengundi.
22. Sebagai anggota masyarakat, setiap orang berhak mendapat keselamatan dalam kehidupan dan dengan kuasa kebangsaan dan dengan sokongan bangsa-bangsa dunia dan mengikut kemampuan dan kekayaan negeri masing-masing. Setiap orang itu berhak mendapat serta menikmati sepenuhnya kemajuan ekonomi, penghidupan, pergaulan dan kebudayaan yang perlu bagi kehormatan dan kemajuan dirinya.
23. (a) Setiap orang mempunyai hak untuk mendapatkan kerja, berhak memilih kerja, berhak mendapat layanan yang baik dan berhak mendapat perlindungan supaya tidak menganggur.
(b) Setiap orang berhak mendapat gaji atau upah yang sama bagi pekerjaan yang sama berat.
(c) Setiap orang yang bekerja mempunyai hak untuk mendapat upah yang berpatutan supaya dia dan isteri serta anak-anaknya dapat hidup dengan sempurna.
(d) Setiap orang mempunyai hak untuk menubuhkan dan memasuki kesatuan-kesatuan sekerja (*Trade Union*) untuk memelihara kepentingan-kepentingannya.
24. Setiap orang mempunyai hak untuk beristirahat atau bersenang-senang diri dan mendapat ketentuan masa bekerja. Setiap orang juga berhak mendapat cuti dari semasa ke semasa dengan mendapat gaji penuh.

25. (a) Setiap orang mempunyai hak untuk mendapat kehidupan yang cukup untuk memelihara kesihatannya dan keluarganya, iaitu mendapat makanan, pakaian, rumah, rawatan doktor, pertolongan rumah sakit dan mendapat pertolongan jika dibuang kerja kerana sakit, lemah badan atau uzur, dan jika sudah tua. Perempuan yang kematian suaminya atau bercerai mestilah diberi pertolongan dan hendaklah diberi pertolongan kepada seseorang yang jatuh miskin dengan sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan olehnya.
- (b) Setiap ibu yang melahirkan anak dan kanak-kanak yang baru lahir ke dunia mestilah diberi bantuan istimewa. Setiap kanak-kanak yang lahir ke dunia sama ada secara halal atau haram mestilah mendapat perlindungan yang sama.
26. (a) Setiap orang mempunyai hak untuk mendapat pelajaran atau didikan. Pelajaran hendaklah diberikan dengan percuma sekurang-kurangnya pada peringkat permulaan. Setiap orang hendaklah diperintah supaya menuntut ilmu. Pelajaran pertukangan atau perusahaan hendaklah disediakan untuk semua orang dan pelajaran tinggi hendaklah diberikan kepada setiap orang yang berkebolehan (yang ada kemahuan dan rajin).
- (b) Pelajaran yang diberikan itu hendaklah bertujuan untuk memajukan diri seseorang dengan sepenuh-penuhnya dan mendidiknya supaya tahu menghormati hak-hak dan kebebasan-kebebasan orang lain (hak kemanusiaan). Pelajaran ini hendaklah mendatangkan persefahaman, bertolak-ansur, persahabatan di kalangan sekalian orang dan bertujuan menyokong Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk memelihara keamanan dunia.
- (c) Ibu bapa berhak memilih pelajaran yang sesuai bagi anak-anaknya.
27. (a) Setiap orang berhak untuk turut serta dalam kegiatan kebudayaan masyarakat dan berhak juga mendapat manfaat daripada kesenian dan kemajuan ilmu pengetahuan baharu.
- (b) Setiap orang berhak mendapat faedah daripada pengetahuan dan kepandaianya dan dapat perlindungan ke atas pengetahuan atau kepandaian yang diusahakannya atau yang direkannya.

28. Setiap orang mempunyai hak untuk mendapat keamanan supaya dia boleh mendapat hak-hak dan kebebasan-kebebasan tersebut di dalam perisytiharan ini.
29. (a) Setiap orang mempunyai kewajipan terhadap masyarakat kaumnya kerana kemajuan dan kesenangan dirinya bergantung kepada masyarakat itu.
- (b) Hak-hak dan kebebasan seseorang boleh dikawal oleh Undang-undang Negeri supaya tidak mengganggu hak-hak dan kebebasan orang lain dan supaya keamanan dan kebajikan orang ramai dalam masyarakat demokrasi dapat dipelihara.
- (c) Hak-hak dan kebebasan ini tidak boleh digunakan berlawanan dengan tujuan asal Bangsa-bangsa Bersatu.
30. Dalam perisytiharan ini, tidak ada sesuatu pun yang dapat ditaksirkan sebagai membenarkan sesuatu negeri atau sesuatu kumpulan melakukan sebarang perbuatan yang membinasakan sebarang hak atau hak kebebasan yang tersebut di dalam perisytiharan ini. Hak Kemanusiaan (Hak Asasi Manusia) telah dikeluarkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan Pertubuhan Bangsa-bangsa bersatu pada masa ini berusaha supaya setiap negeri menghormati hak-hak kemanusiaan ini.

PELAKSANAAN RANCANGAN TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA

Pembentukan Malaysia

Pada tahun 1957, Tanah Melayu telah mencapai kemerdekaan dan telah mengadakan pilihanraya Dewan Rakyat tiga tahun kemudiannya. Negeri Singapura yang berkerajaan sendiri telah ditubuhkan dan hasil daripada pilihanraya yang telah dijalankan, sebuah kerajaan yang ingin bersatu dengan Persekutuan Tanah Melayu telah dibentuk. Negeri Brunei telah berkuasa sendiri dan buat pertama kalinya telah mempunyai perlembagaan pilihanraya dan sebuah Majlis Undangan dengan ahli dipilih yang lebih. Sabah pun telah juga mempunyai perlembagaan yang memberi kuasa lebih kepada wakil-wakil yang dipilih, yang merupakan kumpulan terbesar Majlis Undangannya.

Maka, keempat-empat wilayah yang tersebut itu sungguhpun berbeza, namun semuanya telah maju dan menuju ke arah kebebasan, tetapi mengalami kesulitan untuk bergabung. Singapura adalah sebuah pulau kecil yang penting dari segi peperangan dan mengandungi anasir-anasir komunis yang mempunyai cita-cita yang berlawanan dengan cita-cita kerajaan di Tanah Melayu, Singapura dan United Kingdom. Dengan hal yang demikian, maka susahlah hendak dilihat bagaimana ia boleh diterima masuk ke dalam gagasan Malaysia.

Begitu juga dengan Brunei yang kecil dengan isi negerinya yang seramai 84 000 orang itu. Sungguhpun negeri itu kaya dengan minyak, tetapi ia mungkin tidak akan tenteram atau selamat sebagai sebuah negara yang berasingan. Sungguhpun Sarawak dan Sabah lebih besar, tetapi bilangan isi negerinya kecil. Oleh itu, kemungkinan kedua-dua wilayah ini mendapat kemerdekaan segera tidaklah mudah. Cadangan pergabungan Sarawak, Brunei dan Sabah untuk merdeka tidak mendapat sokongan.

Sungguhpun dalam masa 10 tahun yang sudah, banyak kemajuan yang dibuat dalam bidang pelajaran, ekonomi dan pentadbiran, tetapi wilayah-wilayah ini masih banyak bergantung kepada Pegawai-pegawai British untuk menjalankan pentadbiran yang baik.

Pada penghujung tahun 1960, Persekutuan Tanah Melayu telah mendapat kemajuan besar sebagai sebuah negara merdeka. Parti Perikatan telah mendapat kemenangan besar dalam pilihanraya pada tahun 1959. Dengan adanya parti pembangkang dalam parlimen, maka kemungkinan untuk menuju ke arah demokrasi berparlimen adalah cerah. Kemajuan besar juga didapati dalam lapangan-lapangan ekonomi dan kemasyarakatan. Kerajaan sedang melancarkan rancangan lima tahunnya dengan mengutamakan kawasan-kawasan luar bandar. Langkah meMalayakan perkhidmatan-perkhidmatan awam telah berjalan dengan licinnya. Kelicinan jentera kerajaan telah dapat menghapuskan ancaman komunis dan keadaan darurat yang telah wujud semenjak tahun 1948, pada tahun 1960. Pada akhirnya, kemerdekaan telah menghapuskan dakwaan komunis yang utama, iaitu mereka berjuang untuk membebaskan negara daripada penjajah. Orang-orang yang dahulunya bersimpati dengan penganas-penganas itu sekarang telah sedar akan kepalsuan dakyah mereka dan perjuangan mereka yang sia-sia. Negara ini telah menikmati keamanan dan keselamatan. Sekarang bolehlah negara ini menumpukan usah-usahnya kepada kemajuan masyarakat dan ekonomi dan bukan lagi untuk keselamatan.

Kerajaan Persekutuan juga sedar akan keinginan Kerajaan Singapura untuk mencapai kemerdekaan melalui Persekutuan. Sungguhpun Persekutuan Tanah Melayu tidak bersetuju dengan penyisihan Singapura dari tanah besar oleh kerajaan Inggeris, tetapi ia terpaksa menerima hakikat itu.

Persekutuan ialah sebuah negara yang mempunyai penduduk daripada pelbagai bangsa yang tinggal dalam aman dan berbaik-baik. Keadaan harmoni ini dapat dicapai terutama kerana sikap toleransi di antara dua golongan kaum yang besar. Pencantuman penuh dengan Singapura akan memincangkan perseimbangan ini. Masalah mungkin timbul apabila orang-orang Cina akan menjadi golongan terbesar dalam Persekutuan. Yang lebih berbahaya ialah percantuman itu mungkin juga membawa masuk satu golongan daripada penduduk Singapura yang terang-terang berkiblat ke China Komunis. Kemungkinan ini tentu tidak menyenangkan orang-orang di Persekutuan yang telah 12 tahun menentang penganas komunis.

Itulah kedudukannya apabila Tunku membuat satu cadangan pada 27 Mei 1961 dalam ucapannya yang bersejarah di suatu majlis makan Persatuan Penulis-penulis Luar, Asia Tenggara (*Foreign Correspondent Association of Southeast Asia*) di Hotel Adelphi, Singapura. Tunku menjadi seorang tetamu kehormat. Maka, dalam majlis inilah



Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tunku Abdul Rahman Putra sedang berbual mesra dengan Perdana Menteri Singapura, Tuan Lee Kuan Yew semasa jamuan makan tengah hari yang diberikan oleh Persatuan Penulis Luar Negeri Asia Tenggara di Singapura. (Gambar ihsan Arkib Negara Malaysia)

Tunku telah mengumumkan cadangan mengadakan kerjasama yang lebih rapat dalam bidang politik dan ekonomi. Cadangan ini dengan segera telah mendapat sambutan baik daripada pemimpin-pemimpin politik dari wilayah-wilayah yang terlibat (Singapura, Sabah, Brunei dan Sarawak) dan berpendapat bahawa Malaysia yang dicadangkan itu boleh dilaksanakan dengan segera. Mereka menganggapnya sebagai satu cara yang terbaik bagi rakyat di keempat-empat buah wilayah itu untuk mencapai kemerdekaan dengan segera.

Cadangan Tunku Abdul Rahman Putra itu mengandungi banyak faedah untuk semua wilayah, terutamanya dalam bidang ekonomi. Dengan penubuhan satu kawasan ekonomi yang luas di samping beransur-ansur menghapuskan sekatan-sekatan cukai, maka akan terbentuklah pasaran yang lebih luas bagi pengusaha-pengusaha dan pengilang-pengilang. Pasaran yang baik ini juga membolehkan penambahan pengeluaran per kapita dan meninggikan taraf hidup. Ada kemungkinan juga negara yang lebih besar akan dapat menarik lebih banyak penanam modal dari luar negara berbanding dengan penanam modal yang boleh ditarik oleh negara-negara kecil yang keadaan politiknya kurang stabil.

Selain itu, banyak faedah yang boleh diperolehi dengan jalan mengumpul bahan tenaga manusia dan bahan asli, terutamanya daripada kecekapan pelajaran dan teknik kerana di sesetengah wilayah, keadaannya masih mundur. Akhirnya, banyak faedah yang akan didapati oleh rakyat dan juga masyarakat dalam pelbagai bidang sekiranya wilayah-wilayah yang rakyatnya mempunyai banyak kesamaan dari segi sejarah dan kebudayaan itu disatukan.

Faedah-faedah politik yang dinikmati oleh negeri-negeri yang sekarang menganggotai Persekutuan Tanah Melayu ditawarkan kepada negeri-negeri baru itu. Pembentukan Malaysia merupakan langkah kesatuan tanpa menjejaskan keseimbangan kaum. Dengan kemasukan Singapura ke dalam Malaysia, maka penentangan komunis di negara itu boleh dipergiatkan dan anasir-anasir subversif yang hendak menjadikan pulau itu pangkalan komunis dapat dihapuskan.

Kepada rakyat Singapura, pembentukan Malaysia menawarkan suatu jalan yang mudah untuk mengakhiri tarafnya sebagai tanah jajahan. Hal ini juga akan menghapuskan kemungkinan Tanah Melayu meninggalkan pulau itu dan memajukan pelabuhan dan perusahaannya sendiri yang akan merugikan Singapura. Cadangan Tunku itu telah juga menghapuskan impian segolongan penduduk di pulau itu yang hendak mengekalkan cara pelajaran dan sistem berbilang-bilang bahasa mereka sekarang.

Orang-orang Sarawak, Brunei dan Sabah juga telah ditawarkan untuk mendapatkan kemerdekaan dengan secepat mungkin. Kemerdekaan itu akan membolehkan kerajaan sistem berperwakilan itu membuat perubahan-perubahan yang sihat sesuai dengan kemajuan politik rakyat. Malaysia akan juga menjadi satu benteng yang kuat untuk melawan fahaman komunis.

Persekutuan Tanah Melayu telah mencapai kemajuan yang pesat dalam bidang-bidang pertahanan dan keselamatan serta pembangunan luar bandar. Sarawak, Sabah dan Brunei boleh mendapat faedah-faedah ini sekiranya mereka menyertai Malaysia, khasnya dalam lapangan pembangunan luar bandar.

Dari segi pentadbiran pula, Persekutuan Tanah Melayu telah dapat menjalankan jentera pentadbirannya dengan licin sama ada di peringkat pusat mahupun di peringkat negeri. Kepakaran ini boleh dipanjangkan ke negeri-negeri di Borneo itu selepas Malaysia terbentuk.

Kerajaan British menyedari bahawa pembentukan Malaysia merupakan sebaik-baik kaedah di mana tanah-tanah di Asia Tenggara

Kemudian, persetujuan pada dasarnya telah dicapai dalam perundingan-perundingan di London di antara kedua-dua kerajaan berkenaan untuk penubuhan Malaysia pada 31 Ogos 1963. Butir-butir peraturan untuk menjadikan Sarawak dan Sabah sebagai negeri-negeri Malaysia termasuk perlindungan-perindungan ke atas perkara-perkara khas berkenaan dengan kedua-dua wilayah itu telah diserahkan kepada suatu Jawatankuasa Antara Kerajaan (Tanah Melayu, Britain, Sarawak dan Sabah) yang dipengerusikan oleh Lord Lansdowne (Menteri Negara bagi Hal Ehwal Tanah-tanah Jajahan British). Beliau dibantu oleh Tun Abdul Razak (Timbalan Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu).

Jawatankuasa Antara Kerajaan itu telah mengadakan mesyuarat yang pertamanya di Jesselton pada 30 Ogos 1962. Dalam mesyuarat ini, keputusan telah dicapai untuk menubuhkan lima jawatankuasa kecil bagi mengendalikan perkara-perkara yang berhubung dengan perlembagaan, kewangan, undang-undang dan kehakiman, perkhidmatan awam dan perkara-perkara yang berhubung dengan penubuhan pejabat-pejabat persekutuan.

Dalam bulan September, Majlis Undangan Sabah telah dengan sebulat suara menerima pada dasarnya keputusan Kerajaan Tanah Melayu dan Kerajaan British untuk menubuhkan Malaysia pada 31 Ogos 1963 jika syarat-syarat untuk masuk dan peraturan-peraturan perlembagaan boleh melindungi kepentingan-kepentingan istimewa Sabah dipersetujui. Majlis ini juga telah memberi kuasa kepada enam orang Ahli Majlis Undangannya untuk mewakili Sabah dalam Jawatankuasa Antara Kerajaan.

Dalam bulan itu juga, Council Negeri Sarawak, dengan tidak ada undi membangkang telah menerima baik keputusan itu. Dengan kepercayaan yang kepentingan Sarawak akan dilindungi, council juga telah melantik lapan orang untuk mewakili Sarawak dalam Jawatankuasa Antara Kerajaan itu. Apabila telah ada wakil-wakil Sabah dan Sarawak dalam jawatankuasa itu, maka perundingan-perundingan pun diteruskan dengan wakil-wakil penduduk tempatan.

Semasa Jawatankuasa Antara Kerajaan menjalankan syor-syornya dalam bahagian akhir tahun 1962, beberapa perkembangan telah berlaku berkenaan dengan Malaysia. Sesetengah daripada anasir puak kiri, terutamanya golongan-golongan yang bersekutu dengan Barisan Sosialis Singapura yang telah ditubuhkan setelah terjadi perpecahan di kalangan Parti Tindakan Rakyat, telah menentang rancangan pembentukan Malaysia dan telah menuduhnya sebagai suatu komplot

penjajahan cara baharu (neo-colonialist) untuk mengekalkan penguasaan British di kawasan ini.

Mereka telah menafikan hakikat bahawa British telah bersedia untuk menarik balik penjajahannya ke atas wilayah-wilayah Borneo dan Singapura dengan lebih cepat. Golongan-golongan pelampau daripada puak kiri itu telah juga menuduh Persekutuan Tanah Melayu sebagai suatu kuasa penjajah baharu yang sedang meluaskan kerajaannya setelah mengambil tempat British. Mereka telah menafikan perundingan-perundingan yang teliti yang telah diadakan dengan kerajaan-kerajaan dan rakyat di wilayah-wilayah itu. Mereka menganggapnya sebagai tidak sah kerana wilayah itu masih lagi di bawah kuasa British. Mereka juga mengatakan negara baharu yang dicadangkan itu ialah suatu gabungan perkongsian dan bukannya suatu kuasa tertinggi yang merangkumi wilayah-wilayah berkenaan.

Penentangan itu sebenarnya dihasut oleh komunis yang berasa bimbang negara Malaysia yang baharu itu akan menjadi suatu negara demokrasi yang kukuh dan maju. Dengan demikian, ia tidak lagi akan menjadi suatu kawasan yang tidak tenteram yang membolehkan fahaman komunis meresap dengan mudah. Golongan ini dengan terus-menerus telah menyebarkan dakyah dengan memomok-momokkan fahaman perkauman Cina di Singapura. Mereka yakin pungutan suara di Singapura itu akan membuktikan dengan sepenuhnya yang rakyat Singapura menentang pencantuman itu sepenuhnya.

Mereka memberitahu penduduk-penduduk Singapura supaya menunjukkan penentangan mereka kepada cadangan penubuhan Malaysia itu dengan membuang undi kosong. Pungutan suara tersebut akan diadakan pada 1 September 1962. Keputusannya adalah seperti berikut:

- Pilihan A:* Pencantuman dengan syarat-syarat yang telah dipersetujui oleh Kerajaan Singapura dan Persekutuan pada bulan November 1961 menerima sebanyak 397 626 undi (sebagai yang telah dipinda kemudiannya).
- Pilihan B:* Pencantuman dengan tidak bersyarat dengan 11 Negeri-negeri Melayu yang ada sekarang menerima 9442 undi.
- Pilihan C:* Pencantuman dengan syarat yang sama dengan yang diberi kepada ketiga-tiga wilayah Borneo menerima sebanyak 7911 undi.

Undi kosong adalah sebanyak 144 077. Jumlah undi yang telah dibuang ialah lebih daripada 560 000. Maka, jelaslah rakyat Singapura menyokong syor-syor pencantuman itu.

Penentangan terhadap Malaysia kemudiannya telah berkisar ke Brunei. Dalam bulan Julai 1962², Majlis Undangan Brunei telah meluluskan rancangan Malaysia pada dasarnya. Sultan Brunei telah menyatakan sokongannya jika syarat-syaratnya boleh memberi manfaat kepada Brunei. Tetapi, tidak ada keputusan muktamad yang telah diambil memandangkan pentingnya masalah itu.

Dalam bulan September, pilihanraya-pilihanraya yang dijalankan di bawah perlembagaan baharu Parti Rakyat Brunei telah mendapat kemenangan besar. Sungguhpun ia tidak menentang Malaysia secara langsung tetapi berpendapat sebelum sebarang langkah dibuat ke arah penubuhan Malaysia, ketiga-tiga wilayah itu hendaklah disatukan di bawah pemerintahan Sultan Brunei sebagai Ketua Negara yang berperlembagaan. Sambutan terhadap syor di Brunei tidak dapat dipastikan sungguhpun pada suatu masa dahulu Brunei pernah memerintah semua kawasan itu. Tetapi, syor itu tidak mendapat sokongan daripada parti-parti dan rakyat Sarawak dan Sabah.

Wakil-wakil Parti Rakyat yang menang telah mengangkat sumpah sebagai Ahli-ahli Majlis Undangan dan kerajaan berharap yang mereka akan bekerjasama dalam pemerintahan negeri di samping menolong mencipta suatu perlembagaan yang lebih sederhana. Parti Rakyat dengan bersungguh-sungguh telah menyatakan akan melaksanakan tujuan-tujuan itu. Sebaliknya, sesetengah (bukan semua) daripada pemimpinnya telah menubuhkan suatu sayap rahsia dalam parti itu yang dinamakan Tentera Nasional Kalimantan Utara (TNKU) yang bertujuan semata-mata untuk kekerasan.

Dalam bulan Disember, dengan diketuai oleh Azahari, pertubuhan ini pun melancarkan penderhakaan dengan niat menubuhkan suatu negara baharu yang mengandungi Brunei, Sabah dan Sarawak. Sultan Brunei telah meminta pertolongan British untuk memulihkan semula undang-undang dan peraturan dalam negeri itu. Penderhakaan itu telah dapat dipatahkan dalam masa yang singkat

²"Rundingan Pertama Persekutuan Tanah Melayu-Brunei tentang Gagasan Malaysia pada 9 Julai 1962", Hari Ini dalam Sejarah, Jilid III, Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur 1983 m.s. 29.

sahaja oleh Pasukan-pasukan Keselamatan Tempatan yang taat setia. Mereka telah mendapat bantuan Pasukan-pasukan British yang diterbangkan dari Singapura. Majlis Undangan Brunei pun dibubarkan oleh Sultan untuk sementara waktu dan sebagai gantinya, baginda telah melantik suatu Majlis Darurat untuk menjalankan tugas-tugas kerajaan dalam negeri. Kerajaan British mengambil tindakan menghapuskan penderhakaan itu mengikut perjanjiannya dengan Sultan Brunei yang dibuat dalam tahun 1959.

Sultan Brunei telah mengumumkan bahawa penderhakaan itu tidak akan mengubah azam kerajaannya untuk menuju kemerdekaan yang akan memberi peluang besar kepada rakyatnya dalam lapangan politik dan ekonomi. Baginda menyatakan badan-badan perwakilan akan ditubuhkan semula secepat mungkin. Setelah keadaan pulih semula di Brunei, suatu rombongan pun dihantar ke Kuala Lumpur untuk meneruskan rancangan Malaysia. Kerajaan Brunei meminta kepastian daripada Kerajaan Tanah Melayu tentang bagaimana kepentingan-kepentingan negeri Brunei dapat dilindungi jika negeri itu memasuki Persekutuan kelak.

Perkembangan di Negeri Brunei telah diikuti dengan cukup hati-hati oleh kerajaan negeri Sarawak dan Sabah. Pemimpin-pemimpin dari semua parti politik mengutuk penderhakaan itu sambil masing-masing menafikan dakwaan Azahari bahawa dia bertindak bagi pihak rakyat dan parti-parti di kedua-dua wilayah itu. Parti Rakyat Sarawak Bersatu yang menentang pembentukan Malaysia bulat-bulat juga mengutuk tindakan-tindakan Tentera Nasional Kalimantan Utara. Bukan sahaja penderhakaan itu tidak mendapat sokongan kuat di Sarawak dan Sabah, malah sokongan moral yang disuarakan oleh sesetengah negara asing telah menguatkan lagi sokongan untuk menubuhkan Malaysia. Sesungguhnya penderhakaan itu telah menaikkan semangat dan kesedaran rakyat di wilayah-wilayah itu akan bahaya yang akan mereka hadapi bersama.

Bukti yang lanjut berkenaan dengan pendapat-pendapat rakyat Sabah telah dapat dilihat daripada keputusan-keputusan pilihanraya tempatan yang diadakan dalam bulan Disember, iaitu sebaik-baik sahaja penderhakaan itu tamat. Pilihanraya-pilihanraya ini sungguhpun diadakan di peringkat tempatan, tetapi bercorak kebangsaan kerana calon-calon yang menang akan menganggotai Majlis Kerajaan Tempatan. Majlis ini seterusnya akan menubuhkan badan-badan pemilih "*electoral colleges*" (seperti di Sarawak) untuk memilih Ahli-ahli Majlis Undangan.



Wakil-wakil Sultan Brunei ke rundingan penubuhan Malaysia yang diketuai oleh Duli Pengiran Pemancha (tengah). (Gambar ihsan Arkib Negara Malaysia)

Dalam pilihanraya-pilihanraya yang diadakan untuk meninjau pendapat rakyat tentang penubuhan Malaysia, calon-calon daripada Parti Perikatan Sabah yang pro-Malaysia atau parti-parti yang bersekutu dengannya telah mendapat kemenangan yang cemerlang. Mereka memenangi sebanyak 104 kerusi daripada jumlah 119 kerusi yang dipertandingkan. Jumlah orang yang membuang undi adalah besar, iaitu di antara 61% dan 94% menurut tempat-tempatnya. Kerusi yang selebihnya dimenangi oleh calon bebas yang kebanyakannya juga pro-Malaysia. Semua Ahli Bukan Rasmi Majlis Undangan yang bertanding (sembilan daripada 18) telah menang. Ini termasuklah pemimpin-pemimpin yang terkemuka menyokong Malaysia. Di daerah Sipitang, pilihanraya ditangguhkan kerana penderhakaan Brunei dan telah diadakan dalam bulan Mac. Pilihanraya di tiga daerah yang lain telah diadakan dalam bulan April 1963. Keputusannya, calon-calon yang menyokong Malaysia telah menang.

Sikap kebanyakan parti-parti politik di Tanah Melayu, Singapura dan ketiga-tiga wilayah Borneo jelas terbukti dalam bulan Februari 1963 selepas Persidangan Jawatankuasa Perundingan Setiausaha Malaysia. Wakil-wakil kanan daripada enam parti politik yang terbesar di kelima-lima wilayah itu telah mengumumkan:

- (a) Kutukan mereka terhadap penderhakaan Brunei.
- (b) Azam mereka untuk penubuhan Malaysia pada 31 Ogos 1963.
- (c) Kutukan mereka terhadap gangguan luar terhadap wilayah dan juga terhadap hal ehwal persekutuan yang telah dicadangkan.

Laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan

Pada 27 Februari 1963, Jawatankuasa Antara Kerajaan telah menyiarkan laporannya setelah melengkapkan segala peraturan perlembagaan untuk Sarawak dan Sabah menyertai Malaysia. Sungguhpun laporan itu meliputi wilayah-wilayah Borneo yang dua itu, tetapi seperti yang diketahui, Malaysia akan mengandungi Tanah Melayu, Singapura, Sarawak dan Sabah. Jika persetujuan dicapai, maka Brunei juga akan menyertainya.

Sungguhpun tugas-tugas jawatankuasa ini tidak termasuk peraturan-peraturan perlembagaan tentang Singapura dan Brunei, tetapi sesetengah daripada syor-syornya yang berkaitan dengan susunan Mahkamah Tertinggi Persekutuan dan penubuhan-penubuhan Mahkamah-mahkamah Tinggi di wilayah-wilayah itu termasuk ke dalam bidang tugasnya. Tetapi, pada amnya syor-syor itu dibuat untuk merangkumi seluruh Malaysia.

Laporan itu mencadangkan supaya Perlembagaan Malaysia itu perlu diasaskan kepada Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu dan perjanjian rasmi di antara Tanah Melayu dengan Kerajaan British hendaklah mengambil kira butir-butir peraturan perlembagaan serta fasal-fasal tentang perlindungan kepentingan istimewa Sabah dan Sarawak.

Laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan itu hendaklah dibentangkan dalam Majlis Undangan kedua-dua wilayah. Jika diluluskan, gubahan perjanjian rasmi hendaklah dibuat dan ditandatangani terlebih awal oleh wakil-wakil negeri dan wilayah-wilayah yang terlibat. Di bawah ini ialah Peraturan-peraturan Perlembagaan yang telah dicadangkan dalam laporan itu secara ringkas:

Agama:

Islam ialah agama rasmi Malaysia, tetapi tidak ada agama rasmi di Sarawak dan Sabah dan perlembagaan menjamin kebebasan beragama bagi semua rakyat. Undang-undang Persekutuan memperuntukkan bantuan kewangan kepada

pertubuhan Islam atau pelajaran Islam. Oleh itu, peruntukan seimbang hendaklah diberikan kepada badan-badan kebajikan Islam di wilayah-wilayah Borneo.

Imigresen:

Urusan imigresen di Malaysia hendaklah ditadbirkan oleh Kerajaan Pusat dan diluluskan oleh Parlimen Persekutuan kecuali dalam perkara-perkara tertentu. Ini termasuklah kemasukan ke negeri-negeri Sabah dan Sarawak yang mempunyai undang-undangnya sendiri dan tidak boleh dipinda atau dihapuskan melainkan dengan persetujuan negeri-negeri berkenaan.

Pelajaran:

Pelajaran hendaklah dijadikan urusan persekutuan dan sistem pelajaran di Sarawak dan Sabah masa ini hendaklah terus dikekalkan di bawah urusan kerajaan negeri sehingga kerajaan-kerajaan itu bersetuju mengubahnya.

Kerakyatan:

Sebarang warganegara United Kingdom dan Tanah-tanah Jajahan yang lahir, yang telah menjadi warganegara Sabah dan Sarawak dengan jalan permohonan atau berdaftar dan orang-orang biasa yang tinggal di sana apabila Malaysia lahir, akan menjadi warganegara dengan kuatkuasa undang-undang. Sebarang orang yang berumur lebih daripada 17 tahun dan orang-orang biasa yang tinggal dalam wilayah-wilayah Borneo boleh meminta menjadi rakyat Malaysia selepas lapan tahun Malaysia ditubuhkan dengan syarat-syarat yang tertentu termasuk telah tinggal di negeri-negeri berkenaan selama 7 tahun ke 10 tahun sebelumnya.

*Dewan Undangan
Persekutuan:*

Dua orang ahli Dewan Negara hendaklah dipilih oleh tiap-tiap Majlis Undangan Borneo. Selain ini, bilangan Ahli Dewan Negara yang dilantik hendaklah ditambah enam orang lagi

kerana kemasukan Sarawak dan Sabah. Ahli-ahli Dewan Rakyat pun terpaksa ditambah daripada 104 orang pada masa ini kepada 159 orang. Ahli-ahli baharu yang dipilih dari Sabah ialah 16 orang dan Sarawak 24 orang (Perjanjian percantuman di antara Persekutuan dan Singapura telah bersetuju supaya Singapura memilih 15 orang ahli).

*Perlembagaan
Negeri-negeri:*

Ketua-ketua negeri di Borneo yang pertama hendaklah dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebelum Hari Malaysia untuk bertugas selama dua tahun. Di Sarawak, Ketua Negeri hendaklah dikenali sebagai Gabenor dan di Sabah sebagai Yang Dipertua Negara. Sama ada benar atau tidak, Perlembagaan Negeri mengandungi syarat-syarat yang sesuai dengan syarat-syarat dalam Perlembagaan Persekutuan masa ini adalah masalah yang akan diselesaikan oleh mahkamah-mahkamah dan bukan semata-mata bergantung kepada pendapat-pendapat Parlimen Persekutuan. Perubahan-perubahan lain yang tertentu berkenaan dengan Perlembagaan Negeri yang dua itu, boleh dibenarkan termasuk kebenaran menamakan Majlis Negeri Sarawak sebagai Majlis Tertinggi (*Supreme Council*) dan Majlis Undangan sebagai Council Negeri.

*Kuasa membuat
undang-undang:*

Perkara yang berhubung dengan ini dibahagikan kepada Majlis Undangan Persekutuan dan Negeri ada dinyatakan pada hujung laporan itu. Senarai-senarai ini dengan sedikit perubahan, adalah diasaskan kepada pembahagian kuasa membuat undang-undang dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. Sesetengah daripada kuasa-kuasa itu haruslah serupa.

Tidak lama setelah Malaysia ditubuhkan, beberapa perubahan telah dibuat dalam peraturan-peraturan pentadbiran kedua-dua buah wilayah Borneo, khasnya tentang perkara-perkara dalam kehidupan sehari-hari. Dalam masa itu, sesetengah daripada kuasa-kuasa persekutuan hendaklah diserahkan kepada kerajaan negeri. Mengikut peraturan ini, perkara-perkara yang utama dalam senarai persekutuan ialah hal ehwal luar, pertahanan, keselamatan dalam negeri, undang-undang civil dan jenayah, peraturan dan pentadbiran keadilan (melainkan undang-undang Islam dan Orang Asli), kerakyatan dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya, jentera kewangan kerajaan (kecuali cukai-cukai jualan negara), perdagangan, perniagaan dan perusahaan, perkapalan, perhubungan dan pengangkutan (kecuali keretapi Sabah), kerja raya dan tenaga, ukur, pelajaran (sabit pada peraturan yang tersebut di atas), perubahan (kecuali Sabah, perkara ini hendaklah berkekal sehingga 1970), buruh dan keselamatan masyarakat, orang-orang asli (sungguhpun berkuatkuasa di persekutuan, tetapi tidak di Sarawak dan Sabah), koperasi, hari-hari kelepasan (kecuali hari-hari kelepasan negeri), pertubuhan-pertubuhan yang bukan perbadanan, pengawalan set-angga-serangga, suratkhbar-suratkhbar dan penyiaran dan badan-badan am untuk kemajuan dan syarikat-syarikat kerjasama.

Perkara-perkara utama dalam senarai Majlis Undangan Negeri ialah Undang-undang Islam dan Undang-undang Adat Istiadat Orang Asli (termasuk undang-undang perseorangan berkenaan dengan nikah kahwin, cerai, nafkah, keturunan dan lain-lain), tanah, pertanian dan kehutanan, kerajaan tempatan, perkhidmatan-perkhidmatan tempatan lain (seperti bomba, rumah-rumah tumpangan, perkuburan, pasar, pelesenan tempat-tempat hiburan dan lain-lain), kerja-kerja raya dan air, mesin-mesin, perkara-perkara kerajaan negeri, penyelidikan atas apa-apa perkara negeri, ganti rugi atas perkara-perkara yang di dalam senarai negeri dan menangkap penyus serta ikan di sungai.

Perkara-perkara yang termasuk di dalam senarai bersama ialah yang berhubung dengan kebajikan masyarakat, biasiswa, perlindungan binatang-binatang liar, ternakan, perancangan bandar dan kawasan luar bandar, pengemis-pengemis dan penjaja-penjaja, kesatuan dan kebersihan awam, parit dan tali air dan pemulihan tanah-tanah lombong.

*Undang-undang
Kewangan:*

Tertakluk kepada pengecualian yang tertentu, cukai-cukai ialah perkara persekutuan. Sete-

lah diadakan perundingan dengan Pegawai-pegawai Kanan di Sarawak dan Sabah, cukai-cukai di kedua-dua wilayah itu hendaklah dinaikkan ke paras Persekutuan dengan beransur-ansur. Untuk membiayai perkhidmatan-perkhidmatan negeri dan untuk kemajuan, maka kerajaan-kerajaan negeri memerlukan hasil yang cukup. Oleh itu, peruntukan perlulah diberikan kepada wilayah-wilayah Borneo itu seperti yang diperuntukkan kepada negeri-negeri dalam Persekutuan Tanah Melayu pada masa ini. Sebagai contoh, cukai-cukai tertentu dikenakan ke atas barang-barang petroleum, kayu-kayu balak dan galian, hasil daripada cukai jualan dan bayaran-bayaran pelabuan.

Di Sabah, selagi kerajaan negeri bertanggungjawab ke atas perubatan dan kesihatan, maka 30% daripada hasil kastam hendaklah diperuntukkan kepadanya. Di antara pemberian-pemberian yang lain termasuklah pemberian tahunan atau pemberian istimewa bagi negeri-negeri Sarawak dan Sabah daripada sumber-sumber Persekutuan. Tujuannya ialah untuk meluaskan perkhidmatan negeri-negeri itu. Pemberian ini berjumlah 40% daripada sebarang hasil tambahan persekutuan yang akan diambil daripada negeri-negeri lain, tetapi perkara itu belum lagi muktamad.

Kerajaan Tanah Melayu akan mencuba sedaya upaya supaya Sarawak membelanjakan M\$300 juta untuk pembangunan dalam rancangan lima tahun pertamanya selepas lahirnya Malaysia. Tanah Melayu juga tahu yang Sabah memerlukan anggaran M\$200 juta dalam masa yang sama dan maklum bahawa wang bantuan dari luar negeri adalah diperlukan. Britain telah berjanji akan memberi \$1.5 juta setahun selama lima tahun untuk pembangunan wilayah-wilayah Borneo.

Pilihanraya:

Ahli-ahli Dewan Undangan Persekutuan dari Sarawak dan Sabah pada mulanya hendaklah dipilih oleh Majlis-majlis Undangan Negeri. Pilihanraya terus ke Parlimen Persekutuan (dan ke Majlis Undangan Negeri) yang pertama hendaklah diadakan selepas perayaan ulang tahun Malaysia yang kelima atau terdahulu daripada itu, jika kerajaan negeri bersetuju. Pilihanraya-pilihanraya hendaklah menjadi tanggungjawab Suruhanjaya Pilihanraya Persekutuan dan ahli-ahlinya hendaklah ditambah seorang lagi dari tiap-tiap wilayah Borneo itu.

Kehakiman:

Sebagai tambahan kepada Mahkamah Tertinggi Malaysia, maka hendaklah ada tiga Mahkamah Tinggi untuk Negeri-negeri Tanah Melayu, satu masing-masing untuk Singapura dan untuk wilayah-wilayah Borneo. Mahkamah Tertinggi hendaklah mempunyai kuasa-kuasa untuk menimbangkan permohonan-permohonan ulang bicara dari Mahkamah-mahkamah Tinggi dan juga pertelingkahan-pertelingkahan di antara negeri-negeri atau di antara negeri-negeri dengan persekutuan atas masalah perlembagaan yang tertentu. Maka oleh itu, Mahkamah-mahkamah Tinggi hendaklah ada kuasa asal yang tidak terhad dan juga kuasa menimbangkan kes-kes dari Mahkamah-mahkamah Rendah dalam negeri-negeri. Undang-undang dan adat istiadat orang-orang asli dan Mahkamah Orang Asli hendaklah kekal di bawah kerajaan negeri (Mahkamah Tertinggi akan dikenali sebagai Mahkamah Persekutuan).

Perkhidmatan Awam: Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang berasingan hendaklah ditubuhkan di tiap-tiap negeri. Cawangan-cawangan Suruhanjaya Perkhidmatan Persekutuan hendaklah ditubuhkan sekurang-kurangnya untuk selama lima

tahun di Sarawak dan Sabah. Ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri hendaklah berkhidmat dengan cawangan-cawangan negeri Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan. Pegawai-pegawai yang ada sekarang, termasuk pegawai-pegawai dagang, hendaklah diberi hak naik pangkat atau ditukar ke perkhidmatan persekutuan. Tetapi, pegawai-pegawai golongan ini tidaklah boleh ditukarkan ke luar wilayah-wilayah Borneo melainkan dengan persetujuan mereka. Berhubung dengan pengambilan pegawai-pegawai baharu di wilayah-wilayah Borneo, keutamaan hendaklah diberikan kepada orang-orang wilayah Borneo.

Bahasa Kebangsaan: Bahasa Melayu hendaklah dijadikan Bahasa Kebangsaan, tetapi bagi tempoh 10 tahun selepas tertubuhnya Malaysia. Kemudian dari itu, sehingga Majlis Undangan Negeri menetapkan, maka bahasa Inggeris tetap menjadi bahasa rasmi. Ahli-ahli Parlimen Persekutuan yang mewakili Negeri-negeri Borneo hendaklah dibenarkan menggunakan bahasa Inggeris dalam Parlimen selama 10 tahun sehingga Parlimen membuat keputusan yang lain.

Bumiputera: Syarat yang ada dalam Perlembagaan Persekutuan sekarang yang berhubung dengan orang-orang Melayu hendaklah juga dikenakan kepada bumiputera negeri Borneo dan menganggap mereka seperti orang-orang Melayu.

Undang-undang masa kini:

Undang-undang di negeri-negeri wilayah Borneo sebelum Malaysia ditubuhkan hendaklah dijalankan terus. Tetapi, undang-undang yang tidak sesuai dengan sebarang syarat dalam perlembagaan akan dipinda atau diubah oleh badan-badan yang tertentu.

*Perjanjian-perjanjian
Kewangan atau
Bantuan Teknik
Antarabangsa:*

Kerajaan Persekutuan hendaklah menentukan yang perjanjian-perjanjian kewangan dan bantuan teknik yang ada sekarang diteruskan. Tetapi, jaminan hendaklah dibuat oleh kerajaan persekutuan yang perjanjian-perjanjian itu dibuat oleh kerajaan-kerajaan negeri dan faedah-faedahnya hendaklah dinikmati oleh negeri-negeri yang berkenaan.

Laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan, selepas disiarkan telah dibentangkan dalam Majlis-majlis Undangan kedua-dua Negeri, iaitu Sarawak dan Sabah dan diluluskan. Di Sarawak, Council Negeri telah menerima syor-syor jawatankuasa itu dengan tidak ada sebarang tentangan apabila majlis itu bersidang pada 8 Mac. 17 daripada 30 ahli tidak rasmi telah berucap. Undian dengan mengangkat tangan telah dijalankan dan empat ahli tidak mengundi. Di Sabah, keputusan-keputusan pilihanraya kerajaan tempatan menunjukkan bahawa ahli-ahli tidak rasmi majlis itu adalah tidak syak lagi mewakili pendapat-pendapat orang ramai. Majlis Undangan Negeri telah meluluskan dengan sebulat suara suatu laporan Jawatankuasa itu pada 13 Mac.

Bagi pihak rakyat Sarawak dan Sabah, masalah Malaysia masa ini telah selesai. Mereka telah turut sama berunding pada setiap peringkat perundingan itu. Pemimpin-pemimpin mereka turut mengambil bahagian dalam membuat syor-syor perlembagaan. Sebelum Malaysia lahir, rakyat di kedua-dua wilayah itu telah banyak mengalami perubahan perlembagaan dan badan-badan perwakilan mereka telah berada di peringkat yang lebih maju apabila Malaysia ditubuhkan. Pada 10 Mac 1963, Council Negeri Sarawak dengan sebulat suara meluluskan suatu usul pindaan-pindaan kepada perlembagaan untuk menubuhkan:

- (a) Sebuah Majlis Tertinggi (*Supreme Council*) yang mengandungi Ketua Menteri, tiga ahli kerana jawatan (*ex-officio*) dan lima ahli Council Negeri yang akan dilantik oleh Gabenor dengan nasihat Ketua Menteri.
- (b) Sebuah Council Negeri yang mengandungi seorang speaker, tiga ahli kerana jawatan (*ex-officio*), 36 ahli dipilih, seorang ahli tetap dan tiga ahli dilantik.

Perubahan-perubahan ini telah bermula pada 1 Jun setelah Council Negeri yang ada pada masa itu dibubarkan. Pilihanraya-pilihanraya umum telah diadakan pada pertengahan bulan Ogos, iaitu apabila peraturan-peraturan baharu bermula berkuasa. Oleh itu, sebelum Malaysia ditubuhkan, Sarawak telah ada sistem bermenteri dan Majlis Undangan dengan hampir kesemua ahlinya dipilih oleh rakyat.

Di Sabah, setelah pilihanraya kuasa tempatan tamat dalam bulan April, Kuasa-kuasa Tempatan yang baharu yang bertugas sebagai badan-badan pemilih telah dimulai pada 25 Mac apabila enam ahli tidak rasmi telah diberi tanggungjawab-tanggungjawab pentadbiran. Oleh itu, apabila Malaysia lahir, Sabah telah mempunyai Majlis Undangan Negeri dengan kebanyakan anggotanya dipilih oleh rakyat dan sistem bermenteri telah pun berjalan.

Pada 8 Februari 1963, Kerajaan Brunei telah mengumumkan keinginannya untuk menyertai Malaysia jika syarat-syarat dan peraturan-peraturan perlembagaan dapat dibuat dengan memuaskan. Wakil-wakil Kerajaan Tanah Melayu dan Brunei pun mulalah menggubal tajuk-tajuk perjanjian. Apabila selesai, perjanjian-perjanjian itu akan dipertimbangkan bersama oleh kerajaan-kerajaan berkenaan dengan Kerajaan British. Pada masa yang sama, wakil-wakil Kerajaan Tanah Melayu dan Singapura sedang merundingkan peraturan-peraturan perlembagaan untuk Singapura menyertai Malaysia berasaskan kepada perjanjian percantuman yang dibuat pada bulan November 1961.

Sungguhpun perundingan-perundingan antara Tanah Melayu dan Singapura pada suatu peringkat telah menempuh kerumitan kerana tidak ada persetujuan atas perkara-perkara yang berkaitan dengan pasaran bersama dan peraturan kewangan, tetapi segala masalah telah dapat diselesaikan dengan aman dalam persidangan di London pada bulan Julai apabila Perjanjian Malaysia ditandatangani.

Kerumitan-kerumitan telah juga dialami dalam perundingan di antara Tanah Melayu dengan Brunei atas soal-soal kewangan dan taraf Sultan Brunei. Sungguhpun kesulitan yang pertama dapat diatasi, tetapi perkara itu bukan hendak menyelesaikan kesulitan yang kedua, iaitu yang berhubung dengan kesultanan kerana perkara itu bukan dalam kuasa Kerajaan Tanah Melayu untuk menyelesaikannya. Hanya persidangan Raja-raja sahaja yang boleh memutuskan. Perkara itu tidak boleh dibangkitkan dan tidak ada persetujuan daripada Sultan Brunei sendiri dan baginda tidak membawanya untuk dipertimbangkan. Oleh itu, perkara ini telah terbenkakai.

Disebabkan perkara inilah Brunei telah memutuskan tidak akan memasuki Malaysia. Sungguhpun hal ini mendukacitakan, tetapi ini juga membuktikan tidak ada sebarang tekanan atau paksaan ke atas sebarang negeri untuk memasuki persekutuan yang dicadangkan itu. Jika Malaysia ingin kekal, maka negara tersebut hendaklah ditubuhkan atas dasar kebebasan dan sukarela untuk keamanan, kebahagiaan dan kemakmuran rakyat di semua bahagian negara yang baharu itu. Inilah perkara yang dititikberatkan oleh ketua perancang negara baharu ini, Tunku Abdul Rahman Putra.

Persidangan di kalangan Ketua-ketua Kerajaan³ telah diadakan di London pada 8 Julai 1963 untuk menandatangani Perjanjian Malaysia yang dibuat di antara Persekutuan Tanah Melayu, United Kingdom of Great Britain, Ireland Utara, Sabah, Sarawak dan Singapura.

Perjanjian ini melucutkan kedaulatan kerajaan British ke atas Sarawak, Sabah dan Singapura. Kedaulatan baharu ini sekarang beralih kepada Malaysia pada 31 Ogos 1963. Perjanjian ini juga meluaskan kuatkuasa Perjanjian Pertahanan Luar dan Bantuan Bersama di antara Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dan Kerajaan United Kingdom yang dibuat pada 12 Oktober 1957 ke atas semua wilayah Malaysia, dan membuat butir-butir peraturan perlembagaan termasuk perlindungan bagi hak-hak istimewa Sarawak dan Sabah.

Perjanjian ini juga telah memberi kelulusan kepada Dewan Orang Ramai British untuk meluluskan Rang Undang-undang Malaysia pada 19 Julai. Di samping itu, Dewan Pertuanan telah meluluskannya pada 26 Julai, dan kebenaran Diraja telah diberi pada 31 Julai 1963.

Dewan Perhimpunan Singapura telah meluluskan Perjanjian Malaysia pada 2 Ogos. Majlis Mesyuarat Undangan Sabah mengesahkan lagi keputusannya dahulu, iaitu Sabah mestilah mendapat kemerdekaan melalui Malaysia dan menerima perjanjian itu pada 8 Ogos. Council Negeri Sarawak meluluskan Perjanjian Malaysia pada 21 Ogos.

Di Tanah Melayu, Dewan Rakyat menerima Perjanjian Malaysia dan menyokongnya pada 15 Ogos. Rang Undang-undang Malaysia pun diluluskan pada 20 Ogos dan Dewan Negara meluluskannya pada 21 Ogos.

³"Rundingan akhir penubuhan Persekutuan Malaysia di London pada 8 Julai 1963", Hari Ini dalam Sejarah, Jilid III, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur 1983 m.s. 25.

Rang Undang-undang Malaysia yang dibentangkan dalam Parlimen Tanah Melayu memberi kebenaran bagi Akta Malaysia dikuatkuasakan pada 31 Ogos 1963 dengan perisytiharan oleh Yang di-Pertuan Agong. Ini bersesuaian dengan keputusan Mesyuarat Kabinet Tanah Melayu pada 7 Ogos, menengguhkan Malaysia selama beberapa hari untuk membolehkan wakil Setiausaha Bangsa-bangsa Bersatu dan rombongan peninjauannya menyiapkan kerja-kerja mereka menentukan hasrat rakyat Sabah dan Sarawak.

Semenjak penderhakaan Brunei dalam bulan Disember 1962, Kerajaan Indonesia secara terang-terangan menentang pembentukan Malaysia dan telah melancarkan dasar konfrontasi ke atas Tanah Melayu serta menjalankan kempen menyerang peribadi Tunku Abdul Rahman Putra, perancang pembentukan Malaysia. Walau bagaimanapun, disebabkan keinginannya kepada keamanan dan persahabatan, Tunku telah menerima pelawaan untuk menemui Presiden Sukarno di Tokyo pada penghujung bulan Mei 1963. Sebagai hasilnya, suatu Persidangan Menteri-menteri Luar telah diadakan pada awal bulan Jun. Ini diikuti pula dengan Persidangan Ketua-ketua Kerajaan Tanah Melayu, Filipina dan Indonesia di Manila pada penghujung bulan Julai.

Dalam persidangan-persidangan ini, Filipina dan Indonesia yang menentang penubuhan Malaysia telah mengumumkan yang mereka mengalu-alukan Malaysia jika rakyat Sarawak dan Sabah memang ingin akan pembentukan tersebut, iaitu sesuai dengan dasar-dasar penentuan diri sendiri. Untuk membolehkan Kerajaan Indonesia dan Filipina mengalu-alukan pembentukan Malaysia maka satu persetujuan meminta Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu atau wakilnya menentukan hasrat rakyat di kedua-dua wilayah itu dicapai. Peraturan-peraturan telah dibuat dengan Kerajaan United Kingdom, Sabah dan Sarawak untuk memberi kemudahan-kemudahan bagi rombongan Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu itu menjalankan tugas mereka di kedua-dua wilayah itu.

Hendaklah ditegaskan, iaitu peninjauan ini bukanlah suatu syarat bagi penubuhan Malaysia, kerana pada pendapat kerajaan Tanah Melayu, sebahagian besar rakyat Sarawak dan Sabah telah dengan terang-terang menyatakan hasrat mereka untuk menyertai gagasan Malaysia. Kenyataan ini telah dibuat melalui pilihanraya bebas yang telah dijalankan di kedua-dua wilayah itu. Peninjauan ini dipersetujui hanya untuk membolehkan Kerajaan Indonesia dan Filipina mengalu-alukan penubuhan Malaysia.

Oleh sebab Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu telah menyatakan yang beliau dapat menyiapkan tugasnya pada 14 September, maka pada 29 Ogos, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka baginda Yang di-Pertuan Agong pun menandatangani suatu perisytiharan menubuhkan Malaysia pada 16 September 1963.

Oleh itu, dalam masa tidak sampai 28 bulan selepas Tunku mengemukakan cadangannya, Malaysia telah wujud sebagai sebuah persekutuan yang menyatukan 10 juta penduduk daripada pelbagai bangsa seperti Melayu, Iban, Dayak Darat, Melanau, Dusun, Kadazan, Murut, Bajau, Cina dan India dalam suatu negara yang merdeka menjunjung tinggi keadilan, keamanan dan kemakmuran dan berusaha untuk mencapai kebebasan dan kebahagiaan bagi semua.

Perlembagaan Malaysia ialah undang-undang utama yang diamalkan di seluruh negara. Perlembagaan ini meliputi bidang kuasa yang luas bagi pemerintahan negara menentukan hak-hak perseorangan serta sejauh mana dan dalam bidang apa seseorang pentadbir boleh menghadkan hak-hak ini.

Perlembagaan menjamin kebebasan seseorang, perlindungan daripada undang-undangjenayah yang telah lalu dan perbicaraan yang berulang, persamaan dalam menghadapi undang-undang, kebebasan untuk bergerak, kebebasan bercakap, bermesyuarat dan berpersatuan, kebebasan beragama dan kebebasan memiliki harta.

Perlembagaan tidak membuat undang-undang secara terperinci, tetapi memberi kuasa-kuasa pemerintahan seperti mana yang dikehendaki dalam negara demokrasi berparlimen yang memberi kebebasan kepada rakyat. Perlembagaan boleh dipinda oleh Parlimen sekiranya mendapat sokongan dua pertiga daripada jumlah ahli.

Kuasa kehakiman di Malaysia terletak pada Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Tinggi Tanah Melayu, Mahkamah Tinggi Borneo dan Mahkamah-mahkamah Rendah, Mahkamah Seksyen, Mahkamah Majistret dan Mahkamah Penghulu.

Ketua Tertinggi Kehakiman ialah Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan. Beliau dibantu oleh Hakim Besar kedua-dua Mahkamah Tinggi dan para Hakim Mahkamah Persekutuan.

Mahkamah Persekutuan mempunyai kuasa untuk menentukan sahnya sesuatu undang-undang yang dibuat oleh Parlimen atau oleh Dewan Undangan Negeri atau menyelesaikan perbalahan antara negeri atau antara Persekutuan dengan sesebuah negeri. Mahkamah Persekutuan juga mempunyai kuasa untuk mendengar dan menerima rayuan-rayuan dari Mahkamah Tinggi.

Kesimpulan Muktamad Setiausaha Agung

Berikut ini ialah kesimpulan yang dibuat oleh U Thant, Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu:

"Atas permintaan Kerajaan-kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, Republik Indonesia dan Republik Filipina pada 5 Ogos 1963, saya telah bersetuju untuk meninjau hasrat rakyat Sabah dan Sarawak sebelum Persekutuan Malaysia ditubuhkan. Seperti yang diketahui dalam perutusan saya yang bertarikh 8 Ogos 1963, satu utusan peninjau yang terdiri daripada dua pasukan telah ditubuhkan. Satu bagi negeri Sarawak dan satu lagi bagi negeri Sabah. Mereka bekerja di bawah penyeliaan wakil peribadi saya. Utusan ini sekarang telah pun menyempurnakan tugas peninjauan dan telah melaporkan kepada saya"

"Mula-mula sekali, saya ingin menyatakan terima kasih saya kepada ketiga-tiga kerajaan yang meletakkan kepercayaan mereka kepada saya dengan meminta supaya saya menjalankan tugas untuk meninjau hasrat penduduk-penduduk Sarawak dan Sabah sebelum Malaysia ditubuhkan. Saya juga ingin menyatakan penghargaan saya kepada kerajaan United Kingdom dan kepada pihak yang berkuasa di kedua-dua wilayah itu kerana telah memberi persetujuan mereka supaya dijalankan penyiasatan itu dan kerana memberi kerjasama mereka yang penuh kepada utusan peninjau tersebut."

"Memang sudah termaklum, bahawa penentuan hasrat rakyat di wilayah-wilayah itu akan disempurnakan dalam jangka masa yang dihadkan dan perutusan saya pada 8 Ogos itu telah menyatakan bahawa segala usaha akan dijalankan untuk menyempurnakan tugas itu dengan seberapa segera yang boleh. Kemudian, saya akan mencuba melaporkan kesimpulan saya kepada mereka sebelum 14 September. Dalam masa penyiasatan dijalankan, tarikh 16 September 1963 telah diumumkan oleh Kerajaan Tanah Melayu dengan persetujuan Kerajaan British, Kerajaan Singapura dan Kerajaan-kerajaan Sabah dan Sarawak sebagai tarikh penubuhan Persekutuan Malaysia."

"Perkara ini telah menimbulkan salah faham dan kacau-bilau, bahkan kemarahan di kalangan para peserta lain dalam Perjanjian Manila. Hal ini dapat dielakkan jika



U Thant, anak Asia yang pertama menjadi Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu. (Gambar ihsan Arkib Negara Malaysia)

tarikh itu ditetapkan sesudah kesimpulan saya itu tercapai dan diumumkan."

"Surat permintaan yang ditujukan kepada saya tidak ada menyebut tentang pungutan suara. Saya telah diminta untuk menentukan hasrat rakyat di wilayah itu "Menurut kandungan ketetapan Perhimpunan Agung 1541 (XV), Dasar IX dari Hubungan Ceraian, dengan suatu jalan yang baharu

yang pada pendapat saya mustahak untuk menjamin pelaksanaan yang penuh menurut dasar menentukan nasib sendiri dalam bidang yang dikehendaki oleh Dasar IX." Dengan menimbang soal-soal tertentu yang berkaitan dengan pilihanraya baru-baru ini."

"Utusan peninjau itu telah mengatur rundingan-rundingan dengan rakyat wilayah-wilayah tersebut melalui wakil-wakil yang telah dipilih, pemimpin-pemimpin parti politik dan lain-lain kumpulan dan pertubuhan dan dengan semua orang yang mahu menyatakan fikiran mereka. Segala usaha telah dibuat untuk menentukan hasrat kumpulan-kumpulan khas (orang-orang tahanan politik dan orang-orang yang tidak hadir) yang disebutkan dalam kenyataan bersama di Manila. Utusan peninjau itu telah mengumpulkan dan mengkaji semua surat tentang badan-badan kerajaan, pertubuhan-pertubuhan politik, proses-proses pilihanraya di kedua-dua wilayah itu dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan tugas kewajibannya."

"Kerajaan-kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, Republik Indonesia dan Republik Filipina berasa bahawa adalah seperkara yang diinginkan untuk mengirinkan pemerhati-pemerhati menyaksikan pelaksanaan tugas itu. Kerajaan United Kingdom telah memutuskan bahawa kerajaannya juga berkehendakkan perwakilan yang serupa. Sungguhpun saya tidak berpendapat bahawa persediaan-persediaan bagi para pemerhati itu sebahagian daripada tanggungjawab Setiausaha Agung, tetapi saya telah mencuba menolong kerajaan-kerajaan yang berkenaan untuk mencapai persetujuan. Saya berasa sukacita kerana pada akhirnya satu persetujuan telah tercapai, iaitu para pemerhati daripada semua kerajaan yang berkenaan telah dapat hadir setidak-tidaknya dalam sebahagian daripada peninjauan ini."

"Tetapi, dukacita dinyatakan bahawa persetujuan ini tidak dapat dicapai pada awalnya supaya membolehkan semua pemerhati itu hadir di wilayah-wilayah itu pada sepanjang masa peninjauan itu dijalankan. Dan masalah-masalah tentang taraf pemerhati-pemerhati itu telah melambatkan lagi ketibaan mereka. Suatu suasana yang lebih menyenangkan sepatutnya telah dapat diadakan kalau kemudahan-kemudahan yang diperlukan diberi dengan segera oleh pihak pentadbiran yang berkenaan. Walau bagaiman-

napun, utusan peninjau itu telah membuat catatannya termasuklah merakamkan semua yang didengarnya, yang dapat digunakan oleh pasukan-pasukan pemerhati untuk membolehkan mereka mengikuti dengan sepenuhnya apa yang telah berlaku sebelum mereka tiba."

"Soal pokok penentuan yang diminta saya melakukannya mempunyai erti yang lebih luas daripada soalan-soalan yang dikemukakan dalam permintaan yang ditunjukkan kepada saya oleh ketiga-tiga kerajaan itu. Seperti yang telah saya nyatakan, saya telah diminta "menentukan", sebelum penubuhan Persekutuan Malaysia, hasrat rakyat Sabah dan Sarawak menurut isi Ketetapan Perhimpunan Agung 1541 (XV), Dasar IX Hubungan Ceraian, dengan satu jalan yang baharu pada fikiran Setiausaha Agung mustahak untuk menjamin penyesuaian yang penuh menurut dasar penentuan nasib sendiri dalam bidang yang dikehendaki oleh Dasar IX."

"Tentang perkara percantuman sesebuah wilayah yang tidak berkerajaan sendiri dengan sebuah negara yang sudah merdeka, Dasar IX menyatakan, "Percantuman hendaklah dibuat dalam keadaan-keadaan yang berikut: (a) Wilayah yang hendak bercantum itu mestilah telah mencapai satu tingkat berkerajaan sendiri yang maju dengan badan-badan politik yang bebas supaya rakyatnya mempunyai peluang untuk membuat satu pilihan yang bertanggungjawab menerusi proses-proses yang nyata dan demokratik. (b) Percantuman itu hendaklah diadakan hasil daripada hasrat rakyat dari wilayah itu yang mereka nyatakan dengan bebasnya dengan penuh kesedaran akan perubahan taraf mereka. Hasrat mereka itu hendaklah dinyatakan menerusi proses yang nyata dan demokratik yang dijalankan dengan saksama dan berdasarkan atas hak memilih orang dewasa. Bangsa-bangsa Bersatu jika dikehendaki, boleh mengawasi proses ini."

"Saya telah menimbangkan keadaan-keadaan dalam mana cadangan-cadangan bagi Persekutuan Malaysia ini telah berkembang dan dibincangkan. Kemungkinan rakyat yang maju menerusi tingkat-tingkat berkerajaan sendiri harus kurang dapat menimbangkan dengan sepenuhnya erti perubahan-perubahan yang serupa itu dalam taraf mereka. Daripada masyarakat yang telah pun mengalami kerajaan

sendiri saya juga sedar bahawa rakyat di wilayah-wilayah ini masih berjuang untuk memajukan tingkatan pelajaran mereka."

"Sesudah menimbang dengan sepenuhnya akan hal ini dan menimbang rangka tugas utusan peninjau ini dilaksanakan, saya telah mengambil kesimpulan bahawa suara terbanyak daripada rakyat Sarawak dan Sabah telah menimbang dengan bersungguh-sungguh dan teliti akan nasib mereka pada masa hadapan dan mereka sedar akan akibat daripada penyertaan mereka dalam Persekutuan Malaysia. Saya yakin kebanyakan mereka telah mengambil keputusan bahawa mereka ingin menamatkan taraf mereka yang terjajah dan mencapai kemerdekaan menerusi persatuan yang mereka pilih dengan bebas, dengan orang-orang lain di wilayah yang berhampiran dengan mereka."

"Mereka merasakan perhubungan mereka dengan orang-orang ini adalah hubungan keturunan, bahasa, agama, kebudayaan, ekonomi dan cita-cita. Tidak semua fikiran ini ada dalam setiap orang tetapi, pada kesimpulan saya, kebanyakan rakyat kedua-dua wilayah itu setelah memikirkan segala-galanya ini dan mereka ingin bersatu dengan rakyat-rakyat Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura dalam satu persekutuan yang lebih besar, iaitu Malaysia. Menerusi inilah juga mereka akan sama-sama berjuang untuk melaksanakan cita-cita mereka."

"Berhubung dengan masalah yang tertentu yang ditujukan kepada saya, sesudah disemak dan dihalusi apa yang dilakukan oleh utusan peninjau itu, maka kesimpulan saya ialah:

- (a) Malaysia adalah satu soal yang telah diperbincangkan dengan hangatnyanya oleh orang ramai di merata-rata tempat dan telah menjadi satu perkara besar dalam pilihanraya-pilihanraya di kedua-dua wilayah itu baru-baru ini.
- (b) Daftar-daftar pemilih telah disusun dengan betul.
- (c) Pilihanraya-pilihanraya telah dijalankan dalam suasana yang cukup bebas yang membolehkan calon-calon dan parti-parti politik mengemukakan pendapat-pendapat mereka kepada pengundi-pengundi dan rakyat telah

dapat menyatakan hasrat mereka dengan bebas dengan membuang undi dalam suatu sistem pengundian yang memberikan jaminan-jaminan bagi pengundian dijalankan secara sulit dan langkah diambil bagi mencegah dan membetulkan perbuatan-perbuatan curang.

- (d) Pengundian telah dijalankan dengan sempurna dan undi dikira dengan betul.
- (e) Orang-orang yang berhak mengundi tetapi tidak dapat berbuat demikian kerana berada di dalam tahanan oleh sebab kegiatan politik atau dipenjarakan kerana kesalahan-kesalahan politik berjumlah kurang daripada 100 orang di Sarawak dan lebih kurang lagi di Sabah dalam masa pilihanraya dijalankan. Keterangan yang diberi oleh kumpulan ini terutamanya di Sarawak menunjukkan bahawa mereka menentang Persekutuan Malaysia kalau mereka mengambil bahagian dalam pilihanraya itu. Undi-undi daripada kumpulan ini tidak akan memberi kesan yang cukup kepada keputusan pilihanraya itu. Utusan peninjau itu telah memberikan perhatian kepada kemungkinan kesan daripada sebab tidak adanya orang ini dalam kempen yang diadakan. Sesetengah daripada mereka itu adalah pegawai-pegawai daripada parti anti-Malaysia. Utusan peninjau itu juga telah memberi pertimbangan yang sama kepada soal 164 orang yang dihadkan pergerakan-pergerakan mereka, tetapi, masih mempunyai hak untuk mengundi. Melihat kepada kejayaan besar yang diperolehi oleh Parti anti-Malaysia dalam pilihanraya di beberapa kawasan mereka, maka saya menerima kesimpulan peninjauan utusan saya itu, bahawa usaha-usaha berkempen yang terhad daripada kumpulan yang menentang Persekutuan Malaysia yang memberi kesan kepada keputusan pilihanraya tidak berlaku.
- (f) Utusan itu telah membuat usaha yang khas untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang boleh dipakai tentang orang-orang yang tidak ada dalam wilayah itu pada masa pilihanraya, terutamanya akibat daripada kemungkinan tekanan politik dan lain-lain. Bukti yang

didapati menunjukkan bilangan orang yang serupa itu yang berhak mengundi, tetapi tidak dapat mengundi tidaklah melebihi beberapa ratus orang dan bilangan ini tidaklah memberi kesan kepada keputusan pilihanraya. Saya perhatikan pegawai-pegawai kanan daripada Parti Rakyat Bersatu Sarawak yang menentang Persekutuan Malaysia bersetuju dengan pendapat ini dan saya menerimanya.

"Tugas yang saya jalankan ini adalah berpandukan kepada persetujuan yang dicapai oleh ketiga-tiga kerajaan yang mengambil bahagian dalam mesyuarat-mesyuarat di Manila. Kenyataan dari Republik Indonesia dan Republik Filipina menyatakan bahawa mereka akan mengalu-alukan penubuhan Malaysia kalau sekiranya sokongan daripada rakyat wilayah-wilayah ini ditinjau oleh saya. Pada pendapat saya, pelaksanaan yang lengkap menurut dasar menentukan nasib sendiri dalam bidang yang dikehendaki oleh Ketetapan Perhimpunan Agung 1541 (XV), Dasar IX dari Hubungan Ceraian telah dijamin. Kesimpulan saya, berdasarkan kepada tinjauan utusan saya itu ialah tidak syak lagi bahawa hasrat sebahagian daripada rakyat wilayah-wilayah ini ingin bersekutu dengan Persekutuan Malaysia."

"Sebelum saya menamatkan kesimpulan ini, saya suka menyampaikan penghargaan saya kepada wakil peribadi saya Tuan Michelmore, timbalan wakil saya Tuan G. Janeczek dan kepada semua anggota utusan peninjau Bangsa-bangsa Bersatu tentang Malaysia yang telah menyelesaikan suatu tugas yang sukar dalam masa yang singkat. Tetapi, dalam masa yang sama itu telah menjalankan tugas mereka dalam keadaan yang sebaik-baiknya. Agak mendukacitakan juga, bahawa tugas utusan ini terpaksa disempurnakan dalam had tempoh yang tertentu, tetapi saya berasa yakin bahawa dengan masa yang lebih lama, mungkin utusan itu akan mendapat keterangan dan lain-lain bukti yang lebih banyak. Tetapi ini mungkin tidak akan memberi kesan yang banyak kepada hasil peninjauan ini."

"Semenjak dari awal tahun ini, saya telah memperhatikan ketegangan yang semakin meningkat di Asia Tenggara kerana perselisihan pendapat di kalangan negara-negara yang mengambil berat secara langsung dalam soal Malaysia.

Campur tangan Bangsa-bangsa Bersatu mungkin boleh menolong meredakan ketegangan itu. Saya telah bersetuju untuk memenuhi permintaan yang dibuat oleh ketiga-tiga kuasa yang terlibat. Saya juga berharap usaha-usaha rakan sejawat saya yang terlibat dalam perkara ini akan mengurangkan ketegangan itu. Dan dengan terwujudnya Malaysia kelak, saya berharap persengketaan dan ketegangan yang berpanjangan di kawasan ini akan berakhir."

"Peralihan wilayah-wilayah yang terjajah yang melalui proses menentukan nasib sendiri telah menjadi wilayah-wilayah yang bertaraf kerajaan sendiri, sama ada sebagai sebuah negara yang merdeka yang berdaulat atau sebagai sebahagian daripada negara yang berkuasa sendiri kepada kesatuan yang lebih besar, adalah sentiasa menjadi satu daripada tujuan piagam dan cita-cita Bangsa-bangsa Bersatu."

"Walau bagaimana asal cadangan Malaysia itu, kelihatan pada saya menerusi peristiwa-peristiwa yang sebenarnya, termasuklah peninjauan ini bahawa kita telah menyaksikan berjalannya proses yang sama menuju ke arah berkerajaan sendiri di Sarawak dan Sabah. Saya benar-benar berharap semoga rakyat di wilayah-wilayah ini akan mencapai kemajuan dan kemakmuran di samping mencapai cita-cita mereka sebagai keluarga Negara Malaysia."

DETIK-DETIK PERISTIWA PENTING

Tahun 1961

- 4 Januari:* Pertabalan DYMM Raja Perlis, Tuanku Syed Putera ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ketiga bagi Persekutuan Tanah Melayu.
- 9 Februari:* Parlimen meluluskan Rancangan Lima Tahun Kedua Persekutuan Tanah Melayu 1961-1965.
- 12 Februari:* Persatuan Penulis Nasional (PENA) telah dirasmikan pembukaannya oleh Encik Abdul Rahman bin Talib, Menteri Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu di Universiti Malaya.
- 27 Mac:* Satu persidangan Kesatuan Wanita Sedunia Bahagian Asia telah dirasmikan oleh DYMM Raja Permaisuri Agong, Tunku Budriah binti Almarhum Tunku Ismail di Universiti Malaya.
- 27 Mei:* Tunku Abdul Rahman Putra, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu mengemukakan Gagasan Malaysia dalam suatu jamuan Persatuan Penulis-penulis Luar, Asia Tenggara atau *Foreign Correspondent Association of Southeast Asia* di Adelphi Hotel, Singapura.
- 3 Jun:* Perdana Menteri Singapura, Tuan Lee Kuan Yew dalam ucapannya sewaktu merayakan Hari Kebangsaan Negerinya telah menyatakan sokongannya terhadap Rancangan Pembentukan Malaysia oleh Tunku Abdul Rahman.
- 5 Julai:* Pertukaran perkataan dasar ketenteraan ke bahasa Melayu termasuk kata-kata untuk memberi perintah

telah diluluskan penggunaannya oleh pihak berkuasa Tentera dan Polis Diraja Persekutuan.

- 31 Julai: Persekutuan Tanah Melayu, Filipina dan Thailand telah mencapai persetujuan untuk membentuk dan melancarkan sebuah Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Kebudayaan yang dikenali dengan nama ringkasnya ASA (*Association of Southeast Asian Countries*) di Bangkok.
- 4 Ogos: Satu persidangan yang dianjurkan oleh UNESCO tentang bahan pandang dengar sebagai alat pendidikan, membuat dan bertukar-tukar filem SeAsia yang Pertama telah diadakan di Kuala Lumpur.
- 10 Ogos: Pengerusi Parti Negara Sabah, ringkasnya PANAS, Tuan Haji Mustapha mengumumkan sokongannya terhadap Malaysia.
- 21 Ogos: Jawatankuasa Perundingan Setiakawan Malaysia atau *Malaysian Solidarity Consultive Committee* ditubuhkan sebagai cawangan kepada Persatuan Parlimen Komanwel.
- 23 Ogos: Mesyuarat yang pertama di antara Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu dengan Perdana Menteri Singapura tentang soal pencantuman.
- 24 Ogos: Mesyuarat yang pertama Jawatankuasa Perundingan Setiakawan Malaysia yang ditubuhkan oleh Ahli-ahli Majlis Undangan Wilayah-wilayah yang berkenaan di Jesselton (Sabah).
- 4 September: Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra telah membuka dengan rasminya Bilik Gerakan Pembangunan Negara di Kuala Lumpur.
- 14 September: Suatu Jawatankuasa Kerjasama telah dilantik oleh Kerajaan Tanah Melayu dan Singapura untuk menyusun butir-butir pencantuman.
- 16 Oktober: Persidangan Tahunan Ketua-ketua Bumiputera Sabah telah meluluskan dengan tidak ada tentangan suatu usul menyokong Rancangan Malaysia dengan 26 undi dan satu tidak mengundi.

- 4 November:* Perhimpunan Agung UMNO, iaitu parti yang utama dalam Kerajaan Tanah Melayu telah menyokong Rancangan Malaysia dan bersetuju untuk memberi sokongan penuh kepada Tunku Abdul Rahman dan Kerajaan Tanah Melayu bagi melaksanakan rancangan itu.
- 19 November:* Pengumuman di Kuala Lumpur dan di London bahawa persetujuan atas Rancangan Malaysia telah dicapai oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dan Kerajaan United Kingdom. Kerajaan-kerajaan ini juga mengumumkan bahawa satu Suruhanjaya Penyiasat akan dilantik untuk menentukan pendapat-pendapat rakyat Sarawak dan Sabah. Pengumuman itu juga menyebut peluasan Perjanjian Pertahanan British-Tanah Melayu agar meliputi Wilayah-wilayah Malaysia.
- 23 November:* Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu atau United Sabah National Organization (USNO) telah ditubuhkan untuk menjalankan tugas penubuhan Malaysia.

Tahun 1962

- 4 Januari:* Kerajaan Sarawak mengumumkan Kertas Putih berkenaan dengan "Malaysia dan Sarawak".
- 6 Januari:* Persidangan yang ketiga Jawatankuasa Perundingan Setiakawan Malaysia di Kuala Lumpur.
- 8 Januari:* Jawatankuasa Perundingan Setiakawan Malaysia mengumumkan bahawa suatu persetujuan lagi telah dicapai atas perkara-perkara seperti pemindahan kedaulatan, kerakyatan, Bahasa Kebangsaan, pelajaran, bantuan kepada agama Islam, kedudukan bumiputera, perlembagaan bagi negeri-negeri dan aspek-aspek ekonomi Malaysia.
- 17 Januari:* Kementerian Luar Negeri telah mengumumkan dengan rasminya pelantikan ahli-ahli suruhanjaya Cobbold yang diketuai oleh Lord Cobbold sendiri. Ahli-ahlinya ialah Sir Anthony Abell, Dato' Wong Pow

Nee, Sir David Watherston dan Encik Muhammad Ghazali Shafie.

- 19 Januari:* Dato' Onn bin Jaafar, jaguh politik kebangsaan yang ulung meninggal dunia.
- 26 Januari:* Rang Undang-undang Institut Penyelidikan diluluskan oleh Dewan Rakyat yang dikenali sebagai Akta Tabung Perusahaan Getah (Penanaman Semula) (Pindaan) 1962 atau *The Rubber Industry (Replanting) Fund (Amendment) Act 1962*.
- 27 Januari:* Persidangan Pertama Pegawai-pegawai Penerangan dan Penyiaran Wilayah-wilayah Malaysia dan Singapura.
- 29 Januari:* Persidangan Pakar-pakar Kaji Haiwan Bangsa-bangsa Bersatu di Kuala Lumpur.
- 31 Januari:* Kerajaan Sabah mengumumkan Kertas Putih berkenaan dengan "Sabah dan Malaysia".
- 1 Februari:* Persidangan yang keempat dan yang akhir Jawatankuasa Perundingan Setiakawan Malaysia di Singapura. Semua ahli jawatankuasa daripada pelbagai parti politik yang diwakili dalam majlis-majlis undangan lima buah negeri itu diumumkan selepas persidangan pada 3 Februari.
- 3 Februari:* Satu memorandum tentang persidangan Malaysia telah ditandatangani di Persidangan Keempat dan terakhir oleh Jawatankuasa Perundingan Setiakawan Malaysia dan Singapura.
- 14 Februari:* Persekutuan Tanah Melayu bersama-sama dengan Amerika Syarikat, Britain, Canada, Denmark, Norway, Finland dan Sweden turut membantu menyelesaikan krisis kewangan Bangsa-bangsa Bersatu.
- 19 Februari:* DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Putera ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail telah berkenan meletakkan batu asas Masjid Negara, Kuala Lumpur.
- 17 April:* Lord Cobbold meninggalkan Borneo dan berlepas ke London setelah selesai penyasatannya untuk

- menentukan pendapat rakyat Sabah dan Sarawak berkenaan dengan Malaysia.
- 28 April:* Persekutuan Tanah Melayu muncul sebagai juara dalam Kejohanan Badminton Asia yang pertama bagi merebut Piala Emas Tunku Abdul Rahman Putra di Stadium Negara, Kuala Lumpur.
- 21 Jun:* Suruhanjaya Cobbold menyerahkan laporan penyasatannya yang menunjukkan sebahagian besar daripada rakyat di kedua-dua buah wilayah itu suka akan pembentukan Malaysia. Laporan itu dikemukakan kepada Kerajaan British.
- 9 Julai:* Rundingan pertama tentang Gagasan Malaysia di antara Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dengan Brunei di Kuala Lumpur.
- 21 Julai:* Sultan Brunei mengumumkan dalam Majlis Undangan Negeri bahawa Brunei menerima Rancangan Tanah Melayu dan Brunei di Kuala Lumpur.
- 1 Ogos:* Kenyataan bersama dikeluarkan di London setelah rundingan-rundingan pada kedua kalinya diadakan di antara Kerajaan Tanah Melayu dengan Kerajaan British berkenaan Malaysia. Persetujuan telah tercapai pada dasarnya, iaitu tertakluk kepada undang-undang yang mustahak. Malaysia akan wujud pada 31 Ogos 1963.
- 14 Ogos:* Rang Undang-undang Perbadanan Simpanan Jemaah Haji telah dibentangkan oleh Menteri Muda Kementerian Luar Bandar, Haji Abdul Khalid bin Awang Osman.
- 15 Ogos:* Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra melaporkan Perjanjian Malaysia yang telah dipersetujui di London dan telah mendapat kelulusan daripada Parlimen kepada Parlimen Tanah Melayu.
- 29 Ogos:* M. Jegathesan, peserta dari Malaysia buat pertama kalinya telah memenangi Pingat Emas dalam acara 200 meter Sukan Asia Keempat di Jakarta, Indonesia.
- 30 Ogos:* Mesyuarat awal Jawatankuasa Antara Kerajaan diadakan di Jesselton. Wakil-wakil Kerajaan Tanah

Melayu, British, Sabah dan Sarawak mengambil bahagian.

- 1 September:* Pungutan suara atas pencantuman telah diadakan di Singapura, 397 000 daripada 625 000 orang pengundi bersetuju akan percantuman mengikut seperti cadangan dalam Kertas Putih Kerajaan Singapura yang telah diluluskan oleh Majlis Perhimpunan Undangan Singapura. Pelampau-pelampau puak kiri, Barisan Sosialis telah menentang pencantuman dan menjalankan kempen menyuruh penyokong-penyokongnya membuang undi kosong.
- 12 September:* Majlis Undangan Negeri Sabah menerima satu usul mengalu-alukan keputusan Kerajaan Tanah Melayu dan Kerajaan British menubuhkan Malaysia pada 31 Ogos 1963. Majlis ini telah melantik enam orang ahli mewakili Sabah dalam Jawatankuasa Antara Kerajaan.
- 26 September:* Council Negeri Sarawak mengalu-alukan persetujuan di London tentang penubuhan Malaysia pada 31 Ogos 1963 dan melantik lapan orang ahli Council itu mewakili Sarawak dalam Jawatankuasa Antara Kerajaan.
- 1 Oktober:* Persidangan kedua Pegawai-pegawai Penerangan dan Penyiaran Malaysia diadakan di Kuala Lumpur.
- 5 Oktober:* Pelantikan suatu Perutusan Bank Dunia untuk menyiasat kedudukan ekonomi Malaysia diumumkan.
- 19 Oktober:* Kerajaan Tanah Melayu mengumumkan pemberian hutang sebanyak \$5 juta dari Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Tanah Melayu (Malayan Employee's Provident Fund) kepada Syarikat Pembangunan Rumah-rumah Borneo. Ini adalah sebagai tanda menunjukkan keinginan Tanah Melayu menolong wilayah-wilayah Borneo dalam projek kemasyarakatan dan ekonomi.
- 23 Oktober:* Profesor Jacques L. Rueff, Ketua Perutusan Bank Dunia ke Tanah Melayu sampai di Kuala Lumpur untuk berunding dengan pemimpin-pemimpin Tanah Melayu dan Singapura.

- 30 Oktober:* Queen Elizabeth memberitahu Parlimen berkenaan dengan Undang-undang Malaysia yang akan dibentangkan ke hadapannya kelak.
- 8 Disember:* Pemberontakan meletus di Brunei dan Sultan Brunei meminta bantuan United Kingdom dan Tanah Melayu untuk mematahkan pemberontakan itu.
- 20 Disember:* Persidangan penuh Jawatankuasa Antara Kerajaan Tanah Melayu, Britain, Sabah dan Sarawak diadakan di Kuala Lumpur.

Tahun 1963

- 2 Februari:* Seramai 97 orang pemimpin sayap kiri ditangkap di Singapura kerana dipercayai menjadi anasir anti penubuhan Malaysia.
- 27 Februari:* Laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan Tanah Melayu, Britain, Sarawak dan Sabah telah ditandatangani dan diserahkan kepada kerajaan masing-masing.
- 28 Februari:* Siri pertama mesyuarat Jawatankuasa Antara Kerajaan Tanah Melayu dan Singapura diadakan bergilir-gilir di Kuala Lumpur dan Singapura.
- 6 Mac:* Persidangan ketiga Pegawai-pegawai Penerangan dan Penyiaran Wilayah-wilayah Malaysia diadakan di Kuching, Sarawak.
- 8 Mac:* Council Negeri Sarawak menerima Laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan.
- 13 Mac:* Majlis Undangan Sabah menerima Laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan.
- 23 Mac:* Suatu istiadat penganugerahan Panji-panji Diraja kepada Pasukan Askar Melayu dan Kor Peninjau telah diadakan di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur.
- 30 Mac:* Perhimpunan besar perikatan parti-parti yang pro-Malaysia dari Tanah Melayu, Singapura, Sabah, Sarawak dan Brunei diadakan di Kuala Lumpur untuk merundingkan soal-soal politik, ekonomi, keselamatan Malaysia dan lain-lain.

- 31 Mac:* Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman berunding dengan Presiden Sukarno dari Indonesia berkenaan dengan polisi konfrontasi Indonesia terhadap Tanah Melayu dan penentangan Indonesia ke atas Malaysia. Presiden Sukarno bersetuju memulihkan semangat Perjanjian Persahabatan Tanah Melayu - Indonesia dan memberhentikan gelagat cela-mencela. Keputusan juga telah dicapai untuk mengadakan Persidangan Kemuncak di antara ketiga-tiga Ketua Kerajaan Tanah Melayu, Indonesia dan Filipina di Manila. Sebelum itu, Persidangan Menteri-menteri Luar hendaklah diadakan untuk membuat persiapan.
- 27 April:* Satu pertemuan penting telah diadakan di antara Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein dengan Naib Presiden Filipina, Emanuel Palaez di Bangsa-bangsa Bersatu, New York.
- 2 Jun:* Persekutuan Tanah Melayu telah diberi penghormatan menjadi tuan rumah bagi Kejohanan Lumba Basikal Asia yang Pertama di Kuala Lumpur.
- 3 Jun:* Pemulihan semula hubungan diplomatik Malaysia-Filipina di Manila.
- 7 Jun:* Timbalan Perdana Menteri Tanah Melayu, Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein telah menghadiri Persidangan Menteri-menteri Luar Tanah Melayu, Indonesia dan Filipina di Manila. Dasar penentuan nasib sendiri telah disebut dan Menteri-menteri Luar Indonesia dan Filipina telah menyatakan bahawa mereka akan mengalu-alukan pembentukan Malaysia setelah Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu atau wakilnya telah dapat menentukan rakyat Sarawak dan Sabah ingin menyertai Gagasan Malaysia.
- 8 Julai:* Rundingan akhir tentang pembentukan Persekutuan Malaysia telah diadakan di London.
- 9 Julai:* Wakil-wakil Kerajaan Tanah Melayu, Britain, Singapura, Sabah dan Sarawak menandatangani satu perjanjian di Malborough House, iaitu Pejabat Perhubungan Komanwel di London.

- 17 Julai:* Menteri Kewangan Persekutuan Tanah Melayu, Tan Siew Sin telah mengumumkan bahawa Persekutuan Tanah Melayu telah berjaya mendapatkan pinjaman wang di London.
- 19 Julai:* Dewan Orang Ramai British meluluskan Rang Undang-undang Malaysia.
- 20 Julai:* Persidangan keempat Pegawai-pegawai Penerangan dan Penyiaran Wilayah-wilayah Malaysia di Jesselton.
- 24 Julai:* Laporan aspek-aspek ekonomi Malaysia oleh Suruhanjaya Bank Dunia diterbitkan.
- 30 Julai:* Sidang Kemuncak Maphilindo yang dihadiri oleh ketua-ketua Kerajaan Tanah Melayu, Filipina dan Indonesia dibuka di Filipina. Mereka yang menghadirinya ialah Tunku Abdul Rahman, Presiden Macapagal dan Presiden Sukarno. Mereka telah menerima laporan dan syor-syor Menteri Luar mereka berikutan Persetujuan Manila. Bagaimanapun, Tunku Abdul Rahman telah menyatakan yang beliau berkehendakkan keamanan dan ingin supaya Negara Malaysia yang baharu ini menikmati muhibah dan persahabatan daripada jiran-jiran tetangga yang rapat dengannya.
- 31 Julai:* Baginda Queen Elizabeth mengurniakan kebenaran Diraja kepada Akta Malaysia.
- 2 Ogos:* Dewan Perhimpunan Singapura meluluskan Perjanjian Malaysia.
- 8 Ogos:* Dewan Undangan Negeri Sabah mengesahkan lagi keputusannya yang dahulu, iaitu Sabah mestilah masuk Malaysia demi untuk mendapatkan kemerdekaan dan meluluskan Perjanjian Malaysia yang telah ditandatangani di London.
- 10 Ogos:* Satu Pameran Perdagangan dan Perindustrian Persekutuan Tanah Melayu yang Pertama telah diadakan di Padang YMCA Brickfields, Kuala Lumpur.
- 13 Ogos:* Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu, U Thant telah melantik ahli-ahli rombongan Bangsa-bangsa

sia dan Filipina. Pendapat rombongan itu mengesahkan sebahagian besar daripada rakyat Sarawak dan Sabah menyokong penuh penubuhan Malaysia.

15 September: Siaran radio seluruh Malaysia telah dimulakan dengan kata-kata pengenalan "Inilah Radio Malaysia" yang meliputi kawasan yang lebih luas termasuk Radio Sabah menjadi Radio Malaysia Sabah dan Radio Sarawak menjadi Radio Malaysia Sarawak.

16 September: Seiring dengan dentuman 101 das tembakan meriam dan teriakan merdeka, Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman telah mengisytiharkan kelahiran sebuah negara baharu kepada seluruh dunia, iaitu Negara Malaysia. Upacara itu diadakan di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur.

SUMBER-SUMBER RUJUKAN

1. Muhammad bin Haniff, *Kamus Politik*, Edisi Jawi, Cetakan Kedua, Pulau Pinang, Februari 1949.
2. *Malaysia Secara Ringkas*, Jabatan Penerangan Malaysia, Kuala Lumpur, 16 September 1963.
3. Tan Sri Jaafar Albar, *Selayang Pandang UMNO 20 Tahun*, Cenderamata Ibu Pejabat UMNO Malaysia, Kuala Lumpur.
4. Anwar Abdullah, *Dato Onn*, Pustaka Nusantara, Petaling Jaya 1971.
5. *Malaysia Secara Ringkas*, Jabatan Penerangan Malaysia, Kuala Lumpur, Januari 1979.
6. *Hari Ini dalam Sejarah*, Jilid I, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 1980.
7. *Hari Ini dalam Sejarah*, Jilid II, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 1981.
8. *Hari Ini dalam Sejarah*, Jilid III, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 1983.